

Jilid II
Bil.27



Hari Isnin
19hb Oktober, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 5993]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 5993]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5995]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 6072)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 [Ruangan 6074]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
1BU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1994

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M-N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.!, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis),

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sugai Siput).

„ Menteri Perusahaan Uiama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Bcruas).

„ " Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., I.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jcrun-Langkawi).


„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
 - „ Menteri Pcrusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., I.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
 - „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
 - „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
 - „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
 - „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
 - „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
 - „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
 - „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.I.N., K.M.N. (Kepala Batas).
 - „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, SJM.S. (Ampang Jaya).
 - „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
 - „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.s.A.p. A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
 - „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
 - „ Timbalan Menteri Tenaga, Telckom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL Rosu BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
 - „ Timbalan Menteri Pcrpaduan Negaradan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
 - „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
 - „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
 - „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
 - „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN  BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.s.D.K., s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN. S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.p.M.s. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN D.S.P.N., (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Bclia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Tcknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Pcrdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA Jui MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Pcrdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Krja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pcbangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG ShE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.p.M.p., A.M.P., P.P.T. **JP**. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Kopcrasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah),
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Balu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAK JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)-
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumul).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukil Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAUIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUI. GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD █ BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.Su. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD Riot ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M... S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N, (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., p.i.s. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Sercmban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamat bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Oktober, 1992

Mesyuarat dtmulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-
AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Syarikat (Pindaan) 1992;
2. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1992;
3. Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992;
4. Akta Perbekalan Tambahan 1991 dan 1992 (No. 2) 1992;
5. Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1992;

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan

- persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"12 Ogos, 1992

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA KEPADA DEWAN
RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah memper-setujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1992;
2. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1992;
3. Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992;
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1991 dan 1992 (No, 2) 1992; dan
5. Rang Undang-undang Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1992;

Yang ikhlas,
t.t.YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA."

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**AKTA PERLINDUNGAN KANAK-
KANAK 1991—KEBERKESANAN**

1. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjelaskan tenlang:

- (a) apakah keberkesanan penguatkuasaan Akta Penganiayaan Kanak-kanak semenjak ianya dilaksanakan;
- (b) adakah kadar kes-kes penganiayaan ini telah menurun dan apakah kesan-kesan lain akibat dari pelaksanaan/penguatkuasaan Akta tersebut; dan
- (c) adakah Akta ini akan turut dipanjangkan di Sarawak. Sita berikan rancangan pelaksanaan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Unlук makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 hanya dikuatkuasakan pada 1hb Mac, 1992. Oleh yang demikian, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan kajian untuk mengetahui keberkesanan Akta berkenaan. Walau bagaimanapun, program-program pencegahan tertentu telah dimulakan. Misalnya, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak telah ditubuhkan di 54 daerah di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, 4 Pusat Aktiviti Kanak-kanak telah dibuka untuk memberi perkhidmatan so-

kongan kepada keluarga-keluarga yang terlibat serta keluarga yang berisiko tinggi. 10 lagi Pusat Aktiviti telah dirancang untuk pembukaan sebelum akhir tahun ini.

- (b) Perangkaan bagi 6 bulan pertama tahun ini ialah 322 kes berbanding dengan perangkaan bagi tahun 1991 keseluruhannya ialah 790 kes. Dengan bertambahnya bilangan kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan, menunjukkan bahawa kesedaran rakyat meningkat dan dengan itu juga ramai kanak-kanak telah dapat diselamatkan.
- (c) Akta ini akan dilanjutkan juga ke Sabah dan Sarawak apabila aspek-aspek perundangan dan pentadbiran yang berkaitan dengannya dapat diselesaikan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin berjanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap Teledera yang dilancarkan bagi mengalasi masalah penderaan kanak-kanak dan bagaimanakah cara Kementerian lakukan untuk mengasingkan aduan tulen dengan aduan palsu?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sejak program Teledera ini dilancarkan iaitu sehingga bulan September yang lalu, Kementerian telah mendapat 1,051 panggilan dan daripada jumlah ini aduan yang disiasat adalah sebanyak 985. Dari kes yang disiasat itu, kita dapati aduan yang tidak lengkap sebanyak 265; jumlah-aduan yang palsu adalah 575 dan jumlah kes penganiayaan adalah 30; dan jumlah kes berkaitan dengan kebajikan daripada panggilan melalui Teledera ini adalah 114. Jadi, jumlahnya 985. Semua panggilan telefon yang kita terima ini kita siasat dan apabila diterima oleh Kementerian, kita

akan terus berhubung dengan daerah ataupun tempat di mana perkara itu berlaku olch kerana kita mempunyai pegawai-pegawai kebajikan di peringkat dacrak unluk menjalankan siasatan.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI—JUMLAH

2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyakkah projek-projek perumahan tergendala yang masih dalam proses pemulihan di seluruh Malaysia selakat 30.10.92 dan beri sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb Jun 1992, sejumlah 148 projek perumahan didapati telah terkandas di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut, sebanyak 43 projek telah sedia untuk dipulihkan manakala 45 lagi kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan. Baki selebihnya adalah dalam kajian kemungkinan atau tidak dapat dipulihkan kerana tidak berdayamaju.

Sehubungan dengan sebab-sebab mengapa projek tersebut terkandas ianya berlaku disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (a) Pemaju menghadapi masalah kewangan termasuk kegagalan mendapatkan pinjaman pembiayaan (bridging loan);
- (b) pemaju kurang pengalaman menyebabkan mereka tidak dapat menampung kenaikan kos yang luarbiasa seperti lanah lombong atau bukit berbatu-batu;
- (c) masalah perselisihan pemaju dengan tuan-tuan tanah dari segi peningkatan terma perjanjian usahasama sebelum projek selesai;

(d) kenaikan harga bahan-bahan binaan dalam tempoh inflasi di dalam tahun-tahun 80an;

(e) kekurangan pembeli menyebabkan projek tidak berdayamaju.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mcnjamin pembeli-pembeli tidak menghadapi kerugian atas projek-projek yang telah diabaikan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti perkara-perkara ini yang mungkin boleh menyebabkan kerugian kepada pembeli-pembeli. Satu daripadanya ialah memperkukuh dan memperkuatkan Akta Pemaju Perumahan termasuklah menyediakan kira-kira housing developers' accounts.

Selain dari itu, pemaju-pemaju juga terkawal disebabkan oleh peruntukan-peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka mendapat pampasan sekiranya rumah lambat disiapkan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat menjamin bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mampu memastikan penyelesaian projek perumahan terbengkalai di seluruh negara bagi mengelakkan keyakinan pembeli-pembeli kepada kemampuan Kementerian?

Soalan yang kedua ialah sejak Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai dihentikan, sejauhmana lain-lain projek perumahan yang terbengkalai berjaya dipulihkan sendiri oleh pemajunya dan bagaimana cara mereka memulihkan projek itu?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha; Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang terbengkalai bukan disebabkan oleh masalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini ialah masalah pemaju itu sendiri, sebaliknya Kementerian dan Kerajaan berusaha untuk memulihkan melalui usaha-usaha seperti penubuhan Tabung dan sebagainya. Selain daripada itu, Kementerian sentiasa mengkaji kelemahan-kelemahan dalam keperluan perumahan dan cara pelaksanaan dengan memperkenalkan sistem-sistem yang baru.

Jadi, masalah kelemahan-kelemahan ini rasa saya tidak sepatutnya dirujuk kepada Kerajaan kerana Kerajaan tidak membina rumah. Selain daripada itu, Kerajaan menyediakan ataupun mengkaji Akta-akta untuk memperkuatkan lagi keperluan-keperluan yang perlu diadakan untuk menentukan supaya kestabilan pengeluaran rumah wujud dan terus dilaksanakan.

Mengenai Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai, walaupun ia telah dihentikan tetapi pemaju-pemaju yang menghadapi masalah boleh lagi membuat permohonan kerana peruntukan masih ada lagi, Jadi, kepada mereka yang memerlukan boleh membuat permohonan tetapi sebaliknya ramai yang tidak perlu membuat permohonan kerana dalam keadaan perumahan yang begitu berdayamaju sekarang ini, banyak projek-projek boleh dilaksanakan, dipulihkan dengan keuntungan yang lebih besar. Jadi, masalah tidak dapat memulihkan dengan bantuan ini tidak timbul sebenarnya.

**DATO BANDAR KUALA
LUMPUR—ISU PERLETAKAN
JAWATAN**

3. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah asas penerimaan perletakan jawatan Tan Sri Elyas Omar sebagai Dato Bandar Kuala Lumpur;

- (b) adakah Kerajaan menganggap Tan Sri Elyas bersalah dalam isu pembelian kereta Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tanpa mengikut peraluran. Jika ya, apakah tindakan yang diambil terhadap beliau. Jika tidak, mengapakah Kerajaan tidak menghalang perletakan jawatan seorang yang dianggap banyak berjasa kepada kemajuan dan pembangunan ibukota,

30. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab sebenarnya perletakan jawatan oleh Tan Sri Elyas Omar sebagai Dato Bandar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

27.70.92

8. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan undang-undang ke atas bekas Dato Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar yang melaku kesalahan dan bertanggungjawab berhubung pembelian 23 buah kereta jenis Volvo, dan apakah hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas beliau.

4.77.92

26. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan terhadap isu skandal pembelian 23 buah Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah menyebabkan Dato Bandar meletakkan jawatan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bersckali dengan soalan Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh pada hari ini (19.10.92) soalan No. 30, soalan daripada Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Nor pada 21.10.92 dan soalan daripada Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok pada 4.11.92.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mencria perletakan jawatan Tan Sri Elyas Omar sebagai Dato Bandar Kuala Lumpur berdasarkan kepada perletakan tersebut dibuat secara sukarela dengan alasan bahawa beliau bertanggungjawab sepenuhnya atas segala tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di dalam isu pembelian 23 buah kereta Volvo untuk kegunaan jabatan-jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Atas kepentingan Kerajaan yakni memastikan supaya kepercayaan orang ramai terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan berterusan, beliau telah mengambil keputusan untuk mengundurkan diri dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan melepaskan jawatan Dato Bandar mulai 17 September 1992. Kerajaan masih belum menganggap Tan Sri Elyas bersalah dalam isu pembelian kereta Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan bahawa penyiasatan masih lagi ditcruskan oleh pihak-pihak yang berknaan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya ada dua alasan mengapa Kerajaan menerima perletakan jawatan itu. Satunya ialah rasa tanggungjawab terhadap peristiwa yang berlaku. Yang kedua, demi untuk menjaga nama baik Kerajaan.

Kalau itulah alasannya, mengapa pula Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan Menteri Pengangkutan tidak mahu meletak jawatan (*Tepuk*) bila perisliwa kebakaran di Lapangan Terbang berlaku dalam tempoh 6 bulan sebanyak 2 kali terbakar manakala di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos pula, apakah Menteri berknaan tidak berasa bertanggungjawab apabila beliau sendiri terlibat dalam skandal \$10 juta saham MAIKA? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa, soalan itu sungguhpun dikaitkan tetapi berlainan langsung daripada soalan asal. (*Ketawa*) Ya, Sungai Besi.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Perlua, saya telah kurang keyakinan daripada sebarang jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sebab pada sesi yang lalu Timbalan Menteri mempertahankan Dewan Bandaraya dengan mengatakan pembelian Volvo ini tulen dan tidak ada salah. (*Tepuk*) Walau bagaimanapun, dia yang berada di sini, saya terpaksa menuju pertanyaan saya kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah memandangkan perletakan jawatan Tan Sri Elyas Omar sebagai Dato Bandar Kuala Lumpur ini membuktikan jawalan Datuk Bandar yang tidak dipilih ini lerededah kepada penyalahgunaan kuasa dan boleh melakukan apa sahaja yang difikirkannya boleh, maka saya ingin berlanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bersetuju dan bercadang bahawa satu pilihanraya diadakan di Kuala Lumpur untuk memilih Dato Bandar dan kaunselor-kaunselor untuk memastikan wang rakyat tidak dibazirkan, kuasa tidak disalahgunakan (*Tepuk*) dan di samping itu, saya ingin bertanya sama ada satu pungutan suara atau referendum penduduk-penduduk Kuala Lumpur boleh diadakan untuk membolehkan penduduk-penduduk Kuala Lumpur memutuskan sendiri sama ada mereka hendak memilih Datuk Bandar atau tidak. (*Tepuk*)

Kerja ini senang sahaja. Suruhanjaya Pilihanraya boleh di....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai:....bukan, bukan! Soalan saya sangat penting ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Tan Kok Wai: Soalan saya, Suruhanjaya boleh diminta untuk mengelolakan referendum sebab.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat, sudah dua soalan tadi (*Disampuk*) Sudah dua tadi, cukuplah. Cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: Kalau selepas ini rakan saya boleh diberikan peluang, memang saya boleh puas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soal salahguna kuasa ini kita tunggu penyiasatan selesai. Referendum dan perlantikan secara pungutan suara ini bertentangan dengan Akta Bandaraya Kuala Lumpur 1972.

PEPERIKSAAN SRP/SPM/STPM— KEBOCORAN KERTAS SOALAN

4. Dr. T. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil terhadap kebocoran kertas Sijil Rendah Pelajaran, memandangkan bahawa kertas peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Oleh itu adalah perlu Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang wajar pada masa hadapan untuk mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap sistem peperiksaan nasional.

26. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sepanjang 5 tahun yang lalu berapakah jumlah kes kebocoran kertas peperiksaan SRP, SPM, STPM dan peperiksaan-peperiksaan yang berkaitan dapat dikesan. Siapakah yang melakukannya;

- (b) sejauh manakah keberkesanan tindakan undang-undang supaya perkara tersebut tidak berulang lagi; dan

- (c) adakah Kerajaan bercadang supaya mana-mana pihak yang terlibat dtambil tindakan undang-undang yang lebih berat seperti ISA.

27. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah hasil siasatan kes kebocoran kertas soalan SRP baru-baru ini, khususnya di mana punca kebocoran sama ada berpunca dari kelemahan sistem kawalan dalaman (internal control system) atau kcgagalan melaksanakannya, dan apakah tindakan mengelakkan berulangnya perkara ini dan kemerosotan keyakinan terhadap sistem peperiksaan negara int di kalangan masyarakat di dalam dan di luar negeri.

29. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan akan diambil untuk mencegah kebocoran soalan peperiksaan itu berulang lagi sepertimana yang berlaku di pcpriksaan SRP baru-baru ini;

- (b) sama ada pihak Kementerian telah mengambil langkah-langkah berkesan untuk mcncegah soalan dari dibocorkan, jika ya, kenapa soalan pcpriksaan tersebut dibocorkan; dan

- (c) siapakah yang akan bertanggungjawab terhadap kebocoran soalan pepcriksaan SRP tersebut.

22-10-92

12. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan kakitangan semua kategori dalam Lembaga Peperiksaan. Apakah fungsi sebenarnya Lembaga ini. Apakah yang sebenarnya berlaku bila adanya

kebocoran kertas soalan peperiksaan pada tahun-tahun 1974, 1989 dan 1992. Bagaimanakah kebocoran tersebut menjejaskan para pelajar dan nilai sijil peperiksaan ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah kebocoran seperti ini.

2-11-92

5. Tuan Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang telah didapati bersubahat dalam kes pembocoran kertas soalan B. Malaysia, Sijil Pelajaran Malaysia tahun 1989 yang lalu; dan
- (b) apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan kejadian sedemikian tidak akan berulang lagi.

11-11-92

5. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Pendidikan menyatakan;

- (a) mengapakah masih berlaku lagi kebocoran soalan peperiksaan seperti Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang diumumkan oleh akhbar baru-baru ini; dan
- (b) sejauh manakah kawalan keselamatan terdapat di Lembaga Peperiksaan pada masa kini, tindakan peristiwa kebocoran soalan peperiksaan ini akan melemahkan keyakinan orang ramai terhadap Lembaga ini di masa akan datang.

16-11-92

18. Dr. V. David minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) dan mengumumkan hasil penyiasatan kebocoran Kertas

Peperiksaan SRP dan juga menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengeluarkan Kertas Putih atas kejadian ini; dan

- (b) adakah Kementerian akan mengulangkaji sistem yang sedang diamalkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia memandangkan kelemahan yang sedia ada dan kebocoran yang sering berlaku.

11-11-92

20. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas keslamatan kertas-kertas peperiksaan tetapi telah cuai atau lalai hingga menyebabkan kebocoran yang berterusan dan kali ini kebocoran telah berlaku ke atas kertas soalan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran tahun 1992, dan apakah jaminan Kerajaan bahawa kebocoran tidak akan berulang lagi.

23. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan sedar pihak Kementerian pernah memberi jaminan bahawa kebocoran soalan peperiksaan tidak akan berulang. Kalau sedar kenapa berlaku kebocoran kertas peperiksaan SRP pada 21 September 1992 lalu, jika tidak adakah jaminan Kementerian sebelum dan selepas ini adalah kosong semata-mata.

19-11-92

28. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah pada tahun ini kertas-kertas soalan peperiksaan SRP boleh bocor lagi, apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil bagi menghalang dari berlaku lagi. Perbuatan orang-orang yang tamak wang dan perangai yang keji ini menyebabkan penceritaan kepada murid-murid yang

ramai dan tidak berdosa. Adakah Kementerian Pendidikan akan merancang hukuman yang lebih berat kepada yang bersalah.

25.11.92

10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kes kebocoran soalan peperiksaan dari tahun 1985;
- (b) adakah kes-kes ini terkandung dalam Akta Rahsia Rasmi;
- (c) adakah di sebalik kegiatan ini terdapat dalang-dalang yang membocorkan soalan-soalan tersebut. Jika terdapat adakah ia melibatkan "orang dalam"; dan
- (d) apakah kaedah-kaedah atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengawal dan mengelak perkara-perkara ini dari berlaku.

1.12.92

28. Tuan R, Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakah langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk menyingkirkan pembocoran kertas-kertas ujian yang disediakan oleh Kementerianya sepertimana berlaku dalam kertas-kertas Sains & Geografi di Peperiksaan SRP baru-baru ini.

7.72.92

27. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan kebocoran soalan peperiksaan sering sahaja berlaku, apakah puncanya berlaku kejadian ini dan apakah langkah Kementerian Pendidikan untuk mengelakkan dari kebocoran soalan ini berlaku lagi.

15.12.92

6. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Pendidikan menjelaskan dari segi pembocoran kertas-kertas soalan SRP, SPM, STPM sejak 1985 dari segi:

- (a) bilangan kerias dan mata pelajaran yang bocor;
- (b) jumlah pelajar yang terjejas;
- (c) punca yang menyebabkan keadaan tersebut;
- (d) langkah-langkah kawalan dan keselamatan kertas peperiksaan;
- (e) kos yang ditanggung oleh Kerajaan;
- (f) tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kemencirian bagi kes-kes yang telah terjadi; dan
- (g) kajian-kajiandari segikelulusan, minat dan sikap pelajar-pelajar yang terjejas terutama jika sekiranya pembocoran itu tidak berlaku.

16.12.92

12. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyak kes pembocoran soalan peperiksaan yang telah berlaku di antara 1960 dan 1970, 1971 dan 1980, 1981 dan 1990, serta dari 1991 ke September, 1992;
- (b) sudahkah Kememerian ini menjalankan kajian yang serius ke atas sebab kerap kali berlakunya pembocoran soalan pcpcriksaan di Malaysia;
- (c) adakah Kementerian ini telah mengkaji sistem pentadbiran peperiksaan, misalnya yang terdapat di Britain; dan
- (d) apakah kesimpulan yang dicapai oleh Kementerian ini dan sama

ada Menteri berkeyakinan mengatakan bahawa tidak akan berlaku lagi pembocoran soalan peperiksaan di masa depan.

11-12-92

23. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengelakkan kebocoran dalam peperiksaan-peperiksaan awam berlaku atau berulang.

25. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya bagi mengatasi masalah pembocoran Kertas Soalan Peperiksaan yang semakin ketara ini.

Menteri Pendidikan (Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat 22 soalan yang sama maksudnya mengenai kes kebocoran kertas soalan peperiksaan secara umum dalam SRP 1992 yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini. Saya mohon keizinan agar soalan-soalan ini dijawab serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Ahli-ahli Yang Berhormat serta tarikh soalan-soalan tersebut yang dikemukakan di Dewan Rakyat adalah seperti berikut; 19 hariibulan iaitu hari ini ada 4 soalan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak usah bacalah. Jika sekiranya sampai 22 itu tak payah bacalah.

Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Boleh, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah pun bcnarkan kesemuanya sekali.

Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Baik. Mengikut siasatan yang telah dtjalankan oleh pihak Polis dan Kementerian Pendidikan, kes kebocoran kertas soalan peperiksaan mata pelajaran Sains dan Geografi Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1992 bukan bcrpunca daripada keclmahan sistem keselamatan peperiksaan Lembaga Peperiksaan, tetapi telah dilakukan oleh pihak luar semasa kertas soalan tersebut menjalani proses percetakan yang tidak diuruskan sendiri oleh Lembaga Peperiksaan.

Selakat ini siasatan pihak polis dan Kementerian Pendidikan menunjukkan tidak ada pegawai atau kakitangan daripada Kementeri Pendidikan amnya dan Lembaga Peperiksaan khasnya yang terlibat dengan kes kebocoran tersebut.

Kes kebocoran peperiksaan SRP 1992 ini telah dibawa ke Mahkamah untuk tindakan sewajarnya. Pihak yang terlibat telahpun didakwa di Mahkamah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Oleh itu tidaklah perlu satu kertas putih mengenainya dikeluarkan. Pihak Kerajaan pula setakat ini belum bercadang untuk mengambil tindakan di bawah Akia Keselamatan Dalam Negeri alaupun ISA untuk membendung kes kbocoran kertas-kertas peperiksaan daripada berlaku memandangkan undang-undang yang ada sudah mencukupi untuk mendakwa pihak yang terlibat dengan kes kebocoran tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, amalan tentang peraturan dan prosedur keselamatan kertas soalan akan terus dilaksanakan dan diperlingkalkan oleh Kementerian Pendidikan untuk mencegah daripada berlakunya kebocoran kertas-kertas peperiksaan. Peraturan dan prosedur yang diamalkan selama ini sekiranya dipatuhi sepenuhnya dapat mengelakkan daripada berlakunya kes kebocoran soalan-soalan peperiksaan.

Kementerian Pendidikan berpendapat, sistem keselamatan yang diamalkan oleh Lembaga Peperiksaan berhubung dengan pentadbiran, pengurusan dan pemerosesannya adalah ketat dan teratur bagi mengawal kertas-kertas peperiksaan daripada mengalami kebocoran. Antara tindakan yang diambil ialah:

- (i) kawasan Lembaga Peperiksaan telah digazetkan sebagai 'kawasan larangan' di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1989;
- (ii) kawalan keselamatan elektronik dipasang di tempat-tempat sensilif di Lembaga Peperiksaan;
- (iii) buku-buku prosedur tentang keselamatan kerias soalan diedar kepada pihak-pihak berkenaan;
- (iv) pegawai-pegawai Kanan Lembaga Peperiksaan berada di tempat-tempat tertentu di seluruh negara pada masa-masa genting (crucial);
- (v) pegawai kanan Lembaga Peperiksaan berada bersama-sama pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri semasa taklimat peperiksaan diberi kepada Penyelia Kawasan dan Ketua Pengawas;
- (vi) lawatan dibuat oleh pegawai kanan sebelum dan semasa peperiksaan dijalankan;
- (vii) langkah-langkah ketat tentang keselamatan maklumat dikenakan semasa kerias soalan dalam pembinaan; dan
- (viii) bantuan dan kerjasama polis diminta untuk urusan keselamatan kerias soalan ini di peringkat- peringkat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, antara tahun 1970 hingga 1992, terdapat 4 kes

kebocoran kertas-kertas peperiksaan yang berlaku seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Peringkat</i>	<i>Mata Pelajaran</i>
1974	SPM	Bahasa Malaysia
1983	STPM	Bahasa Malaysia I dan II; Kertis Am; Ekonomi III Sejarah 2 dan 6; dan GeograCt
1989	SPM	Bahasa Malaysta
1992	SRP	Sains dan Geografi
(lahun ini)		

Tindakan Undang-undang telah diambil terhadap tertuduh dalam ketiga-tiga kes pada tahun 1974, 1989 dan 1992 berdasarkan peruntukan Undang-undang yang ada. Sungguhpun berlaku kebocoran seperti yang disebuikan tadi, sebenarnya nilai sijil peperiksaan bagi tahun-tahun berkenaan tidak terjejas dan calon-calon tidak menghadapi sebarang masalah melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Mengenai kes kebocoran SRP baru-baru ini, sepertimana kita sedia maklum, mereka yang terlibat telah didakwa di Mahkamah dan ketiga-tiga yang teruduh bukanlah kakitangan Lembaga Peperiksaan atau Kementerian Pendidikan. Mereka yang terlibat bolehlah dijatuhi hukuman penjara mandatori tidak kurang dari satu tahun atau hukuman penjara maksima tidak lebih daripada 7 tahun sekiranya didapati bersalah oleh Mahkamah. Ini terpujanglah kepada Mahkamah.

Mengenai kes kebocoran dalam SPM tahun 1989 iclahpun selesai, didengar oleh Mahkamah dan tertuduh telah didapati tidak bersalah dan dibebaskan seorangnya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil kes ini semula dan membuat dakwaan baru. Satu kes mengenai kebocoran soalan peperiksaan SPM

1989 masih dalam proses perbicaraan. Tertuduh yang kedua masih lagi dibicarakan atas kesalahan mencuri kertas soalan peperiksaan Bahasa Malaysia.

Mengenai bilangan kakitangan semua kategori di Lembaga Peperiksaan seperti pada 31hb Ju'ai 1992 ialah seramai 248 orang dan fungsi utama Lembaga Peperiksaan ialah:

- (i) mengendalikan peperiksaan-peperiksaan kebangsaan bagi menilai pencapaian murid-murid dan pelajar-pelajar dari segi pengetahuan am dan kemahiran berdasarkan kurikulum yang ditetapkan;
- (ii) mengendalikan peperiksaan-peperiksaan kebangsaan bagi menilai pencapaian akademik, teknikal dan vokasional untuk tujuan pensijilan, pemilihan dan penempatan; dan seterusnya
- (iii) mengendalikan peperiksaan-peperiksaan luar negara yang tidak bercanggah dengan kepentingan kebangsaan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, mengenai calon-calon SRP yang terlibat menggunakan soalan bocor tadi, adakah satu cara untuk Lembaga mengesan mereka dan apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka? Mengenai pencetak yang telah dilantik oleh pihak Lembaga bagi mencetak soalan-soalan peperiksaan ini, adakah apa perjanjian khusus dari segi keselamatan soalan-soalan peperiksaan dan, jika tidak, adakah Kerajaan bersedia untuk memulihkan imej, mengganiikan pencetak ini dan membatalkan kontraknya dan memberi kepada pencetak-pencetak lain yang lebih berwibawa?

Dato' Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Peperiksaan Malaysia

mempunyai cara-cara di mana mereka boleh mengesan mereka yang menipu seperti ini dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka. Sebenarnya, pelajar-pelajar mengetahui tentang tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang didapati menyeleweng seperti ini kerana tiap-tiap seorang daripada calon itu diberi jadual waktu peperiksaan dan dalam kertas jadual peperiksaan ini ada amaran kepada calon-calon dan calon-calon yang melanggar mana-mana amaran di atas boleh dikenakan tindakan setimpal seperti berikut:

- (i) Disingkir daripada mengambil peperiksaan
- (ii) Dilarang meneruskan peperiksaan bagi kertas selanjutnya
- (iii) Dibatalkan keputusan peperiksaan, dia digantung daripada mengambil peperiksaan selama beberapa tahun. Ini merupakan kita rasa hukuman yang begitu beral sekali.

Mengenai perjanjian daripada pihak pencetak memang kita mempunyai perjanjian dengan pihak pencetak, di antara lain ialah Lembaga Peperiksaan boleh pergi memeriksa cara mereka menjalankan tugas ini. Dan dalam kes ini masih dalam penyiasatan pihak polis tetapi kita kurang senang dengan apa yang berlaku dan saya sendiri telahpun membuat perakuan kepada pihak Jemaah Menteri seperti kita mengambil satu-satu tindakan bagi memastikan perkara macam ini tidak berlaku, walaupun kita dapati seberapa boleh, kita tidak dapat menjamin benda ini tidak ada kebocoran lagi, nobody can do that, dengan izin. Akan tetapi kita berusaha sedaya upaya untuk menentukan supaya perkara macam ini tidak berulang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan tidak berhasrat

untuk mengadakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang membocorkan atau yang melibatkan diri dalam pembocoran soalan ini? Saya rasa dengan cara itu sahajalah kita dapat untuk membendung atau menghapuskan kejadian dalam kes ini. Kalau kita tidak buat begitu saya rasa persoalan seperti itu akan berulang kembali. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan hukuman yang lebih berat daripada apa yang ada sekarang?

Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya umumkan tadi saya rasa amaran-amaran yang telah diberi kepada pelajar-pelajar kita, kita rasa amat berat sekali. Di antara lain mereka kalau didapati, dikesan bahawa mereka betul-betul menipu, maka keseluruhan pemeriksaan itu akan dibatalkan dan juga mereka dilarang daripada mengambil peperiksaan lagi. Ini merupakan satu hukuman yang berat, sepatutnya hukuman seperti ini tidak menggalakkan, dengan izin, discouragc mereka daripada berbuat demikian, tetapi itulah kita manusia ini kadang-kadang selagi wujud orang-orang yang tidak jujur, orang yang tidak ikhlas dan sebagainya, maka benda macam ini berlaku.

Tentang hukuman yang lebih berat saya sendiri suka supaya hukuman yang lebih berat, tetapi ini terserahlah kepada pihak hakim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

(Soalan No. 5. Y.B. Tuan Chian Heng Kai tidak hadir).

**LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA KUALA
LUMPUR**

6. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejauh manakah tahap perancangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di daerah Sepang;

- (b) adakah pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Sepang akan dibincikan kepada kontraktor tempatan atau diserahkan sepenuhnya kepada kontraktor luar negeri; dan
- (c) adakah Kerajaan telah membuat kajiselidik tentang berbagai aspek kesan sampingan yang mungkin berlaku terhadap penduduk di sekitar Sepang apabila projek lapangan terbang antarabangsa yang baru itu dilaksanakan.

19.11.92

18. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejauh manakah perkembangan projek Lapangan Terbang Antarabangsa, yang akan dibina di Sepang selakat ini;
- (b) Syarikat Perunding manakah yang Kerajaan telah pilih untuk merancang projek tersebut;
- (c) sejauh manakah syarikat-syarikat tempatan akan dapat merebut peluang kontrak projek tersebut; dan
- (d) bilakah plan struktur akan dapat disiapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mn menjawab soalan Yang Berhormat ini bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Kuala Langat yang dikemukakan pada 9hb November 1992 berhubung perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kerajaan telah melantik sebuah syarikat konsortium iaitu Anglo-Japanese Airport Consorlium Sdn. Bhd. uniuik menjalankan kajian pelan induk Lapangan Terbang Antarabangsa baru di Sepang. Kajian ini telah mula dijalankan

sejak bulan Februari 1992, Baru-baru ini konsortium telah mengemukakan draf akhir kajian pelan induk kepada Kerajaan sedang menilainya. Keputusan terhadap penerimaan draf akhir laporan akan diputuskan sebaik sahaja syor-syor dalam laporan itu diterima oleh Kerajaan sebelum penghujung tahun ini. Dari segi penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan dalam pelaksanaan projek memangnya menjadi dasar Kerajaan di tiap-tiap projek yang dilaksanakan termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru ini Kerajaan akan memastikan kontraktor tempatan diberi keutamaan untuk terlibat sama dalam pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, bagi komponen-komponen tertentu projek yang memerlukan kepakaran luar seperti bekalan peralatan, komponen-komponen kerja ini akan dilakukan oleh kontraktor luar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesan sampingan kepada penduduk-penduduk tempatan sukacita dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan juga telah melantik syarikat-syarikat perunding yang berasingan untuk menjalankan kajian kesan alam sekitar, Environmental Impact Assessment Study ke atas projek ini. Kajian kesan alam sekitar ini telah dijalankan selari dengan kajian Pelan Induk Lapangan Terbang Antarabangsa baru itu.

Salah satu aspek yang mana telah diberi penekanan sewajarnya dalam kajian ini ialah dari aspek sosio-ekonomi, di mana pegawai-pegawai iktisad yang bersesuaian dan berpengalaman sedang menjalankan kajian dan memperakukan tindakan-tindakan yang wajar diambil oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan pelan struktur Lapangan Terbang Antarabangsa baru itu perkara ini belum timbul sekarang kerana Kerajaan masih belum menerima laporan akhir kajian pelan induk.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan lanjutan. Daripada laporan konsortium yang terakhir kepada Kerajaan berapakah kos yang telah meningkat untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang ini?

Yang kedua, memandangkan apabila berlakunya kebakaran di Subang, bahawa banyak kelemahan-kelemahan terdapat di lapangan terbang tersebut, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mempercepatkan lagi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana draf akhir ini sedang dikaji dan diteliti oleh pihak Kerajaan, maka kos tidak dapat diberitahu pada masa ini. Mengenai kelemahan-kelemahan di lapangan terbang, semuanya diambil kira dan syor ini termasuk dalam plan induk iaitu draf akhir dan sedang dikaji.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada banyak kontrak di Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang, dan saya ingin menanya kepada beliau bahawa kontrak-kontrak yang akan diberi kepada kontraktor ini secara terbuka, open tender atau pun secara lantik yang mana Kementerian Pengangkutan memberikan kontrak advertising di Kementerianannya kepada satu syarikat sahaja, Media House dengan berjuta-juta ringgit.

Soalan kedua saya diberitahu juga kontrak di Sepang untuk advertising, pengiklanan juga diberi kepada Media House Sdn. Bhd. satu syarikat juga dan saya hendak tahu sama ada apa kepentingan Menteri Pengangkutan ada dalam Syarikat Media House Sdn. Bhd.

ini oleh kerana kontrak-kontrak advertising di dalam Kementerian Pengangkutan ini diberikan kepada satu syarikat sahaja dan bukan open tender yang mana Treasury sudah buat satu peraturan bahawa kontrak lebih daripada satu juta, kalau saya tidak salah, mesti melalui tender board dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu apakah Kementerian ini ada berhubung kait dengan Syarikat Media House Sdn. Bhd. ini? Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kontrak-kontrak apakah kontrak-kontraknya saya tidak dapat menyatakan sebab pelan induk itu masih dalam kajian dan cara-cara tendernya itu sebenarnya Kementerian Kewangan mempunyai kuasa muktamad dari segi ini dan terpulang kepada Kementerian Kewangan. Saya tidak sedar ada apa-apa kepentingan Kementerian Pengangkutan terhadap kontrak pengiklanan.

HOSPITAL DAERAH TUARAN - PEMBINAAN

7. Datuk Monggoh Orow minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital Daerah Tuaran akan siap dibina dan boleh digunakan kerana mengikut syarat tawaran, Hospital tersebut sebenarnya patut siap pada bulan November 1991; akibatnya rakyat Malaysia di Daerah Tuaran khususnya tidak mendapat perkhidmatan perubatan yang sepatutnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, Hospital Daerah Tuaran sekarang dijangka siap Disember 1992. Projek ini lewat sedikit dari jadual pelaksanaan yang di ditetapkan oleh kerana keadaan tapak yang berbatu menghalang kelicinan kerja-kerja pelaksanaan. Pada masa ini pembinaan telah siap 97% dan

tinggal kerja-kerja pembinaan jalan dalam kawasan hospital yang sedang dilaksanakan. Pada masa ini perkhidmatan kesihatan yang diperlukan disediakan oleh Pusat Kesihatan Tuaran.

Datuk Monggoh Orow: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa kelambatan projek ini hanya sedikit, lebih daripada satu tahun. Saya fikir satu tahun ini bukan sedikit....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Datuk Monggoh Orow: Ya, satu tahun itu sangat lambat.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu fikiran Yang Berhormat satu tahun itu bukan lama. Ada setengah itu kata seribu tahun pun tak lama! (*Ketawa*)

Datuk Monggoh Orow: Ya, tetapi bagi rakyat di Tuaran ini bukannya sedikit. Dan tapak yang dikatakan memperlambat kerana banyak batu itu tidak betul....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Datuk Monggoh Orow: Tapak yang dikatakan berbatu-batu itu tidak betul, sebab saya dari kawasan itu dan saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya?

Datuk Monggoh Orow: Soalnya, tadi Setiausaha Parlimen katakan akan siap pada bulan Disember. Saya minia jaminan daripada Yang Berhormat bahawa ini akan beroperasi pada tarikh yang tepat. Saya menyoal di sini, sudahkah tawaran bagi pembekalan alat-alat perubatan dan perabot bagi kengkapan hospital daerah tersebut dibuat dan bilakah pembekalannya akan dibuat?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, tak payah saya beri jaminan di sini, Saya sudah jawab dengan jaminan, tak payah satu jaminan yang berasingan. Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang saya katakan tadi hospital telah dibina dan tidak bcrapa lama lagi akan beroperasi. Oleh sebab itu, sabarlah sedikit, tahun hadapan akan beroperasi.

PENDIDIKAN SEKS DI SEKOLAH

8. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah ura-ura yang dibuat oleh Kementenan untuk mengenalkan pendidikan seks yang bermula dari Tingkatan Dua itu, semalam untuk kempen melawan AIDS. Adakah Kementerian sedar bahawa pendidikan seks itu membawa implikasi yang lebih luas daripada kaitan-kaitan perlakuan seks dengan AIDS, yang mana murid-murid Tingkatan Dua belum sempurna akal untuk menerimanya.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan bukan bercadang supaya diperkenalkan pendidikan seks di sekolah, tetapi menganjurkan supaya Pendidikan Kesihatan Keluarga yang lebih luas skopnya diperkenalkan kepada pelajar Tingkatan Dua ke atas. Pendidikan Kesihatan Keluarga ini dianjurkan tidak hanya khusus untuk mencegah AIDS bahkan bcrapa masalah kesihatan yang lain yang berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat dan tingkah laku yang mempunyai risiko kesihatan seperti penyakit kelamin, penyalahgunaan dadah, penyakit jantung, kencing manis, kanser dan sebagainya.

Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa pendidikan seks semata-mata tanpa dikaitkan dengan aspek kesihatan dan kekeluargaan, jika di-

perkenalkan kepada pelajar-pelajar dengan cara melulu boleh membawa implikasi yang tidak diinginkan, lantaran itu menganjurkan supaya Pendidikan Kesihatan Keluarga dimasukkan dalam mata-mata pelajaran yang ada hubung-kait seperti Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Kemahiran Hidup dan juga Sains.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperkenalkan bagaimana rupanya pendidikan seks ini kepada Ahli-ahli Parlimen sebelum diperkenalkan di sekolah-sekolah? Jika ada, bila; jika tidak, mengapa?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tiada cadangan untuk memperkenalkan pendidikan seks. Kalau ada permintaan daripada DAP, akan dimulakan. *(Ketawa)*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah AIDS adalah masalah yang baru, jadi tidak ada sesiapa pun boleh mengatakan dirinya mahir dan tahu betul dengan masalah seks dan latar belakang AIDS itu sendiri. Jadi, kita hendak menyuruh guru-guru mengajar murid-murid di sekolah, adakah persediaan awal supaya guru-guru yang akan mengajar murid-murid di sekolah itu mahir serta boleh memberi ajaran yang diterima oleh murid-murid di peringkat murid-murid itu sendiri?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini di dalam bidang pendidikan, jadi eloklah bagaimana cara pelaksanaannya nanti akan ditentukan oleh Kementerian Pendidikan. *[Ketawa]*

**LANUN DI SELAT MELAKA/
PERAIRAN
SABAH DAN KELANTAN**

9. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan aktiviti lanun berleluasa di Selat Melaka, perairan Sabah dan Kelantan, apakah tindakan Kerajaan untuk membameras aktiviti ini;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk berunding dengan Kerajaan Indonesia dan Singapura atas masalah lanun di Selat Melaka, Kerajaan Filipina atas masalah lanun di Sabah dan dengan Kerajaan Thailand atas masalah lanun di perairan Kelantan dan bagaimanakah penerimaan mereka dan rancangan akan datang; dan
- (c) memandangkan kemalangan yang kerap berlaku di Selat Melaka, apakah rancangan Kerajaan dan tindakan seterusnya, supaya pentadbiran, perbelanjaan dan penjagaan keselamatan dan EIA tidak disandarkan kepada negara Malaysia, Indonesia dan Singapura sahaja.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kegiatan lanun memang banyak di rantau ini, bagaimanapun kejadian di perairan Malaysia tidaklah berleluasa sepertimana yang dilaporkan.

Hasil dari kajian yang telah dijalankan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) didapati dari 131 kejadian yang telah dilaporkan dari tahun 1983 hingga sekarang hanya 7 sahaja yang berlaku di perairan Malaysia, iaitu 4 pada tahun 1991 dan 3 pada tahun ini.

Di antara tindakan yang telahpun diambil oleh pihak Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan rondaan oleh agensi penguatkuasaan maritim secara lebih terkoordinasi;
 - (ii) pelancaran beberapa operasi oleh pihak PDRM seperti Ops. Nyah, Ops. Poket, Ops. Karong dan Ops. Dagang.
 - (iii) penempatan unit-unit Pasukan Polis Hutan di tempat yang strategik di Sabah serta penubuhan unit risikan Polis Marin untuk tujuan risikan di pelayaran-pelayaran;
 - (iv) mengadakan operasi pembantcrasan secara berlerusan; dan
 - (v) mewujudkan rondaan terkoordinasi dengan Polis Indonesia dan Singapura.
- (b) Sejak tahun 1991 perundingan dua hala telahpun diadakan di antara Polis Diraja Malaysia dengan Polis Indonesia sebanyak 3 kali, manakala di antara PDRM dengan Polis Singapura sebanyak 2 kali. Di antara perkara yang telahpun dipersetujui ialah mengadakan rondaan koordinasi di antara PDRM dengan Polis Indonesia di Selat Melaka secara berterusan tiap-tiap bulan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Dengan pihak Singapura pula, pertukaran maklumat diadakan di samping mengadakan operasi bersama dari masa ke semasa. Perkara pelanun juga telahpun dibincangkan dalam peringkat, dengan izin, "General Border Committee" (GBC) dan

"Tripartite Technical Experts Group" (TTEC). Sebagai perancangan masa depan, satu Sistem Pengawasan Laut dijangka akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam di mana pergerakan kapal yang melalui perairan Malaysia dapat diawasi.

- (c) Selain daripada pengwujudan Sistem Pengawasan Laut tadi, Kerajaan juga ada dalam perancangannya untuk mengadakan perundingan dengan pihak Indonesia dan Singapura untuk menubuhkan satu tabung yang dibiayai oleh pengguna Selat. Tabung ini akan digunakan untuk kerja pembersihan Selat jika ada terdapat apa jua malapetaka yang menimpa. Pihak yang bersalah akan dikehendaki membayar balik kos yang telah pun dikeluarkan oleh tabung berkenaan.

Kementerian Pengangkutan bersama dengan Pejabat Peguam Negara sedang mengkaji undang-undang dalam Konvensyen Undang-undang Laut untuk membolehkan satu bentuk "levi" dikenakan ke atas pengguna Selat tersebut dan juga untuk mencadangkan pemindaan kepada undang-undang tersebut supaya lebih saksama.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Luar Negeri daripada 7 kes lanun yang berlaku di perairan Malaysia, apakah lanun-lanun ini merupakan lanun-lanun canggih ataupun lanun zaman dahulu kala. Kalau lanun dahulu kala, dia adalah lanun yang mata sebiji. (*Ketawa*) Kalau yang sekarang ini, canggih. Saya hendak tahu bentuk lanun macam mana yang berlaku di perairan Malaysia, yang dikatakan 7 berlaku; 4 pada tahun 1991 dan 3 pada tahun 1992.

Yang kedua, ia berlaku di perairan Selat Melaka, Kelantan dan Sabah. Yang banyaknya di Kelantan dan Sabah, Apakah sebabnya lanun banyak di Kelantan dan di Sabah ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan nombor dua dahulu. Tempat-tempat berlaku lanun-lanun ini adalah seperti berikut:

- 3 di Pulau Kukup
- 1 di Selatan Batu Pahat
- 1 di Pasir Gudang Anchorage
- 1 di 35 batu nautika Timur Pulau Tioman
- 1 di 6 batu nautika Timur Port Dickson.

Jadi, terpaksa saya menafikan bahawa bukannya daripada Kelantan dan Sabah kebanyakannya. (*Ketawa*) Dan lanun-lanun tersebut tak dapat hendak dianggarkan sama ada canggih ataupun dahulu kala, sebab mereka berpakaian dan bertindak seperti orang biasa sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa yang cedera ringan dan berapa yang cedera parah di atas insiden lanun di beberapa tempatan yang telah dinyatakan itu dan berapa kerugian yang dihadapi oleh mereka?

Yang kedua, adakah harapan di mana pampasan dapat dituntut daripada sesiapa yang telah mencemarkan Selat Melaka?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, saya perlu notis.

Bagi soalan yang kedua, seperti saya telah jawab tadi, kita adalah dalam proses penubuhan satu tabung yang mana sesiapa yang bersalah menggunakan perairan Selat Melaka itu akan diminta membayar kos.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim.

(Soalan No. W Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim tidak hadir)

**BEKALAN ELEKTRIK
TERPUTUS DI SELURUH
NEGARA**

11. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sebabnya bekalan elektrik bolch terputus di seluruh negara pada 29.9.1992;
- (b) apakah tindakan keselamatan yang telah diambil untuk memastikan ia tidak berulang lagi;
- (c) adakah satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja akan ditubuhkan untuk menyiasatnya;
- (d) siapakah yang bertanggungjawab atas putusnya bekalan elektrik ini dan adakah tindakan diambil ke atasnya; dan
- (e) apakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh TNB dan rakyat Malaysia ekoran putusnya bekalan elektrik ini.

20.10.92

16. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan kerugian dialami oleh orang perseorangan sektor-sektor perindustrian dan Tenaga Nasional Berhad akibat bekalan elektrik terputus di hampir keseluruhan Semenanjung Malaysia pada 29.9.1992 dan apakah jaminan telah diberi bahawa perkara tersebut tidak akan diulangi.

21.10.92

32. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab terjadinya keputusan

elektrik di seluruh Semenanjung pada 29.9.1992; adakah Kementerian beliau mencari jalan dan merancang projek untuk mengelakkan kejadian seperti ini berlaku sekali lagi. Apakah anggaran jumlah kerugian kerana kejadian ini.

22.10.92

4. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah kerugian yang dialami oleh pengusaha-pengusaha kilang kerana terputusnya bekalan elektrik pada 29 hingga 30 September, 1992;
- (b) mengapa ianya lambat dipulihkan;
- (c) berapakah bilangan stesen janakuasa utama di seluruh negara dan bilangan stesen janakuasa sokongan yang bolch digunakan sekiranya bekalan elektrik dari stesen janakuasa utama terputus; dan
- (d) langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mempercepatkan pemulihan bekalan elektrik sekiranya kejadian ini berlaku di masa akan datang.

27.10.92

34. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab bekalan elektrik terputus di Semenanjung Malaysia pada 29 September tahun ini dan anggaran kerugian yang dialami oleh aktiviti-aktiviti perniagaan dalam negara akibat bekalan elektrik yang terputus.

25.10.92

34. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah kapasiti dan penggunaan bekalan masing-masing di seluruh negara amnya dan di Wilayah Persekutuan dan

Selangor khususnya pada masa kini. Apakah kapasitinya di dalam bidang-bidang ini pada tahun 1995,2000,2005, 2010 dan 2020. Apakah usaha-usaha untuk mempertingkatkan kapasiti ini. Mengapa bekalan elektrik tergendala pada 29.9.92 diseluruh Semenanjung Malaysia. Apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengelakkan peristiwa seperti ini.

2.11.92

28. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah punca-punca dikenalpasti berkenaan dengan bekalan elektrik terputus di keseluruhan Semenanjung Malaysia baru-baru ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin kejadian itu tidak berulang lagi;
- (c) berapa kali punca dan kerugiannya bekalan elektrik terputus besar-besaran yang berlaku sejak 10 tahun yang lalu; dan
- (d) apakah pampasan akan diberi kepada pengguna-pengguna atas kejadian tersebut.

24.11.92

20. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebab terjejasnya bekalan kuasa elektrik pada 29hb September, 1992 yang melibatkan hampir seluruh Semenanjung dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kejadian seperti ini berlaku lagi di masa akan datang.

27. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah yang menyebabkan keputusan kuasa tenaga elektrik di seluruh negara pada 29.9.92;

- (b) apakah tahap penggunaan tenaga elektrik pada masa kini dan jangkaan tahap penggunaan tenaga elektrik untuk negara kita bagi 10 tahun yang akan datang;
- (c) apakah kapasiti penjana kuasa elektrik masa kini dan kapasiti penjana kuasa elektrik 10 tahun yang akan datang; dan
- (d) apakah justifikasi bagi kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri baru-baru ini bahawa kita akan membina sebuah kilang kuasa nuklear dalam 20 tahun akan datang.

5.12.92

28. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (c) kenapakah tiada terdapat bekalan elektrik di kebanyakan tempat di Malaysia pada 29hb September, 1992 untuk lebih daripada lima (5) jam dan pada 30hb September, 1992 dari pukul 8.00 pagi hingga malam tiada bekalan elektrik di seluruh kawasan di Kuala Lumpur;
- (b) apakah yang menyebabkan kejadian terhenti perbekalan elektrik pada 29hb dan 30hb September, 1992;
- (c) kenapa tiada persediaan untuk menghadapi segatakemungkinan ("contingency measures") oleh Tenaga Nasional untuk mengatasi tenaga elektrik terputus ("power blackout") yang begitu serius seperti ini; dan
- (d) adakah terdapat sebarang persediaan untuk menghadapi segala kemungkinan untuk mengatasi tenaga elektrik terputus seperti ini untuk masa depan. Jika ada, sila berikan butir-butirnya. Jika tiada, kenapa tiada.

17.12.92

8. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kegelapan yang melanda hampir seluruh negara akibat terputus bekalan elektrik tidak akan berlaku lagi di masa akan datang; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan telah menyeiarkan segala maklumat mengenai kerugian, kemalangan dan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku akibat daripada terputusnya bekalan elektrik itu. Sila butirkan maklumat itu.

23.12.92

9. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada terputusnya bekalan elektrik yang begitu menyeluruh, melibatkan hampir seluruh negara dan kerugian ekonomi yang begitu besar serta memerlukan masa yang panjang untuk memulihkannya, adalah disebabkan peralatan atau sistem kawalan yang boleh diperbaiki ataupun perkara yang sama sekali tidak dapat dictakkan.

Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima sebanyak 1 soalan lagi berkailan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu mengenai kejadian terputusnya bekalan elektrik di hampir seluruh Semenanjung Malaysia pada pukul 3.16 petang 29hb September, 1992. Memandangkan kejadian ini telah menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang memberi penjelasan secara komprehensif dan sekali gus menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan lain daripada:

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 20.10.92.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan pada 21.10.92.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan pada 22.10.92.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 27.10.92.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 28.10.92.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 2.11.92.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 24.11.92.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu pada 24.11.92.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 8.12.92.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai pada 17.12.92.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun pada 23.12.92.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bagi menjawab soalan (a), sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa gangguan bekalan elektrik yang melibatkan seluruh Semenanjung pada jam 3.16 petang, 29.9.92 adalah disebabkan oleh panahan petir pada saluran 275 kv. Ini telah menyebabkan bekalan kuasa dari stesen-stesen janalektrik di Pantai Timur terputus akibat dari terpelentik 4 talian 275 kv di antara Paka dan Telok Kalong. 4 talian 275 kv ini adalah amat penting bagi membekalkan elektrik ke Pantai Barat dan Selatan. Apabila 4 talian tersebut terpelentik, ianya menyebabkan kehilangan penjanaan kuasa dari Pantai Timur sebanyak 1,400 megawatt ke Pantai Barat dan Selatan. Ekoran dari terputusnya bekalan kuasa dari Pantai Timur, stesen-stesen di Pantai Barat tidak dapat menampung permintaan

bekalan elektrik yang tinggi. Ini telah menyebabkan terhentinya set-set janakuasa di Pantai Barat untuk mengelakkan kerosakkan.

Bagi menjawab soalan (b), ingin saya memaklumkan bahawa TNB mempunyai sistem grid nasional yang direkabentuk mengikut piawaian antarabangsa. Walaupun begitu, sukacita saya menekankan di sini bahawa pihak TNB akan mengkaji semula sistem tersebut terutamanya setelah menerima syor-syor yang dikemukakan oleh pakar perunding yang telah dilantik untuk menjalankan kajian dan siasatan ke atas peristiwa gangguan bekalan elektrik ini. Tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c), Kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyasat gangguan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Gangguan Bekalan Elektrik yang diketuai oleh Ketua Pengarah Bekalan Elektrik untuk menyasat perkara ini. Di samping itu, Kerajaan juga bercadang untuk melantik pakar perunding luar negeri untuk mengkaji sistem bekalan Tenaga Nasional Berhad pada keseluruhannya. Unit Perancang Ekonomi telah dilugaskan untuk membuat perlantikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (d), sukacita saya menerangkan bahawa siasatan ke atas peristiwa ini sedang dijalankan. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberi maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian perlu meneliti laporan siasatan apabila dikemukakan..

Bagi menjawab soalan (e) pula, pihak TNB sendiri telah menganggarkan kerugian yang dialami oleh pihaknya sejumlah \$10 juta. Walau bagaimana-

pun, jumlah kerugian yang dialami oleh pihak pengguna dan industri belum dapat dianggarkan lagi. Saya telah mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Elektrik untuk menghubungi pihak Pcrsatuan Pengilang-pengilang Malaysia untuk memperolehi maklumat tersebut.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang berlaku ini memang sungguh menakjubkan. Ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa plant janakuasa elektrik ke seluruh Malaysia kerana berlaku letupan di janakuasa elektrik di Singapura. Perjanjian dengan Singapura menyebabkan Malaysia [TEN] terpaksa menyediakan elektrik ke Singapura dengan segera. Aliran elektrik dengan segera itu menyebabkan seluruh plant elektrik di Malaysia ini terik, apakah ini benar?

Jawapan daripada (a) sampai (e) menampakkan bahawa keadaan begitu gawat berlaku yang menyebabkan Malaysia kehilangan punca elektrik yang begitu hebat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah memuji Datuk Bandar Kuala Lumpur kerana masalah pembelian Volvo dia meletakkan jawatan. Apakah Menteri ini tidak ingin mengikut jejak langkah itu, sebab semua orang sudah nampak Dato' Seri sepatutnya meletakkan jawatan?

Dato' Seri S. Samy Vellu:

Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang telah berlaku di Singapura tidak ada kaitan dengan apa yang berlaku di Malaysia. Kejadian itu telah berlaku di Singapura pada pukul 9.30 pagi, tetapi apa yang berlaku di Terengganu itu ialah pada pukul 3.16 petang.

Yang kedua, berkenaan dengan jawapan-jawapan yang saya beri tadi kepada Ahli Yang Berhormat, suka saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu juga kalau selepas tiap-tiap kejadian, tiap-tiap Menteri letak jawatan, saya ingat tidak ada Kerajaan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya jawab tadi, saya ambil bebcrapa Lindakan untuk memperbaiki dan kejadian ini telah berlaku dalam sejarah sekali sahaja, dan tidak ada satu pengalaman seperti ini dalam sejarah bekalan elcktrik di tanahair. Ini bukan oleh kerana manusia, sclain itu tidak payah cakup. (*Ketawa*)

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada faktor luaran yang dinyatakan tadi iailu panahan petir, ada andaian tncngatakan bahawa sistem TNB sendiri itu mungkin tidak kukuh untuk mengatasi panahan petir, dan ada andaian mengatakan bahawa dari segi tenaga ataupun janakuasa sendiri yang kurang dan sistem penghantaranpun katanya juga lemah. Adakah ini bcnar?

Yang kedua, kalau betul sistem ataupun janakuasa atau generator itu kurang adakah Kerajaan bercadang untuk mempercepatkan usaha-usaha untuk menambahkan generator ini seperti konsep baru-baru ini yang dipanggilkan IPP. Adakah Kerajaan bercadang untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha ini untuk mengukuhkan sistem TNB?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Perlua, sistem penghantaran yang sedia ada digunakan oleh TNB ialah satu sistem diguna di seluruh dunia. Jadi, sistem itu pun direka bentuk oleh pakar perunding daripada luar negeri. Jadi, berkenaan dengan kekurangan bekalan elektrik, Kerajaan tclah mengambil beberapa tindakan untuk mengswastakan beberapa stesen janakuasa di tanah air kita. Baru-baru ini Kerajaan telah mcluluskan satu projck untuk mcjanakuasa lcbih daripada 1000 Megawatt di Paka dan juga di Pasir Gudang dan akan dilaksana oleh pihak swasta.

Saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat kekurangan yang tclah berlaku sckarang oleh kcrana penjanaan

itu lebih daripada 4500 Megawatt sahaja tctapi permintaan tiap-tiap hari ialah lcbih dari 4300 Megawatt. Stesen-siesen yang sedia ada bekerja penuh dari pagi hingga petang bukannya ada gangguan daripada stesen. Tetapi kita menghadapi masalah daripada hidro-hidro yang sedia ada. Jikalau ada juga kekurangan air di hidro itu kita tidak boleh menggunakan kuasa atau janakuasa metalui hidro .Inilah masalah. Tetapi permintaan di seluruh tanah air kita sekarang sebanyak 4300 Megawatt tetapi dalam tempoh dua tahun akan datang kita boleh juga mengadakan stesen-stesen baru yang mana kita akan mendapat kuasa lebih dari 2000 Megawatt lagi. Saya percaya pada masa itu kita boleh juga menyelesaikan masalah itu.

KEGIATAN GOLONGAN ANTI-HADIS

12. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar mengenai kegiatan golongan anti-hadis dalam negara ini. Jika sedar, nyatakan bentuk-bentuk kegiatan mereka yang dikesan oleh pihak Kerajaan. Berapa ramaikah bilangan golongan yang terbabii; dan
- (b) apakah pendirian dan tindakan Kerajaan mengenai golongan anti-hadis tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar mcngenai kegiatan kumpulan anti-hadis dalam negara ini dan bentuk-bentuk kegiatan mercka yang dikesan ialah menghujah tafsiran Al-Quran mengikut pendapat sendiri dan pngertian zahir ayat-ayat dengan tidak berpandukan kepada tafsiran Al-Quran yang muktabar. Mereka mendakwa

bahawa kononnya merekalah sebaik-baik pengikut Islam berdasarkan Al-Quran.

- (b) Kerajaan sedang mengumpul maklumat-maklumat untuk mengambil tindakan-tindakan yang sesuai terhadap mereka dan jika perlu mengambil tindakan berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-Negeri di Malaysia.
- (c) Setakat ini Kerajaan belum lagi mendapat maklumat yang tepat tentang jumlah bilangan golongan tersebut.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah di dalam tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Perdana Menteri, dipanggil kumpulan ini supaya sebelum tindakan seterusnya dari segi undang-undang dibuat satu perbincangan ataupun satu muzakarah diadakan antara mereka dengan ulamak-ulamak yang ada di Jabatan Perdana Menteri?

Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tindakan-tindakan telah diambil untuk memberi penerangan kepada orang awam dan juga kepada orang-orang yang dipercayai terlibat dengan kegiatan ini dan usaha-usaha ini berjalan terus menerus.-

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan dan jawapan tadi digunakan perkataan "golongan anti-hadis". Adakah sebenarnya wujud satu golongan, satu kumpulan yang terorganise, mempunyai fahaman yang dikongsi bersama dan digerak bersama alaupun fahaman anti-hadis ini terdiri dari individu yang tidak ada hubungan antara satu sama lain. Kalau ada golongan yang tersusun atau kumpulan yang berorganise adakah Kerajaan mempunyai cadangan tertentu terhadap satu-satu golongan tersebut?

Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Dalam pemerhatian Kerajaan bahawa kumpulan ini ada hubungan antara satu sama lain dari segi kegiatan itu. Dan dalam siasatan yang dibuat mereka ini juga adalah sahabat-sahabat dalam kumpulan-kumpulan, pergerakan-pergerakan tertentu sebelum ini. Jadi, Kerajaan sedang memerhatikan kumpulan ini dan kalau perlu tindakan-tindakan yang lebih wajar akan diambil bersama dengan Kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 10, 13 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

BUNYI LETUPAN DARI PESAWAT F/A-18 RAAF

5. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa bunyi pengeboman yang berlaku pada tengahari pada 21hb September, 1992 di sekitar Lembah Klang adalah berpunca dari sebuah kapalterbang F/A-18 RAAF. Jika tidak, bunyi itu berpunca dari mana;
- (b) jika ya, apakah sikap dan pendirian Kerajaan terhadap kelakuan ini;
- (c) apakah pendapat pakar bunyi tentang cemaran bunyi ini; dan
- (d) bolehkah penduduk-penduduk yang mengalami kerugian akibat bunyi pengeboman itu misalnya kaca tingkap atau kaca pintu mereka terpecah menuntut pampasan. Jika ya, mereka hendak menuntut kepada siapa.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) bunyi letupan yang kedcngaran pada 21 Sceptember 1992 adalah berpunca dari sebuah pesawat F/A-18 kepunyaan Tentera Udara DiRaja Australia (RAAF). Letupan tersebut adalah akibat "shock wavers" dari pesawat tersebut yang telah terbang dcngan kedcrasan mlcibihi had laju bunyi atau supersonik.
- (b) Olch kcrana penerbangan yang bcrkenaan itu bcrhubungkaitjuga dengan FPDA cxercise di Malaysia, maka Kerajaan berpendapat bahawa terpulnglah kcpada Kerajaan Australia untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap juruterbang bcrkenaan. Kcjdian ini amat dikesali olch ncrgara berkenaan dan akan dipastikan ianya tidak bcrulang lagi.
- (c) pihak Kementerian ini berpendapat kcjdian tersebut selain mengejutkan khalayak ramai udak akan mcnycbabkan kerosakan harta benda. Ini adalah kerana kcjdian terscbut bcr laku apabila pesawat berkenaan bcrada di paras 33,000 kaki dan dcngan itu "shock wavers" yang melanda bumi bolchlah dikatakan lcmah.
- (d) setakat ini tiada laporan mcngenai sebarang kerosakan akibat daripada letupan itu. Oleh itu, soal tuntutan kerugian tidak bcrbangkit.

**GURU BAHASA INGGERIS
MENUNTUT DI UNITED
KINGDOM—MEMBERHENTIKAN**

10. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberhentikan

usaha menghantar calon-calon guru bahasa Inggeris dari menuntut di United Kingdom oleh kerana kos yang begitu tinggi. Scbaliknya adakah Kerajaan bercadang menghantar bakal-bakal guru bahasa Inggeris menuntut di New Tealand ataupun Australia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kemcnierian Pendidikan ada menghantar seramai 160 orang guru bahasa Inggeris mcnuntut di United Kingdom melalui program TESL secara bcrkcmbar dcngan bcrberapa buah universiti di United Kingdom.

Kementerian Pendidikan juga sedang mengadakan rundingan dengan bcrberapa buah universiti di Australia dan New Zcaland untuk mengkaji sama ada program-program yang serupa dapat diadakan di universiti-universiti negara tersebut sebagai lambahan kepada program yang sedia ada.

**LAWATAN PERDANA MENTERI
KE EROPAH—HASIL**

13. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Luar Negeri mcnyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Eropah dari segi keselamatan, ekonomi prcdagangan, sosial dan pendidikan.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Dalam dua tahun kebelakangan ini, dalam koniek lawalan rasmi ke Eropah, Yang Amat Bcrhormat Perdana Mcnteri telah hanya melawat Ireland iaitu pada 22-25 September 1992. Lawatan beliau secara keseluruhan telah berjaya memupuk serta mengeratkan hubungan dua-hala di antara kedua negara. Hubungan politik telah dapat dipertingkatkan, di mana dalam satu perbincangan di antara Perdana Menteri

kedua-dua buah negara, mereka telah bersetuju bahawa Malaysia dan Ireland mempunyai pandangan yang sama mengenai beberapa isu antarabangsa seperti isu Afrika Selatan, pergolakan di Bosnia-Herzegovina dan lain-lain.

Berkaitan dengan hubungan ASEAN-Kesatuan Eropah, Perdana Menteri Ireland telah menyatakan kesanggupannya untuk memainkan peranan 'orang tengah' iaitu supaya kepulusan yang diambil oleh Kesatuan Eropah mengambilkira kedudukan ASEAN dan negara-negara membangun terhadap sesuatu isu.

Dari segi ekonomi pula, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah menarik minat di kalangan para usahawan Ireland terhadap Malaysia. Hasil daripada muktamar beliau yang dianjurkan oleh Konfederasi Industri-industri Ireland, para usahawan tersebut telah dapat memahami dengan lebih jelas lagi kedudukan dan prestasi ekonomi Malaysia serta potensinya. Minat yang paling ketara ditunjukkan oleh ahli-ahli sektor swasta yang terlibat di dalam bidang-bidang penerbangan, pendidikan, perubatan dan pelancongan.

Semasa lawatan ini juga, satu perbincangan mengenai perkhidmatan udara di antara Malaysia dan Ireland telah diadakan. Negara tersebut menunjukkan reaksi yang positif dan bersedia memberi hak mendarat di Lapangan Terbang Shannon kepada Sistem Penerbangan Malaysia apabila ia berkehendakkan kemudahan tersebut. Di samping itu, satu Memorandum Persefahaman juga telah ditandatangani di antara Kumpulan Perubatan Johor Sdn. Bhd dan PARC Ltd; untuk bekerjasama di dalam bidang penjagaan kesihatan dan pharmaceutical.

Berhubung dengan bidang pendidikan pula, Ireland telah bersetuju untuk

menawarkan lebih tempat bagi penuntut-penuntut Malaysia di dalam institut-institut pengajian tinggi khasnya bagi jurusan perubatan dan pergigian. Kedua-dua negara juga akan mengkaji kemungkinan untuk mengadakan program-program 'twinning' di antara Universiti dan Kolej tertentu negara masing-masing.

Hasil-hasil yang dicapai daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Ireland menandakan satu permulaan yang baru bagi hubungan dua hala kedua negara, Sebagai satu langkah untuk menggalakkan pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua negara, Menteri Perdagangan dan Industri Ireland diiringi oleh sekumpulan ahli-ahli sektor swasta dijangka akan melawat Malaysia pada awal tahun 1993.

SKIM INSURANS PERUBATAN—KAJIAN

14. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementeriaannya menimbangkan Skim Insuran Perubatan untuk membantu orang awam bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan perubatan yang tinggi bagi rawatan-rawatan seperti pembedahan-pembedahan besar dan rawatan lain khasnya di hospital-hospital swasta.

Dato' K. Kumaran: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, sedang mengkaji perkara pembiayaan perkhidmatan termasuk perkhidmatan perubatan yang melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi serta perkhidmatan rawatan yang disediakan oleh pihak swasta.

Pertimbangan akan dibuat oleh Kerajaan selepas penemuan-penemuan kajian ini diterima.

**ZON PERDAGANGAN BEBAS
(FREE TRADE ZONES)—JUMLAH**

15. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Pcrdagangan Antara-bangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah kawasan perdagangan bebas (free trade zones) yang ada di dalam negara;
- (b) di mana terletak kawasan perdagangan bebas; dan
- (c) apakah keistimewaan apabila mendapat kawasan perdagangan bebas.

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz):

- (a) selakat ini terdapat 13 kawasan Zon Perdagangan Bebas yang telah diwujudkan di negara ini;
- (b) Zon Perdagangan Bebas yang dimaksudkan terletak di kawasan seperti berikut:

- (c) Kawasan Zon Perdagangan Bebas adalah untuk syarikat pengilang yang berorientasikan cksport. Di dalam kawasan Zon Perdagangan Bebas, syarikat mempunyai keistimewaan untuk membawa masuk atau mengimport bahan mentah/komponen yang digunakan secara langsung dalam pengilangan barang siap tanpa dikenakan cukai.
- (d) sungguhpun kemudahan-kemudahan yang disebutkan adalah khas untuk syarikat-syarikat yang beroperasi di Kawasan Zon Perdagangan Bcbas, namun demikian syarikat pengilang boleh juga menikmati kemudahan yang serupa di Kawasan Gudang Pengilang Berlesen (LMW) sekiranya Kawasan Zon Perdagangan Bebas tidak praktikal atau sesuai diwujudkan.

Negeri	Kawasan Zon Pcrdagangan Bebas	Keluasan (Hektar)
Pulau Pinang	(i) Bayan Lepas I	11.60
	(ii) Bayan Lepas II	26.20
	(iii) Bayan Lcpas III	95.30
	(iv) Bayan Lepas IV	16.70
	(v) Sebcrang Perai	367.50
Perak	(i) Jelapang II Ipoh	46.58
	(ii) Kimia	18.00
Wilayah Persekutuan	(i) Sungai Way	50.58
	(ii) Hulu Kelang	18.00
Selangor	(i) Teluk Panglima Garang	30.66
Melaka	(i) Balu Berendam	35.82
	(ii) Tanjong Kling	6.37
Johor	(i) Pasir Gudang	250.00

**LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA SUBANG—
SEBAB KEBAKARAN**

16. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) hasil siasatan sebenar yang menyebabkan berlakunya kebakaran Terminal 1 Lapangan Terbang Subang yang lalu;
- (b) adakah benar tentang dakwaan yang menganggap kecuaiian dan kealpaan adalah 'sebab' yang disengajakan" terjadinya kebakaran besar tersebut;
- (c) jumlah kerugian yang ditanggung termasuk kos baikpulih; dan
- (d) tindakan yang diambil kepada yang terlibat termasuk memastikan perkara tersebut dapat dielakkan berlaku sekali lagi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) penyiasatan terhadap kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang mendapati kebakaran berpunca daripada elektrik (electrical in origin).
- (b) dakwaan tersebut adalah tidak benar.
- (c) jumlah kerugian yang dialami oleh pengusaha-pegusaha Kedai Bebas Cukai akibat kebakaran tersebut adalah sebanyak \$23 juta manakala kos membaikpulih Kedai Bebas Cukai yang terbakar dianggarkan sebanyak \$10 juta.
- (d) oleh kerana punca kebakaran bukannya disebabkan kelemahan kemanusiaan, maka tiada tindakan diambil terhadap mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, di dalam kerja-kerja membaikpulih yang dilakukan kelak, segala aspek-aspek

keselamatan diberi perhatian yang rapi untuk mengelakkan kejadian seumpama ini berlaku lagi.

**REFORMASI GAJI PEKERJA—
KAJIAN**

17. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sejauh manakah kajian mengenai Reformasi Gaji pekerja-pekerja Malaysia telah dibuat;
- (b) apakah cadangan dan rancangan Kementerian di dalam hal ini; dan
- (c) bilakah dijangka kajian mengenai Reformasi Gaji ini siap.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Kerajaan memang menyedari bahawa untuk mencapai status sebagai sebuah negara maju, di antara lain negara Malaysia perlu mempunyai suatu sistem upah yang dinamik dan progresif di mana sistem upah dikaitkan dengan produktiviti buruh dan/ atau prestasi syarikat.

Adalah dirasakan bahawa reformasi gaji tidak boleh dilakukan dengan perundangan tetapi sebaliknya perlu wujud dengan kerjasama di antara pihak majikan dan pekerja serta Kerajaan memainkan peranan sebagai "facilitator".

Kementerian Sumber Manusia tidak ada menjalankan kajian mengenai reformasi gaji, tetapi selaras dengan dasar Kerajaan supaya sistem upah dikaitkan dengan produktiviti buruh dan/ atau prestasi syarikat, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal bertujuan untuk menggalak dan membantu dalam usaha untuk melaksanakan reformasi gaji di sektor swasta.

Jawatankuasa ini diwakili oleh pihak pekerja, majikan dan Kerajaan. Jawatankuasa Teknikal ini telah mengeluarkan satu pernyataan umum yang merupakan persefahaman dan persetujuan bersama (consensus) pihak majikan dan pekerja mengenai konsep, prinsip dan elemen-elemen mengenai reformasi gaji. Pernyataan umum ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Buruh Kebangsaan pada 17hb Disember, 1991 dan diambil perhaiian oleh Jcmaah Menteri pada 25hb Mac, 1992. Di samping itu daJam dasar buruh negara yang baru-baru ini diumumkan oleh Kerajaan, konsep baru sistem upah ini juga termasuk.

Kementerian Sumber Manusia berpendapat proses peralihan kepada sistem reformasi gaji akan mcngambil masa kerana ianya bergantung kepada kerjasama dan komitmen pihak majikan dan pckerja. Kemenierian Sumber Manusia akan meneruskan usahanya sebagai "facilitator" dalam melaksanakan proses peralihan kepada Sistem Reformasi Gaji di sektor swasta.

Oleh kerana usaha ini baru dimulakan, masih awal lagi untuk memberi apa-apa maklumat tentang kejayaan di dalam perkara ini.

SEKOLAH KEBANGSAAN DI KG. TORINTIDON, TUNGAB DAN KOTUB—PEMBINAAN

18. Tuan George Sangkin minia. Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan ke atas permohonan untuk mengadakan Sekoiah Kebangsaan di Kg. Torintidon, Tungab dan Kotub dalam daerah Kota Marudu, Sabah, serta menyatakan bilakah permohonan ini dapat dilaksanakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormai, Kementerian Pendidikan belum ada cadangan untuk membina Sekotah Rendah Kebangsaan di Kampung

Torintidon, Tungab dan Kotub dalam daerah Kota Marudu, Sabah kerana pada masa ini terdapat empat buah sekolah di sekitar Kampung Torintidon yang jaraknya aniar dua hingga tujuh kilometer. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati perlu, pembinaan sebuah SRK akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia seterusnya.

KAPAL AKATSUKI MARU JEPUN—SEKATAN LALUAN

19. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyekat laluan kapal Akatsuki Maru Jepun yang membawa bahan nuklear Plutonium dari Perancis ke Jepun dengan melalui Selat Melaka;
- (b) selain Malaysia, negara manakah yang membantah laluan kapal Akatsuki Maru di perairan negara mercka; dan
- (c) apakah jaminan yang diberikan oleh Jepun kepada Malaysia berhubung penghantaran bahan Plutonium dari Perancis ke Jepun.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fazdil bin Che Wan):

- (a) Malaysia telah meminta Kerajaan Jepun menggunakan perairan yang lain dari Selat Melaka memandangkan Selat Melaka adalah sibuk dan sempit dan dengan demikian mempunyai risiko kemalangan yang tinggi. Dalam hal ini Malaysia meminta Kerajaan Jepun memegang kepada prinsipnya untuk menggunakan perairan yang terbuka mengikut 200 batu nautical dari pantai. Seterusnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam

Sekitar diminta menyelaraskan perjalanan dan pengangkutan bahan nuklear oleh pihak asing dalam kawasan perairan atau ruang udara negara ini.

- (b) Adakah difahamkan bahawa Kerajaan Singapura dan Indonesia telah juga mengambil pendirian yang sama.
- (c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa agensi Kerajaan yang sedang membincangkan langkah-langkah bagi menghadapi masalah kemalangan yang mungkin berlaku sekiranya kapal tersebut masih terus melalui Selat Melaka. Langkah-langkah ini termasuk mengubah pelan kontingensi bagi maksud tersebut.
- (d) Kerajaan Jepun melalui Duta Besarnya di Kuala Lumpur telah memaklumkan kepada Wisma Putra bahawa Kerajaan mereka bertanggungjawab untuk memberitahu Kerajaan Malaysia sekiranya Selat Melaka dipilih sebagai laluan kapal tersebut.

Seterusnya pada 16hb Oktober, 1992, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa perbincangan dengan rakan sejawatnya di Tokyo telah memberi jaminan bahawa kebimbangan Malaysia mengenai perkara ini akan diambil kira.

KRISIS MATA WANG DI EROPAH—PUNCA

20. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah puncanya krisis mata wang ringgit (monetary crisis) di Eropah;

- (a) apakah kesannya pada ekonomi negara kita dan mata wang ringgit kita;

- (b) apakah langkah-langkah sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kewangan untuk mengawal situasi ini; dan

- (c) apakah langkah-langkah sedang dan akan diambil oleh Kerajaan kita untuk mengawal ekonomi negara kita supaya tidak akan terjejas.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):

- (i) Krisis mata wang di Eropah berpunca daripada spekulasi terhadap mata wang pound sterling yang makin lemah serta kemelesetan yang makin berterusan dalam ekonomi UK, berbanding dengan kukuhnya nilai deuschemark yang makin meningkat dalam EMS. Pound sterling menghadapi tekanan jualan secara besar-besaran apabila pelabur-pelabur terus menambahkan pembelian deuschemark. Pelabur-pelabur tertarik kepadakadar faedah yang lumayan di negara Jerman serta dasar-dasar yang lebih kukuh dalam ekonomi Jerman. Penurunan kadar utama Lombard sebanyak 0.25 peratus setahun kepada 9.5 peratus setahun di negara Jerman pada 14 September 1992 tidak dapat membantu pound sterling oleh kerana penurunan kadar ini dianggap tidak mencukupi. Pada 16 September, 1992 tekanan jualan yang kuat menyebabkan penurunan nilai pound sterling ke bawah paras minimum di EMS. Walaupun Bank England telah campurtangan secara besar-besaran dan kadar pinjaman minimum dinaikkan dua kali, iaitu pertama kali kepada 12 peratus dan selepas itu kepada 15 peratus setahun, penurunan nilai pound sterling tidak dapat dihentikan. Mata wang pound

sterling terpaksa ditangguhkan daripada ERM, bersama-sama dengan lira Itali yang dibenarkan terapung secara bebas. Berikutan dengan penangguhan ini, kadar faedah diturunkan balik kepada 10 peratus oleh Kerajaan UK. Krisis mata wang ini beriak sebelum referendum oleh negara Perancis mengenai Perjanjian Maastricht atas penyatuan kewangan dan politik Eropah pada 20 September 1992. Pemilihan negara Perancis untuk menandatangani perjanjian ini telah dapat mengurangkan tekanan terhadap beberapa mata wang Eropah. Ini menenangkan sedikit keadaan pasaran mata wang Eropah.

Berikutan itu nilai mata wang pound sterling terus lemah. Pada 16 Oktober 1992, nilai pound sterling telah merosol sebanyak 13.4 peratus terhadap ringgit dan mencapai paras MS4.1291 bagi satu pound sterling berbanding dengan MS4.7702 bagi satu pound sterling pada 15 September, 1992.

- (a) implikasi krisis mata wang Eropah ke atas ekonomi adalah minimal. Ini kerana asas-asas ekonomi Malaysia adalah kukuh. Tambahan pula pihak Kerajaan telah dan terus mengambil beberapa langkah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Untuk soalan bahagian (b) dan (c), langkah-langkah yang sedang dan akan diambil akan dikemukakan selanjutnya dalam Belanjawan apabila ianya dibeniatkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 30 Oktober, 1992 dalam Dewan yang mulia ini.

BALAI BOMBA DI BEAUFORT, SABAH—PEMBINAAN

21. Tuan Nurnikman bin Abdullah minia Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah sebuah bangunan Bomba cukup dengan kelengkapan memadam api akan siap dibina di Beaufort Sabah memandangkan bangunan yang ada sekarang tidak berfungsi sebagai sebuah bangunan bomba.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh): Peruntukan berjumlah \$1.4 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi membina bangunan baru. Pada masa ini, kerja-kerja awal seperti ukur dan kajian tanah sedang dijalankan. Adalah dijangka pembinaan dapat dimulakan pada Februari/Mac 1993.

KERAHAN TENAGA NEGARA— PERLAKSANAAN

22. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan kerahan tenaga negara, jika ya, bila akan dilaksanakan dan apakah tujuannya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Memandangkan perkara yang sama telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 11-12-1991 dan 6 Mei 1992, oleh iuu, saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan maklumat dan butiran mengenai perkara tersebut.

SAWAH PADI DI TG. KARANG— RANCANGAN PENGAIRAN

23. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengairan untuk sawah padi di Kawasan Tanjong Karang dan kawasan-kawasan di sekitarnya

hanya mengharapkan air hujan semata-mata. Schubungan dengan ini adakah Kerajaan bercadang untuk membina kolam kawasan simpanan air. Jika tidak, apakah rancangan lain yang akan diambil oleh Kementerian supaya masalah kekurangan air di kawasan-kawasan sawah padi tersebut dapat diatasi apabila tiba musim kemarau.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar); Keperluan air uniuik sawah padi kawasan Tanjong Karang, Selangor, dibekalkan melalui rancangan pengairan Tanjong Karang yang mcmperolehi punca bckalan air dari kawasan Tadahan Sungai Bcrnam dan Sungai Tinggi. Bekalan air diambil dari Sg. Bernam dan disalurkan melalui Sg. Tinggi dan sistem laliair terus ke sawah-sawah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem taliair yang dirancang di kawasan ini mengambilkira kejadian kekurangan air di musim kemarau sekali di dalam tiap-tiap lima tahun. Adalah didapati dengan sistem jadual tanaman mcngikut blok yang diselaraskan oleh Projek Barat Laui Selangor, sistem pengairan yang ada sekarang adalah memadai dan dapat memenuhi keperluan air sawah di kawasan Tanjong Karang.

Walau bagaimanapun sebagai langkah jangka panjang Kerajaan memang bercadang untuk menambah sumber bekalan air untuk mcmenuhi keperluan yang meningkat di masa akan datang dan juga di musim kemarau yang berpanjangan. Tawaran telah dibuat untuk melantik juruperunding mengkaji dan memperakukan langkah-langkah untuk mendapatkan sumber air lambahan dan juga kemungkinan membina kolam takongan air untuk keperluan sawah di dalam kawasan kendalian Projek Barat Laut Selangor.

COMMONWEALTH GAME— MALAYSIA SEBAGAI TUAN RUMAH

24. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan butir-butir tentang penyediaan untuk Malaysia menjadi tuan rumah kepada Commonwealth Games di negara kita ini, berapakos jumlahnya telah dijangka, adakah perbelanjaan awam terlibat, bagaimanakah akan kos mengadakan Commonwealth Games dibiayai, adakah kemudahan sukan baru perlu dan akan dibina, dan berapakah keuntungan telah dianggar dari mengadakan Commonwealth Games ini.

20-10-92

21. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia di dalam membuat persediaan menjelang Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan latihan bakal para peserta Malaysia.

27-10-92

2. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri Belia dan Sukan menyalakan dari segi Sukan Komanwel tahun 1998;

- (a) perbelanjaan yang terlibat untuk membawa sukan ini ke Kuala Lumpur;
- (b) persediaan dari segi perancangan dan pembangunan serta infrastruktur yang telah dan akan dijalankan;
- (c) anggaran jumlah peruntukan keseluruhan untuk sukan tersebut;
- (d) persediaan serta harapan pencapaian athlit negara di sukan tersebut; dan
- (e) faedah langsung dan tidak langsung dari sukan tersebut kepada negara.

10-11-92

21. Puan Lim Luy Hoon minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan peruntukan yang diketepikan untuk tujuan Sukan Komanwel 1998; dan
- (b) langkah-langkah atau tindakan yang akan diambil oleh Kementerianya untuk memastikan para peseria Sukan Malaysia akan berjaya mendapat lebih pingat.

25-11-92

3. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan bagi persiapan Sukan Komanwel (SUKOM) 1998 dan berapakah anggaran perbelanjaan yang mungkin akan terlibat, dan dari manakah sumber kewangan yang akan diperolehi bagi membiayai segala kos yang terlibat.

30-11-92

5. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang diambil dari sekarang ini agar Sukan Komanwel yang akan diadakan dalam tahun 1998 itu tidak hanya setakai menyediakan tempat-tempat pertandingan yang kagum, menciptakan persembahan pembukaan rasmi yang begiu indah tetapi juga memastikan pingat-pingat dapat digondol oleh peserta-peserta.

5-12-92

1. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persiapan yang dibuat kini telah menghadapi Sukan Komannwel dalam tahun 1998 dan perbelanjaan yang disediakan bagi membina kolam renang stadium, gelanggang linju dan lain-lain kemudahan dan di mana atau negeri mana yang bersedia memberikan lapak untuk mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

10-12-92

10, Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengadakan Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur setakat ini dan bagaimanakah rakyat akan memperolehi peluang-peluang pendapatan semasa menjalankan sukan itu.

27-12-92

5. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah dijangka akan dibelanjakan dalam menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998. Berapakah pula hasil yang akan dikutip melalui iklan, tajaan dan lain-lain. Apakah persediaan-persediaan yang besar yang hendak dilaksanakan menjelang sukan tersebut.

24-12-92

16. Tuan Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah anggaran kasar yang dijangkakan dari segi perbelanjaan dan pendapatan dalam menganjurkan Sukan Komanwel padatahun 1998 nanti. Jikaboleh, nyatakan jenis perbelanjaan serta pendapatan utama; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian supaya semua anggota masyarakat terlibat sama dalam menjayakan sukan tersebut.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Annuar bin Musa): Saya ingin menjawab soalan ini dan juga soalan-soalan yang akan dibangkitkan oleh;

- (a) **Y.B. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** pada 20 Oktober, 1992;
- (b) **Y.B. Tuan Ishak bin Arshad** pada 27 Oktober, 1992;

- (c) Y.B. Puan Lim Lay Hoon pada 10 November, 1992;
- (d) Y.B. Tuan Ahmad bin Nor pada 25 November, 1992;
- (e) Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman pada 30 November, 1992;
- (f) Y.B. Tuan Nasrudin bin Haji Alang Saidin pada 8 Disember 1992;
- (g) Y.B. Tuan Foo Piew Kok pada 10 Disember, 1992;
- (h) Y.B. Tuan Nurnikman Abdullah pada 21 Disember, 1992;
- (I) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol pada 24 Disember, 1992.

Kerajaan pada 11 Julai 1990 telah bersetuju supaya Kuala Lumpur menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Keputusan ini adalah selaras dengan resolusi Persidangan CHOGM 1989 yang ingin memberi peluang yang sama kepada semua Negara Komanwel menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel yang di masa-masa lepas dimonopoli oleh negara-negara maju seperti United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Kerajaan yakin bahawa Malaysia dapat mengurus sukan tersebut dengan jayanya kerana kita mempunyai pengalaman serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Keputusan ini akan juga memupuk perhubungan dan kerjasama seranta dan teruama sekali perhubungan negara selatan-selatan. Berasaskan sebab-sebab di atas maka keuntungan kewangan bukanlah merupakan satu pertimbangan utama bagi kita menawarkan diri menjadi Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 1998.

(2) Merujuk kepada soalan Yang Berhormat berkaitan penyediaan untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel

suka saya memaklumkan bahawa penyediaan ini bolehlah dibahagikan kepada 3 perkara:

- (i) pengurusan dan pengelolaan sukan;
- (ii) penyediaan tempat pertandingan dan kampung sukan;
- (iii) penyediaan pegawai-pegawai serta atlit-atlit Malaysia.

Pengurusan dan Pengelolaan Sukan

- (a) Pengurusan dan pengelolaan Sukan Komanwel 1998 akan diserahkan kepada sebuah syarikat bernama SUKOM Ninety Eighi Bhd. Tindakan menubuhkan syarikat ini adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan "Commonwealth Games Pederation" badan Aniarabangsa yang bertanggungjawab ke atas Sukan Komanwel. Mengikut anggaran awal dalam buku Penawaran Sukan Komanwel syarikat ini akan membelanjakan peruniukan sebanyak \$77 juta. Pendapatan dijangka \$78 juta. Sumber kewangan syarikat ini adalah dari s u m b a n g a n - s u m b a n g a n , pemasaran, penjualan tiket, hak siaran TV dan sebagainya.

Penyediaan Tempat Pertandingan di Kampung Sukan

- (a) Kerajaan akan terlibat dengan secara langsung untuk menyediakan tempat-tempat pertandingan. Untuk makluman Yang Berhormat venue tiap-tiap 11 acara sukan yang akan dipertandingkan telahpun dikenalpasti. Semua kemudahan-kemudahan ini, kecuali Kompleks Sukan di Bukit Jalil dan kemudahan "lawn bowls" di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort terdiri daripada kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Sungguhpun demikian

tindakan masih perlu diambil untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di tiap-tiap venue tersebut supaya sesuai dengan taraf kejohanan antarabangsa. Datam hal ini Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji dengan lebih terperinci keperluan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan tersebut. Bagi Kompleks Sukan di Bukit Jalil usaha sedang dibuat untuk menswasiakannya.

- (b) Pihak DBKL telah dipertanggungjawabkan untuk membina sebuah kampung sukan bagi penginapan atlit serta pegawai-pegawai yang terlibat. Pembinaan kampung sukan ini juga akan dilaksanakan di bawah program pengswastan oleh pihak DBKL.
- (c) Suka saya tegas di sini bahawa perbelanjaan yang akan dibuat ke atas kemudahan sukan ini bukanlah semala-mata untuk Sukan Komanwel sahaja malah kemudahan-kemudahan ini telah dirancang sebelum permohonan untuk mengemukakan Sukan Komanwel lagi.

Penyediaan Pegawai-pegawai Dan Atlit-atlit Malaysia

- (a) Selain daripada kemudahan-kemudahan di atas Malaysia juga perlu menyediakan atlit-atlit dan pegawai-pegawai teknikal untuk mengambil bahagian Sukan Komanwel 1998 kelak. Dari sekarang hingga tahun 1998 atlit-atlit kita ini akan terlibat dalam Sukan Komanwel 1994, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Majlis Sukan Negara, badan di bawah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas penyediaan kepegawaian dan atlit-atlit Malaysia adalah:

gungjawab ke atas penyediaan kepegawaian dan atlit-atlit Malaysia adalah:

- (i) menyusun semula organisasi beberapa Persatuan Sukan Kebangsaan yang kurang aktif;
- (ii) mengenalpasti acara dan sasaran pingat-pingat kerana beberapa jenis acara yang bersesuaian dengan benuk badan rakyat Malaysia perlu diberi tumpuan lalihan yang lebih bagi meraih kejayaan di peringkat antarabangsa. Sukan-sukan yang dimaksudkan ialah seperti sukan Terjun, Renang Berirama, Gimrama dan Menembak. Di samping itu, sukan-sukan yang telah mencapai kecemerlang di peringkat antarabangsa seperti sukan Badminton, Skuasy perlulah mengekalkan dan meningkatkan prestasi mereka.
- (iii) mengambil khidmat jurulatih asing dan tempatan.
- (iv) mengenalpasti atlit-atlit dari peringkat sekolah.
- (v) mempertingkatkan kemudahan latihan termasuk peralatan, pusat dan tempat latihan.
- (vi) melantik pengurus projek secara sepenuh masa untuk setiap acara sukan. Tugas pegawai ini adalah untuk membantu menyediakan perancangan program persediaan latihan, menyelaras aktiviti latihan, mengawasi dan menyelaras keberkesanan dalam tempoh latihan.

- (vii) membekal khidmat sokongan Sains Sukan yang merangkumi bidang kepakaran seperti perubatan sukan, fisiologi, biomekanik dan nutrisionist.
- (viii) mengambil contoh sistem latihan negara maju dalam bidang sukan untuk dijadikan panduan dalam menentukan halacara latihan yang bersesuaian dengan suasana organisasi sukan di Malaysia.

(3) Suka saya memaklumkan di sini bahawa sebuah Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Persewaan Latthan ke arah Sukan Komanwel 1998 akan juga ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan dasar-dasar latihan perancangan dan pelaksanaan latihan, menyelaraskan aktiviti latihan dan penilaian terhadap keberkesanan latihan yang dilaksanakan.

(4) Selain daripada keuntungan secara langsung yang akan diperolehi oleh Syarikat SUKOM Ninety Eight Bhd, pihak-pihak lain seperti industri pelancongan akan dapat juga memperolehi keuntungan dari temasya Sukan Komanwel ini. Semasa Sukan Komanwel diadakan kelak adalah dijangka bukan sahaja para peserta dan pegawai-pegawai sukan seramai 7,000 orang akan tiba tetapi juga penonton-onton dari negara-negara yang mengambil bahagian akan turut datang ke negara ini.

(5) Saya percaya Sukan Komanwel 1998 ini akan juga membawa keuntungan secara tidak langsung kepada Malaysia. Ianya adalah satu promosi bagi Malaysia kerana ia bukan sahaja memperlingkatkan kedudukan Malaysia di kalangan 67 negara Komanwel tetapi juga di seluruh dunia

yang mengikuti perkembangan sukan antarabangsa. Dari aspek kesukanan pula ianya akan memberi peluang kepada para atlet Malaysia bertanding dalam arena antarabangsa serta mendedahkan pegawai-pegawai sukan dalam segi penganjuran sukan peringkat antarabangsa.

PERKHIDMATAN FERI UPPER LANANG/SUNGAI ASSAN— PENSWASTAAN

25. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Perkhidmatan Feri di antara Upper Lanang dengan Sungai Assan telah diswastakan;
- (b) sekiranya jawapan kepada soalan (a) yang tersebut di atas adalah ya, apakah nama syarikat tersebut, siapakah pengarah-pengarah dan pembahagian sahamnya;
- (c) jumlah wang yang dibayar kepada syarikat tersebut setiap bulan oleh Kerajaan; dan
- (d) sama ada Kerajaan bercadang untuk menukar dan menggantikan sebuah feri yang lebih besar iaitu feri yang boleh memampung 20 kenderaan satu perjalanan, kerana memandangkan feri sedia ada yang memben perkhidmatan adalah terlalu kecil sejak ia memulakan perkhidmatan dari Ogos, 1992.

**Timbalan Menteri Kerja Raya
(Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau):**

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan feri di antara Upper Lanang dengan Sungai Assan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sarawak oleh keranajalan berkenaan yang terlibat ialah

jalan negeri. Walau bagaimanapun difahamkan bahawa perkhidmatan feri berkenaan telah pun diswastakan.

- (b) saya difahamkan syarikat swasta yang mengendalikan perkhidmatan feri ini ialah Messrs. Soon Hua Hong Enterprise Sdn. Bhd. Bagaimanapun saya tidak ada maklumat mengenai pengarah dan pembahagian sahamnya. Maklumat berkenaan bolehlah disemak dengan pejabat Pendaftar Syarikat jika pihak Yang Berhormat benar-benar ingin mengetahuinya.
- (c) kadar yang dibayar kepada syarikat berkenaan ialah sebanyak \$1,205.00 sehari.
- (d) untuk maklumat Yang Berhormat saya difahamkan bahawa perkhidmatan feri yang ada sekarang adalah mampu untuk menampung keperluan semasa. Oleh itu pada masa sekarang tiada cadangan untuk menggunakan perkhidmatan feri yang lebih besar.

**PEPERIKSAAN SRP, SPM,
STPM—KEBOCORAN KERTAS
SOALAN**

26. Tuan Wahab bin Suhaili minta Mentert Pendidikan menyatakan:

- (a) sepanjang 5 tahun yang lalu berapakah jumlah kes kebocoran kertas peperiksaan SRP, SPM, STPM dan peperiksaan-peperiksaan yang berkaitan dapat dikesan. Siapakah yang melakukannya;
- (b) sejauhmanakah keberkesanan tindakan undang-undang supaya perkara tersebut tidak berulang lagi; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang supaya mana-mana pihak yang

lerlibat diambil tindakan undang-undang yang lebih berat seperti ISA.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab sekaligus bersama-sama dengan soalan No. 4 dalam Aturan Mesyuarat Harian Dewan Rakyat iaitu soalan dari Yang Berhormat dari Teluk Kemang pada 19-10-92.

**PEPERIKSAAN SRP—SIASATAN
KES KEBOCORAN KERTAS**

27. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Mcmeri Pendidikan menyatakan apakah hasil siasatan kes kebocoran kertas soalan SRP baru-baru ini, khususnya di mana punca kebocoran sama ada berpunca dari kelemahan sistem kawalan dalaman (internal control system) atau kegagalan melaksanakannya, dan apakah tindakan mengelakkan berulangnya perkara ini dan kemerosotan keyakinan terhadap sistem peperiksaan negara ini di kalangan masyarakat di dalam dan luar negeri.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab sekaligus bersama-sama dengan soalan No. 4 dalam Aturan Urusan Mesyuarat Harian Dewan Rakyat iaitu soalan dari Yang Berhormat dari Teluk Kemang pada 19-10-92.

**PEMILIH BARU BERDAPTAH—
BILANGAN**

28. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pemilih baru yang telah mendaftar sehingga hari ini mengikut pecahan negeri-negeri;
- (b) berapakah bilangan jumlah pemilih keseluruhannya sehingga ini mengikut pecahan negeri-negeri;

- (c) berapa ramaiakah rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas yang tidak berdaftar sebagai pemilih sehingga tahun ini; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas mendaftar sebagai pemilih. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):

- (a) Gerakan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih 1992 sedang berjalan. Bilangan pemilih baru yang didaftarkan belum lagi diketahui.
- (b) Jumlah pemilih seluruh negeri berdasarkan daftar pemilih tahun 1991 ialah seramai 8,058,047. Kedudukan pemilih mengikut negeri adalah seperti berikut:

**JUMLAH PEMILIH 1991
MENGIKUT NEGERI**

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Pemilih</i>
1.	Perlis	96,949
2.	Kedah	661,730
3.	Kelantan	543,138
4.	Tercngganu	327,997
5.	Pulau Pinang	555,658
6.	Perak	1,035,655
7.	Pahang	453,958
8.	Selangor	927,293
9.	Wilayah Persekutan Kuala Lumpur	528,557
10.	Negeri Sembilan	346,191
11.	Malaka	265,622

12.	Johor	973,975
13.	Wilayah Persekutan Labuan	18,101
14.	Sarawak	751,960
15.	Sabah	571,263
	JUMLAH BESAR	8,058,047

- (c) Adalah dianggarkan terdapat seramai 550,000 orang rakyat Malaysia yang berumur lebih 21 tahun yang belum mendaftar sebagai pemilih.
- (d)' Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan warganegara yang berusia 21 tahun mendaftar sebagai pemilih. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, rakyat sepatutnya diberi peluang memilih sama ada hendak mendaftar sebagai pemilih ataupun tidak.

**PEPERIKSAAN SRP—
MENCEGAH KEBOCORAN
KERTAS SOALAN**

29. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakah akan diambil untuk mencegah kebocoran soalan peperiksaan itu berulang lagi sepertimana yang berlaku di peperiksaan SRP baru-baru ini;
- (b) sama ada pihak Kementerian telah mengambil langkah-langkah berkesan untuk mencegah soalan dari dibocorkan; jika ya, kenapa soalan peperiksaan tersebut dibocorkan; dan
- (c) siapakah yang akan bertanggungjawab terhadap kebocoran soalan peperiksaan SRP tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab sekaligus bersama-sama dengan soalan no.4 dalam Aturan Mesyuarat Harian Dewan Rakyat iaitu soalan dari Yang Berhormat dari Teluk Kemang pada 19-10-92.

(Soalan No.30—Sila lihat jawapan kepada Soalan No.3)

KURSUS/SIJIL/DIPLOMA/IJAZAH SWASTA—KEBENARAN

31. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Kursus, Sijil, Diploma dan Kursus Ijazah yang dijangkakan oleh Kolej Swasta yang telah dapat kebenaran dan Kementeriannya;
- (b) senaraikan nama-nama kolej dan kursus yang didaftarkan oleh Kementeriannya;
- (c) garis panduan untuk memastikan Kolej dan Kursus tersebut mudah diketahui supaya masyarakat umum tidak akan kena tipu;
- (d) syarat-syarat minimum bagi Kolej Swasta dibenarkan menjalankan kegiatan mereka; dan
- (e) sejauh manakah kesannya selepas amaran Kementerian Pendidikan terhadap Kolej Swasta yang menjalankan operasi secara haram.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui proses permohonan dan pendaftaran Kementerian Pendidikan telah memberi kebenaran kepada institusi-institusi terlalu banyak, adalah sukar untuk disenaraikan

di sini. Bagaimanapun, secara umumnya, kursus-kursus itu boleh dikategorikan seperti berikut:

- (i) Pra-Universiti Luar Negeri seperti G.C.E, 'A', South Australian Matriculation Examination, Canadian Grade 13 dan lain-lain;
 - (ii) kursus-kursus di peringkat separa profesional seperti LCCI, City & Guilds, Association of Accounting Technicians dan lain-lain;
 - (iii) kursus-kursus di peringkat profesional di dalam berbagai-bagai bidang seperti perakaunan, pemasaran, kajian perniagaan, pengurusan dan lain-lain;
 - (iv) kursus-kursus vokasional dan teknik seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dan City & Guilds, diploma dalam bidang elektrik, elektronik, mekanikal dan sebagainya;
 - (v) kursus-kursus akademik bersifat 'collaborative programmes' seperti kursus berkembar, pemin-dahan kreditt, 'advance standing' dan lain-lain.
- (b) Pada masa ini terdapat 156 institusi pendidikan swasta peringkat pos-SPM telah diberi kebenaran untuk menjalankan kursus-kursus seperti dikategorikan dalam (a) di atas. Oleh kerana bilangan itu besar, nama-nama institusi-institusi itu sukar untuk disenaraikan di sini. Bagaimanapun, bilangan institusi itu mengikut negeri adalah seperti berikut:

Kedah	3 buah
Pulau Pinang	11 buah
Perak	11 buah
Selangor	28 buah

Wilayah Persekutuan	56 buah
Negcri Sembilan	7 buah
Melaka	4 buah
Johor	14 buah
Pahang	2 buah
Kelantan	3 buah
Sabah	6 buah
Sarawak	11 buah
Jumlah	<hr/> 156 buah <hr/>

- (ii) terdapat pengurusan yang cekap dan mahir untuk mengendalikan institusi itu;
- (iii) tenaga pengajar yang berkelayakan yang berpe-ngalaman disediakan;
- (iv) kemudahan-kemudahan yang sesuai dan mencukupi disediakan;
- (v) bangunan yang digunakan adalah sesuai dan selamat didaftarkan sebagai ins-tituti pendidikan; dan
- (vi) kursus-kursus yang di-jalankan adalah selaras dengan keperluan negara.
- (c) Setiap institusi pendidikan swasta yang telah didaftarkan diwajibkan mempamerkan sijil pendaftarannya di satu tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai. Pada sijil pendaftaran tersebut akan tercatat nama dan alamat institusi, nama pengerusi lembaga pengurus/pengelola, kursus-kursus dibenarkan dan yuran-yuran dibenarkan. Ibu bapa dan pelajar-pelajar yang berminat boleh meneliti sijil pendaftaran itu untuk makluman. Jika sijil itu tidak dipamerkan, orang ramai yang berminat boleh meminta supaya sijil itu dipamerkan. Jika pihak pengurusan institusi enggan mempamerkannya, orang ramai bolehlah melaporkannya kepada Pendaftar Sekolah-skolah di negeri di mana institusi itu terletak.
- (d) Kementerian Pendidikan menetapkan beberapa syarat bagi membolehkan pihak swasta menubuh dan menjalankan institusi pendidikan swasta. Antara syarat-syarat utama adalah:
- (i) hakmilik institusi hendaklah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan yang berkuatkuasa;
- (e) Kementerian Pendidikan akan membatalkan pendaftaran sekolah-sekolah atau institusi-institusi pendidikan swasta yang tidak mengikuti peraturan dan syarat-syarat penubuhan yang telah ditetapkan.
- (f) Kementerian ini berpendapat ada faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada pengendalian program kerjasama antara institusi tempatan dengan institusi/universiti luar negeri. Sehingga kini Kementerian Pendidikan telah memberi kebenaran kepada beberapa institusi tempatan untuk mengendalikan program yang tersebut. Bagaimanapun, Kementerian ini ingin menegaskan bahawa adalah lebih berfaedah jika institusi/universiti luar negeri yang dilibatkan adalah institusi-institusi yang ternama dan menawarkan kelayakan-kelayakan yang diterima dan diiktiraf oleh semua pihak. Cara ini adalah untuk menentukan pendidikan yang ditawarkan melalui program itu adalah berkualiti.

**PENCEMARAN DAN
PELANGGARAN DI SELAT
MELAKA—LANGKAH
PENCEGAHAN**

32. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mencegah pencemaran dan nahas pelanggaran di Selat Melaka dan lain-lalu di dalam perairan Malaysia.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (1) Bagi menjamin keselamatan pelayaran di Selat Melaka, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu laluan kapal. Beberapa alat bantuan pelayaran (navigational aids), rumah api, tanda arah suar (beacon) dan pelampung suar (buoys) telah dipasang di beberapa tempat seperti Rumah Api di One Fathom Bank dan mata arah (beacon) di Tanjung Piai, Sepat dan Tanjung Gabang di samping menyediakan laluan pelayaran khusus (dengan izin, Traffic Separation Scheme) untuk kapal-kapal lain.
- (2) Dari segi undang-undang, telah wujud beberapa undang-undang kebangsaan yang mempunyai tujuan untuk meneniukan tahap keselamatan kapal-kapal serta mengawal dan mencegah pencemaran. Kerajaan Malaysia sedang memperkeiatkan lagi kedudukan undang-undang yang berkaitan dan membuat pindaan-pindaan yang sesuai bagi menentukan pengawalan yang lebih teliti dan berkesan terhadap keselamatan perkapalan dan pengawalan alam sekeliling.
- (3) Berkaitan dengan ini, telah pun wujud kerjasama 3 negara iaitu Malaysia, Indonesia dan

Singapura untuk menentukan tindakan yang lebih bersepadu terhadap masalah keselamatan dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

- (4) Satu Persidangan Antarabangsa akan diadakan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand untuk meninjau cara-cara yang boleh menjamin dan menyelenggara langkah-langkah keselamatan pelayaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN)
1992**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama sualu Akta untuk meminda Perlembagaan Persckkuluuan; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1992)
1992**

Itacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan lambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA SEKURITI 1992**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suai Akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA PELABUHAN
PULAU PINANG (PINDAAN) 1992**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PUSAT
JAGAAN 1992**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusatjagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
INSTITIUT PIAWAIAN DAN
PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA
(PERBADANAN) (PINDAAN) 1992**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KOPERASI 1992**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi pncubuhan, pendaftaran, pengawalan dan pengawalseliaan koperasi-koperasi untuk menggalakkan perkembangan koperasi-koperasi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
JUALAN LANGSUNG 1992**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.4Jptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi mengadakan pelesenan orang-orang yang menjalankan perniagaan jualan langsung, pengawalseliaan jualan langsung dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini digubal untuk memenuhi tiga objektif penting. Pertama, ialah untuk melindungi kepentingan pengguna menerusi kawalan kegiatan jualan langsung; kedua, untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti-aktiviti jualan langsung yang beretika melalui pelesenan; dan ketiga, bagi mengadakan satu peruntukan khas melarang kegiatan jualan secara piramid.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jualan langsung adalah ditakrifkan sebagai satu khidmat jualan barangan terus kepada pembeli melalui jualan pintu ke pintu dan pesanan melalui pos tanpa melalui saluran biasa seperti pemborong dan peruncit. Barang-barang yang dijual termasuklah pinggan mangkuk, alai-alat elektrik, alai-alat solak, buku dan sebagainya.

Terdapat dua kaedah pemasaran jualan langsung. Pertama, jualan secara terus di mana pembuat barang itu sendiri melibatkan diri secara terus dengan menjual barangnya kepada pengguna; dan yang kedua, pemasaran berperingkat-peringkat ataupun lebih dikenali, dengan *in, multi-level marketing*. Pemasaran berperingkat-peringkat melibatkan pembayaran komisyen kepada ejen-ejen syarikat berdasarkan kepada bilangan sub ejen atau wakil yang diawasi dan jumlah jualan oleh wakil-wakil jualan di peringkat-peringkat kedua, ketiga dan seterusnya. Pembayaran atau komisyen yang dibayar bergantung kepada jumlah jualan dan pangkat wakil jualan dan peringkat ianya dilantik dalam struktur pemasaran berperingkat-peringkat itu.

Tuan Yang di-Pertua, jualan secara piramid adalah teknik penjualan yang melibatkan beberapa lapisan peserta. Mercka ini dikenakan bayaran tertentu sebelum diberi hak untuk menjual barang-barang atau untuk memperkenalkan peserta baru. Lazimnya pejualan barang-barang menjadi kurang penting dan barang-barang yang dibeli oleh peserta adalah mahal berbanding dengan harga di pasaran. Kos barang adalah kecil jika dikira sebagai peratus bayaran yang dikenakan untuk menjadi peserta. Keuntungan besar yang diperolchi oleh syarikat adalah melalui bayaran penyertaan. Kesemua lapisan peserta ini dijanjikan ganjaran yang berlipat-ganda. Jualan secarapiramid ini menekankan pengambilan, dengan izin, recruitment jurujual dan peserta. Wakil-wakil jualan tersebut akan berjaya sekiranya ia mendapatkan bilangan peserta-peserta dan jurujual-jurujual yang besar. Sekiranya gagal berbuat demikian, maka sudah pasti ia tidak dapat memperolchi semua wang yang lelah dibayar untuk melayakkan diri sebagai jurujual dan peserta dalam skim ini. Umumnya aktiviti jualan secara piramid menggunakan kaedah pasaran jualan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian banyak menerima aduan dari orang ramai dan persatuan-persatuan pengguna mengenai beberapa aspek jualan langsung. Masalah yang dikenal pasti termasuklah aduan di mana pengguna diganggu oleh jurujual-jurujual yang sering menggunakan teknik desakan dan paksaan, dengan izin, high pressure selling kerana tiada masa tertentu dihadkan untuk jualan. Adajuga aduan mengenai pengambilan wang pendahuluan tanpa mendapat barang-barang yang dipesan serta tidak ada tempoh bertenang iaitu, dengan izin, cooling off period untuk menimbang semula keputusan membeli atau sebaliknya. Pembeli juga tidak berpeluang menamatkan perjanjian yang telah dibuaidengan syarikat.

Pada masa ini tidak ada perundangan yang melarang pemasaran mengikut kaedah piramid. Mereka yang menyertai skim piramid dikehendaki membayar yuran keahlian yang tinggi dan selalunya dikenakan syarat untuk membeli barang dan perkhidmatan syarikat sebelum diterima menjadi ahli. Harga barangan skim piramid biasanya adalah lebih mahal berbanding dengan harga pasaran. Peserta-peserta skim terpaksa mendapatkan ahli-ahli baru untuk melayakkan mereka memperoleh bonus yang dijanjikan. Sekiranya mereka gagal, bukan sahaja mereka tidak layak mendapat bonus, mereka juga akan hilang wang deposit yang telah mereka bayar kepada syarikat penganjur.

Oleh kerana skim piramid lebih banyak berganlung kepada pengumpulan peserta dari penjualan barang, skim ini tidak dapat diteruskan untuk jangka masa yang lama. Skim terpaksa runtu dan peserta yang paling akhir menyertai skim akan mengalami kerugian sedangkan penganjur telah meraih keuntungan terlebih dahulu. Peserta skim ini telah dieksploitasi oleh syarikat penganjur. Menyedari hakikat ini adalah dicadangkan supaya skim piramid ini diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat beberapa keburukan dan masalah seperti yang saya terangkan tadi, sumbangan aktiviti jualan langsung dari segi ekonomi negara adalah besar. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh, dengan izin, the World Federation of Direct Selling Association pada bulan Januari, 1992, jumlah penjualan dari aktiviti jualan langsung di Malaysia bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$686 juta dan melibatkan 296,000 penjual. Bagi tahun 1992, Persatuan Jualan Langsung Malaysia menganggarkan jumlah jualan daripada aktiviti jualan langsung oleh 18 ahli-ahli syarikat sahaja akan meningkat kepada \$1 bilion. Angka ini akan

meningkat jika diambil kira jumlah jualan langsung oleh syarikat-syarikat yang tidak berdaftar dengan persatuan tersebut. Dari segi peluang pekerjaan pula, data daripada Persatuan Jualan Langsung Malaysia menunjukkan bahawa sehingga akhir 1991 aktiviti jualan langsung telah memberi pekerjaan kepada 2,100 orang rakyat Malaysia bekerja sebagai pekerja tetap dengan 18 syarikat yang menjadi ahlinya di samping 300,000 orang yang menjadi pengedar.

Kaedah jualan langsung memberi peluang tambahan pendapatan melalui usaha sendiri tanpa melibatkan modal yang besar. Jualan langsung telah banyak memberikan peluang kepada ramai peserta terutama bumiputera untuk mencukupi bidang pemasaran dan perniagaan. Jualan langsung yang dikendalikan dengan cara yang beretika tidak dapat dinafikan memberi faedah kepada negara tetapi apa yang dikhuatiri ialah jualan secara piramid yang biasanya berselindung dengan menggunakan sistem jualan langsung. Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mencadangkan penggubalan satu perundangan baru yang akan melarang sistem jualan secara piramid dan mengawal jualan langsung melalui plesenan.

Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, Persatuan Jualan Langsung Malaysia dan dengan izin, Multi-level Marketing Association of Malaysia dalam penggubalan Rang Undang-undang yang dicadangkan. Juga beberapa Akta negara lain seperti, dengan izin, laws concerning:

Door-to-Door Sales, 1976, Japan;

Door-to-Door Sales 1967, New Zealand;

Door-to-Door Sales Act, 1971 South Australia;

The Multi-level Marketing and Pyramid Selling (Prohibition Act), 1973, Singapore; and

Door-to-Door Trading Act, 1986, Tasmania telah dirujuk.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dicadangkan merangkumi pemtukan-peruntukan yang bertujuan melindungi pengguna daripada ditipu oleh peniaga-peniaga jualan langsung yang tidak beretika disamping meng-haramkan kegiatan jualan langsung secara skim piramid. Di antara peruntukan-peruntukan substantive yang dicadangkan, adalah mengenai skop rang undang-undang. Skop yang dicadangkan untuk dirangkumi oleh Rang Undang-undang ini adalah dibawah definisi jualan langsung di seksyen 2, di mana jualan langsung bermakna jualan pinlu ke pintu iaitu, dengan izin, door-to-door dan jualan pesanan pos iaitu mail order sales. Jualan pintu ke pintu ialah jualan barang atau perkhidmaian yang dilakukan oleh seorang yang pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain ataupun melalui panggilan telefon, manakala jualan pesanan pos pula merupakan jualan barang atau perkhidmaian melalui pesanan pos.

Seksyen 3(1) bertujuan memberi kuasa kepada Memeri mlantik Pengawal Jualan Langsung, Timbalan Pengawal Jualan Langsung, Pengarah Pengawal Jualan Langsung dan pegawai-pegawai lain yang difikirkan perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan perundangan jualan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 4(1) Rang Undang-undang menctapkan keperluan lesen sebelum sebuah syarikat boleh beroperasi sebagai syarikat jualan langsung. Seksyen ini juga menelapkan bahawa syarikat yang layak memohon lesen jualan langsung adalah syarikat

yang dipcrbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Pengawalan melalui pclesenan bertujuan untuk melarang syarikat, syarikat jualan langsung yang tidak beretika meneruskan kegiatan mereka. Peruntukan ini juga perlu untuk membolehkan pihak yang bertanggungjawab dikesan sekiranya berlaku sebarang penipuan dan penyelewengan.

Seterusnya Seksyen 4(2) memper-uniukkan penaki atas sesebuah syarikat jualan langsung yang beroperasi tanpa lesen. Denda tidak melebihi \$250,000 bagi kesalahan pertama akan dikenakan, dan tidak melebihi \$500,000 bagi setiap kesalahan seterusnya. Bagi individu yang mcnjalkan perniagaan jualan langsung tanpa lesen di bawah Seksyen 4(2) (b), jumlah denda bagi kesalahan periana adalah lidak melebihi \$100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya. Bagi setiap kesalahan seierusnya, denda adalah tidak melebihi \$250,000 atau penjara tidak melebihi cnam tahun atau keduanya.

Seksyen 7 melarang aktiviti skim piramid. Peruniukan Seksyen 7(1) mcnjelaskan bahawa lesen jualan langsung tidak akan dikeluarkan kepada siapa sahaja yang terlibat dengan skim jualan langsung yang memberi ganjaran yang lumayan kepada penaja yang berada di peringkat atas melalui akiiviti pengambilan sahaja dan bukan beroperasi jualan barangan. Sesiapa sahaja yang beroperasi secara langsung atau tidak langsung di dalam skim seperti ini boleh didenda tidak melebihi \$250,000 aiau tiga tahun penjara aiau keduanya tidak mclebihi \$500,000 bagi setiap kcsalahan seterusnya atau penjara lidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya. Bagi pctubuhan perbadanan pula, bagi kcsalahan pertama adalah tidak melebihi \$250,000 dan tidak melebihi \$500,000 bagi setiap kesalahan seterusnya. Denda seperti di Seksyen 4(2) (b) akan dikenakan kepada sesiapa sahaja yang

memegang jawatan pengarah, pengurus, setiausaha atau jawatan lain di syarikat tersebut sekiranya didapati ia beroperasi secara sistem pyramid. Rang Undang-undang ini juga mempunyai peruntukan rayuan di Seksyen 16, di mana seorang atau sebuah syarikat boleh merayu kepada Menteri terhadap penolakan permohonan lesen atau penarikan balik lesen oleh pengawal.

Seterusnya Seksyen 17 menentukan melalui peraturan hari dan masa yang membenarkan aktiviti jualan langsung dari pintu ke pintu. Dengan adanya peruntukan ini, maka pihak pengguna tidak akan diganggu oleh jurujual pada bila-bila masa sahaja.

Melalui Seksyen 18 penjual-penjual akan disyaratkan mempunyai kad pengenalan diri dan kad kuasa keluaran syarikat jualan langsung yang diwakili untuk memastikan bahawa jurujual adalah penjual yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan keadaan di mana jurujual memberi perihal dagangan palsu yang biasanya dijelaskan secara Hsan semasa menjual, maka peruntukan 23(1) menetapkan keperluan kontrak benulis di dalam jualan pintu ke pintu dan pesanan pos. Kontrak tersebut akan mengandungi butir-butir barang atau perkhidmatan serta tempat barang atau perkhidmatan yang hendak dibekalkan perlu dimuatkan di dalam kontrak selaras dengan kehendak Seksyen 24. Kontrak tersebut adalah tertakluk kepada tempoh bertenang selama 10 hari bekerja. Walau bagaimanapun, untuk jualan pintu ke-pintu, Seksyen ini tidak terpakai bagi sebarang penjualan barang atau perkhidmatan yang nilai akan ditetapkan melalui peraturan, Tatacara jualan langsung ialah dalam bentuk pujuk rayu, paksaan, desakan dan cara-cara amalan perniagaan lain yang dianggap tidak beretika.

Bagi membolehkan pembeli menimbang semula keputusan untuk membeli barangan secara jualan langsung, Rang Undang-undang ini telah memperuntukkan melalui Seksyen 25 hingga 27 untuk memberi kemudahan tempoh bertenang dan penamatan kontrak kepada pembeli. Tempoh bertenang ialah tempoh 10 hari bekerja yang dibenarkan bagi pelanggan menimbang semula sesuatu pesanan yang telah dibuat. Tiada bayaran atau penerimaan barang boleh dilakukan dalam tempoh tersebut. Namun begitu, sekiranya pembeli ingin mendapatkan barang tersebut bagi tarikh sebelum tarikh bertenang tamat, ia boleh berbuat demikian dengan mengenyepkan haknya untuk menukar fikirannya.

Seksyen 36 membolehkan seseorang yang tidak ingin meneruskan pembelian bagi barang yang telah dipesan, membatalkan pesanan dengan menghantar, dengan izin, notice of cancellation melalui pos berdaftar dalam tempoh 10 hari yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain adalah mengenai penguatkuasaan undang-undang dan Penalti Am seperti di Seksyen 28 hingga 36 dan 39 masing-masing. Di samping itu, memandangkan aktiviti jualan langsung dijalankan oleh berbagai kumpulan orang dan tujuan Rang Undang-undang bukannya untuk mengawal kumpulan-kumpulan yang tertentu itu dalam Seksyen 42 memberi kuasa melalui peraturan kepada Menteri untuk mengecualikan peruntukan undang-undang bagi penjualan langsung yang dikendalikan oleh orang-orang cacat dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan serta peniaga-peniaga kecil lain seperti pemotong rumput, penjual roti dan penjaja ikan dan sayur-sayuran dan lain-lainnya.

Seperti yang telah saya nyatakan dalam awal ucapan ini, peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam

Rang Undang-undang Jualan Langsung ini adalah bagi memastikan bahawa hanya syarikat jualan langsung yang beretika sahaja dibenarkan beroperasi, dan skim piramid akan dilarang sama sekali. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang ini akan melindungi kepentingan pengguna, di samping menggalakkan jualan langsung yang beretika terus maju dan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bukit Bintang.

3.59ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Jualan Langsung ini. Masalah jualan langsung ini sudah lama timbul di dalam negara kita dan juga ada banyak laporan telah dihantar kepada Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tiada tindakan diambil, baru sekaranglah bahawa Kerajaan mengambil tindakan untuk membentangkan Rang Undang-undang Jualan Langsung ini pada hari ini. Sudah terlewat, seperti close the stable door after the horse has bolted. Ramai orang sudah terjejas dalam perkara ini. Ada satu kes, iaitu Magnacassa Sdn. Bhd. Syarikat Magnacassa Sdn. Bhd. ini jual "time sharing" dan sudah kutip wang

awam lebih kurang \$70 juta dan terlibat 35,000 orang di dalam negara kita. Apakah tindakan diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna walaupun ada banyak laporan dibuat oleh rakyat jelata. Tiada. Dan bagaimanakah mereka sekarang keadaan mereka.

Mereka sekarang ini dalam keadaan, saya rasa keadaan susah dan keadaan songsang, tidak lahu hendak pergi ke mana. Dan kenapa Akta ini tidak dengan 'retrospective effect' seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)? Akta itu harus juga ada retrospective effect supaya rakyat-rakyat negara kita dapat kepentingan mereka yang dipertahankan oleh Kerajaan. Telapi dalam Akta sebegini, Kerajaan Barisan Nasional tidak minat membuat Akta ini dengan retrospective tetapi kalau dalam Akta Keselamatan Negara (ISA) yang menangkap rakyat dimasukkan dan ditahankan dalam keta tahanan, Kerajaan dengan sukarela ada menukarkan akta dengan retrospective effect. Itu yang saya tidak faham. Pada halnya, Akta sebegini yang terlibat beribu-ribu orang, Kerajaan mesti buat satu peruntukan untuk Akta ini dengan retrospective effect supaya semua direct selling dalam syarikat yang ada sekarang juga tertakluk dalam Akta ini.

Memang kita faham ada ramai orang yang terlibat dalam direct selling ini. Kalau kita pergi ke Jabatan-jabatan Kerajaan sekarang pun, ada banyak civil servants yang terlibat dalam perkara ini. Mereka menjual barang-barang di dalam masa tugas mereka di dalam Jabatan dan saya rasa di dalam Kementerian Perdagangan pun ada—menjual Amwaykah, menjual sabunkah dan menjual bermacam-macam. Kementerian Perdagangan memang ketawa. Saya rasa kalau Menteri Perdagangan berjalan di dalam pejabatnya mungkin juga tahu. Ada ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam perkara ini. Saya

sanggup—ada ramai orang yang terlibat dalam perkara ini tetapi bukti-bukti yang diberikan oleh Menteri Perdagangan—saya rasa 2,700 orang itu hanya sedikit, tetapi lebih ramai orang daripada itu. Dalam organisasi Kerajaan sahaja, saya rasa lebih daripada 2,700 orang itu. Saya sendiri ada nampak pegawai Kerajaan semasa bertugas menjual sabun atau menjual bermacam-macam, seperti Amway untuk cuci keretakah atau all kind of products.

Saya rasa sebenarnya direct selling adalah satu practice yang tidak beretika dalam commercial world kita ini dan saya rasa Menteri Perdagangan juga sudah faham bahawa di Singapura, mereka ada satu Multi-level Marketing and Direct Selling Prohibition Act. Mereka mengharamkan semua direct selling di Singapura; dan juga, seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, di Jepun, di Australia dan di Singapura. Kenapa Kerajaan kita tidak ambil tindakan mengadakan satu Rang Undang-undang mengenai direct selling untuk mengharamkan semua direct selling di dalam negara kita ini? Jikalau syarikat-syarikat direct selling ini semuanya dengan ikhlas atau serius, kenapa mereka tidak menjalankan satu syarikat, boleh dipasarkan di supermarketkah, buka saii syarikat. Mereka melalui direct selling oleh kerana mereka boleh menggunakan sistem piramid ini ataupun door-to-door selling untuk high pressure selling kepada rakyat jelata. Kalau kita tahu syarikat direct selling ini menjalankan kegiatan mereka melalui practice yang tidak beretika, kenapa kita tidak mengharamkan semua kegiatan direct selling ini di Malaysia sepertimana yang dijalankan di Singapura dan negara lain? Kita sudah ada satu contoh di Singapura. Kerajaan Singapura mengharamkan semua direct selling di Singapura oleh kerana kepentingan rakyat jelata akan dijejaskan oleh direct selling. Tetapi di negara kita, saya tidak faham kenapa Kerajaan Barisan Nasional keluaran

satu Akta sebegini dengan tidak mengharamkan semua direct selling; mungkin ada Menteri-menteri ataupun Timbalan-timbalan Menteri ada terlibat dalam syarikat direct selling ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Saya difahamkan ada seorang Timbalan Menteri terlibat ataupun ada indirect interest dalam direct selling melalui time-sharing. Sebab itulah, mungkin Kerajaan tidak mengharamkan kegiatan direct selling di dalam negara kita. Pada halnya, kalau Kerajaan yang jujur dalam menjagakan kepentingan rakyat jelata, memang Kerajaan ini mestilah mengharamkan semua kegiatan direct selling seperti di Singapura sama ada piramid ataupun tidak. Mereka mesti diharamkan, tetapi Kerajaan ini tidak buat begitu. Walaupun Akta sebegini ada banyak peruntukan untuk mengawal aktiviti-aktiviti direct selling, saya rasa pihak Kementerian Perdagangan tiada kemampuan untuk mengawal kegiatan mereka, walaupun ada peruntukan di bawah Akta ini.

Sepertimana yang kita boleh lihat, seperti aksesori-aksesori kereta, walaupun ada ramai orang sudah buat laporan dan mengadu kepada Kementerian Perdagangan, apakah tindakan yang diambil hampir masa kini? EON diberikan hak untuk memaksa nkyai membeli aksesori-aksesori kereia seperti radio atau third brake light. Seperti radio, harganya lebih tinggi daripada pasaran luar. Kenapa Kementerian Perdagangan tidak mengambil tindakan? Oleh kerana mungkin ada pihak tertentu ada kepeniingan dalam EON. Sebab itu, Menteri Perdagangan tidak mampu mengawal keadaan seperti itu. Kalanya menjaga hak pengguna, katanya kita hendak memperlindungan kepentingan orang ramai. Jikalau ada orang ramai

sudah tulis surat kepada Menteri Perdagangan, memang kita mesti memberhentikan practice yang tidak berelika di dalam pasaran kereta baru. Semua pembeli kereta mesti ada hak memilih sama ada mereka membeli air-conditioner daripada EONkah, radio cassette daripada EONkah, ataupun mud-flap, atau sport rim, mereka mesti ada hak oleh kerana item-item aksesori ini tidak kena-mena dengan road worthiness of the car.

Kenapa Menteri Perdagangan tidak mampu membuat satu peraturan bahawa semua syarikat-syarikat kereta tidak boleh memaksa rakyat jelata ataupun pembeli-pembeli kereta untuk membeli aksesori- aksesori yang tersebut. Seperti di England, pembeli semuanya ada hak semasa mereka buat satu booking untuk kereta, dan mereka akan diberikan satu senarai aksesori. Jikalau mereka hendak aksesori, mereka boleh pilih dan bayar harga lebih. Tetapi di negara ini, mereka tidak berhak oleh kerana Menteri-menteri ataupun pihak tertentu ada kepentingan dalam syarikat seperti EON. Sebab itulah Menteri Perdagangan tidak mampu (unable to) ambil tindakan untuk menjaga kepentingan rakyat.

Apa-apa yang dikeluarkan dalam suratkhbar itu untuk apa? Untuk 'eyewash' sahaja; "melepaskan batuk di atas tangga" sahaja. Bukannya serius. Kalau serius, ini satu perkara yang Menteri Perdagangan mesti mengambil tindakan dengan segera supaya rakyat jelata tidak dieksploitasikan oleh syarikat besar seperti EON.

Sama ada Menteri berkenaan tahu atau tidak bahawa untung dari aksesori sebuah kereta ialah lebih daripada \$3,000 yang diperolehi oleh EON. Jikalau pembeli-pembeli diberi hak untuk memilih sama ada mereka mahu beli aksesori itu daripada EON ataupun di pasaran luar, mereka akan jimat \$3,000 bagi sebuah kereta. Adakah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tahu berapa EON sudah untung dalam jualan aksesori?

Kalau kita kata untung dari sebuah kereta ialah \$3,000 sebulan dan kalau ada 8,000 buah kereta dikluarkan oleh EON, ia bermakna lebih daripada \$2.4 juta untungnya. Dan juga Menteri berkenaan mesti faham sedikit kalau syarikat HICOM untungnya kurang daripada EON, itu bermakna bahawa mereka ini dapat keuntungan mereka daripada aksesori.

Saya tidak pernah dengar lagi syarikat HICOM iaitu manufacturer of Proton Saga mendapat keuntungan lebih daripada EON, sebuah syarikat edaran (distributor) sahaja. Sebab itu saya kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak mampu mengawal direct selling ini, tidak mampu sebab kalau mereka pun terlibat daripada pihak Menteri alau pihak tertentu, Kementerian mungkin tidak ada ambil tindakan.

Di bawah seksyen 42(1) (d), Menteri diberi kuasa untuk mengecutikan sesiapa untuk direct selling daripada Akta ini. Kenapa Menteri mesti ada hak untuk mengecualikan sesiapa di dalam Akta ini? Seksyen 42(1) berbunyi:

"42(1) Minister may

- (a) that the proceeds from the direct sales business are to be used exclusively for charitable, welfare, social, religious or educational purposes;
- (b) that the person who seeks to sell the goods or supply the services is a handicapped person;
- (c) that the person who seeks to sell the goods or supply the services is, in the ordinary course of his business, required to supply his goods or services by means of direct sale transactions for the convenience of the purchasers; or

(d) that the giving of an exemption to such person or direct sales business will not, in the opinion of the Minister, prejudice the interests of the purchasers."

Kenapa Menteri diberi hak untuk mengecualikan syarikat-syarikat. Saya rasa semua syarikat yang membuat direct selling mestilah tertakluk di bawah Akta ini.

Saya hendak tahu daripada Menteri apakah tindakan yang beliau akan ambil atau telah ambil mengenai Magnacasa Sdn. Bhd. yang melibatkan 35,000 ahlinya dan juga terlibat dengan wang \$70 juta. Apakah tindakan yang akan diambil? ataupun yang telah diambil? Kalau Menteri berkenaan hendak tahu siapa terlibat di dalam perkara ini, Pengerusinya ialah Tengku Ali dan Managing Directornya ialah Ng Kok Seng dan Eddie Tan Cheng Ean. Kedua-dua orang ini, Ng Kok Seng dan Eddie Tan sudah didakwa di mahkamah pada bulan Mac 1991 bukan berkenaan dengan direct selling tetapi di bawah Akta Syarikat oleh kerana mereka tidak memfailkan dokumen-dokumen di bawah Akta Syarikat.

Saya hendak tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna oleh kerana ia melibatkan seramai 35,000 orang dan wang sebanyak \$70 juta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Klang.

4.15 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini walaupun ianya agak terlewat dari masa setelah

masyarakat negara ini sudah disogokkan dengan beranika jenis syarikat jualan langsung dengan beranika barang atau produk sehingga mencetuskan satu keadaan seperti tidak terkawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak syarikat yang tumbuh dan banyak pula yang mati dan sudah ramai orang yang menjadi mangsa penipuan syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan jualan langsung bagi berbagai barang kegunaan diri, rumah dan sebagainya,

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudah nampak bahawa industri jualan langsung berupaya memberi sumbangan kepada negara tetapi yang menyedihkan Kerajaan mengambil masa yang panjang untuk menyediakan draf dan membentangkan Rang Undang-undang ini setelah ramai orang menjadi korban dan mangsa kepada golongan yang menceburi dalam industri ini secara tidak bertanggungjawab. Ada pengusaha-pengusaha yang tidak bertanggungjawab menyediakan produk-produk yang kurang bermutu dan tidak kurang pula yang menjadikan bidang ini sebagai mencari kekayaan atau keuntungan cepat seperti tidak membayar apa-apa imbuhan atau ganjaran kepada golongan pengedar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah halangan yang menyebabkan industri ini tidak memberi gambaran dan anggaran yang baik pada pandangan masyarakat. Setelah meneliti Rang Undang-undang ini, saya mendapat gambaran bahawa Kerajaan mahu mendisiplinkan industri ini supaya ia dapat bukan sahaja memberi sumbangan bermakna kepada ekonomi dan masyarakat tetapi berupaya membantu rakyat keluar dari kesulitan kewangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan harus menimbang semula butir-butir yang saya sebut di bawah supaya pembenangan Rang Undang-undang ini boleh dicapai maksud.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1(3) (a), misalnya, berbunyi:

"Akta ini tidaklah lerpakai:

(a) jika pembeli atau bakal pembeli ialah suatu pertubuhan perbadanan."

Peruntukan ini menyebabkan ramai pengedar yang membuat jualan terus kepada pertubuhan perbadanan seperti hotel, syarikat-syarikat besar dengan maksud untuk mendapat volume of business yang besar tidak tertakluk kepada Rang Undang-undang.

Adalah kurang jelas sama ada pengedar yang mendapat pelanggan dari pertubuhan, perbadanan adalah satu kesalahan dan tidak dibenarkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika inilah keadaannya, saya khawatir ramai pengedar bagi sebuah syarikat jualan langsung akan kehilangan business mereka. Begitu juga Fasal 1(3)....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya rasa tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, tolong bilang. (*Kurang dari 26 Ahli hadir*) Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira: Lebih 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup kuorum. Yang Berhormat Klang tolong sambung.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1(3) (b) yang menyebut, "Akta ini tidaklah terpakai bagi apa-apa kontrak insurans dan insurans semula". Jadi, bagaimanakah kedudukan syarikat-syarikat jualan langsung yang memberi peluang kepada pengedar mereka memasarkan beberapa jenis insurans kepada pelanggan seperti Skim Amsure yang dipasarkan oleh Amway, sebuah syarikat jualan langsung berasal dari Amerika Syarikat serta syarikat-syarikat lain?

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan cara sedemikian tidak juga disenangi oleh Pcr. satu Insurans negara ini kerana langkah syarikat tersebut membelakangkan peraturan yang dipuluskan oleh persatuan. Saya khawatir jika berlaku apa-apa pertikaian di belakang hari yang melibatkan orang ramai, maka dakwaan tidak dapat dijalankan kerana ketiadaan peruntukan tersebut. Ada baiknya peruntukan Fasal ini disemak semula supaya tidak berlaku pertentangan pindaan undang-undang di belakang hari.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Fasal II, tempoh bertang yang diberikan selama 10 hari adalah terlalu lama. Ianya wajar dipinda kepada 7 hari sahaja kerana memberi faedah kepada dua belah pihak. Pertama, pelanggan, yang keduanya, pengedar dan syarikat. Pelanggan tidak perlu menunggu lama untuk memulangkan barang-barang jika tidak dikehendaki dan pengedar tidak berasa kerugian bagi tempoh yang panjang misalnya setelah berusaha membuat jualan dalam tempoh sebulan, tiba-tiba pelanggan memulangkan barang-barang yang sudah dilanggan bercerti para pengedar kehilangan pendapatan yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini sama ada persendirian, perkongsian dan bukan syarikat sendiri berhad sudah membolehkan pengusaha mencibur diri dalam kegiatan jualan langsung sama ada dari segi pembuatan dan pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi bebas mendorong ramai pengusaha individual dan perkongsian bukan tanggungan, berhad mengambil kesempatan dalam bidang ini. Cara ini lelah memberi peluang kepada banyak syarikat yang mengamalkan sistem pemasaran secara lama menukar sistem pemasaran mereka kepada konsep multi-level system dengan melantik pengedar-pengedar bebas, terbukti mereka berjaya.

Malangnya menurut Fasal 4, manamana pengusaha jualan langsung yang tidak didaftarkan di bawah Akta Syarikat tahun 1965 tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan jualan langsung dan jika sabit kesalahan boleh dijauhi hukuman. Ini menyebabkan ramai pengusaha kecil sama ada memberhentikan kegiatan perniagaan cara ini atau mendaftarkan syarikat mereka di bawah Akta Syarikat 1965. Tidak dinafikan ada yang terpaksa gulung tikar atau wind-up, dengan izin. Walau bagaimanapun, adalah diakui bahawa maksud Fasal ini ialah untuk membersihkan industri jualan langsung dari sebarang penyelewengan dengan memakai nama perniagaan jualan langsung oleh mereka yang mengambil kesempatan ke atas orang ramai kemudiannya akan lahir banyak syarikat perniagaan jualan langsung yang jujur dan bertanggungjawab.

Akan tetapi, saya hairan mengapa harus ada perbezaan dari segi hukuman denda atas kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini misalnya Fasal 4 menyebut hukuman denda bagi syarikat ialah \$250,000 manakala bagi individual ialah \$100,000 sedangkan kesatahan yang dilakukan oleh mereka adalah sama. Saya mencadangkan supaya hukuman denda itu diselaraskan jika kesalahan yang disabitkan adalah serupa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara sudah lama menyekat perniagaan skim piramid tetapi Malaysia agak ketinggalan apabila baru sahaja memperkenalkan Rang Undang-undang yang menyekat skim piramid ini dari bergerak di negara ini. Sikap tunggu dan lihat yang diamalkan oleh Kerajaan menyebabkan ramai rakyat sama ada pelanggan, pengedar mengalami kerugian yang banyak. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat pemeriksaan ke atas syarikat yang disyaki menjalankan perniagaan jualan langsung sama ada mereka memaluh undang-undang ini atau tidak kelak.

Apa yang berlaku selama ini, banyak syarikat yang menjalankan perniagaan jualan langsung menghadapi aliran tunai yang menyebabkan mereka tidak dapat membayar bonus dan ganjaran kepada para pengedar dan perkhidmatan yang pernah diberikan kepada para pengguna tiba-tiba terhenti apabila syarikat jualan langsung tidak lagi beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus memikirkan supaya teras yang membuatkan syarikat itu maju iaitu pembeli dan pengedar dilindungi kepemingan mereka seperti syarikat-syarikat insurans yang mana Kerajaan mengenakan syarat sejumlah wang sebagai deposit atau jaminan. Andainya sesuatu syarikat itu gagal mematuhi perjanjian, maka ada saluran Kerajaan boleh bertindak untuk membantu mereka yang teraniaya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

4.31 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah membentangkan Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 dan Rang Undang-undang ini merupakan Rang Undang-undang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita sudah menunggu begitu lama untuk suatu Rang Undang-undang Jualan ataupun suatu Rang Undang-undang yang boleh mengawal sistem perniagaan jualan langsung kerana sebelum ini sistem perniagaan jualan langsung tidak dikawal oleh undang-undang. Tetapi sesudah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diwujudkan, kalau tak silap saya, Yang Berhormat Menteri mula-mula bercakap antara lain untuk mengawal perkembangan jualan langsung bagi tujuan melindungi kepentingan pengguna. Oleh itu saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini yang saya kira begitu comprehensive, lengkap sebagai permulaan untuk mengawal sistem jualan langsung yang wujud dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem jualan langsung ini merupakan satu fenomena yang baru yang sedang berlaku bukan sahaja di negara kita, tetapi berkembang pesat di negara Eropah. Ianya salah satu fenomena perniagaan yang wujud dalam sistem free economy. Oleh itu, apabila kita membahaskan soal sistem jualan langsung, ianya ada hubungan dengan apa yang dikatakan skim piramid ataupun multi-level marketing. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Dewan supaya kita jangan keliru apa yang dikatakan skim piramid ataupun apa yang dikatakan konsep multi-level marketing sebab ianya dua perkara yang berbeza. Saya ingin menyentuh perkara ini sebab saya dengar ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat apabila mengemukakan hujah mungkin terkeliru dengan konsep yang dimaksudkan skim piramid atau multi-level marketing.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya pada saya, dalam sistem free economy yang kita amalkan, kita tidak boleh menghalang mana-mana pihak untuk berdagang dalam apa jua bentuk sekali pun. Itu adalah prinsip dalam free market economy. Tetapi yang pentingnya ialah mesti dikawal oleh Undang-undang supaya tidak berlaku eksploitasi, pertama kepada pengguna-pengguna; kedua tidak ada penipuan dan sebagainya, apatah lagi menyalahi undang-undang negara. Tetapi dari segi konsep perniagaan itu sendiri kita mesti harus fahami. Memang perkara masalah jualan langsung ini menjadi persoalan sebab syarikat jualan langsung tumbuh seperti cendawan kerana ianya merupakan satu fenomena yang baru berkembang, iaitu jualan rumah ke rumah, memakai agen dan seumpamanya. Maka sebab itu ada di kalangan golongan tertentu menubuhkan syarikat jualan langsung ini dalam secara overnight untuk mencari keuntungan yang cepat dengan cara melantik agen-agen dan juga memungut bayaran pendahuluan dan seumpamanya manakala syarikat tersebut belum lagi kuat ataupun belum lagi mempunyai barangan ataupun produk yang mencukupi untuk dijual kepada masyarakat, pengguna ataupun seumpamanya.

Maka sebab itu berlaku penipuan, berlaku penyelewengan dalam menguruskan syarikat tersebut di mana ada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan. Tetapi kita harus juga ingat dalam kesibukan mereka menubuhkan syarikat jualan langsung ini terdapat syarikat-syarikat yang mengamalkan sistem Multi-Level Marketing ini dengan berjaya. Oleh sebab itu mereka pun menubuhkan syarikat jualan langsung ini kononnya hendak meniru syarikat multi-level marketing ini. Saya boleh sebut beberapa nama yang disebut tadi, Amway, Shakely ataupun seumpamanya. Tetapi syarikat-syarikat

ini sebelum wujudnya Undang-undang ini, saya tidak hendak pertahankan mana-mana syarikat atau seumpamanya, saya hanya hendak berhujah dari segi prinsip supaya kita jangan menganggap ataupun memberi salah tanggapan kepada kumpulan-kumpulan yang telah menjalankan perniagaan secara yang genuine dan boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara kita.

Kalau kita lihat beberapa syarikat yang besar, malah kita dapati sumbangan mereka lebih baik daripada syarikat dalam negeri yang menjalankan multi-level marketing ini yang telah mewujudkan peluang perniagaan yang begitu ramai kepada masyarakat di negara kita ini. Saya lihat, saya cukup menyanjung apabila saya lihat salah seorang anak tempatan seperti Ramli Abu Bakar, contohnya, mencapai tahap 'diamond' dalam perniagaan Amway. Begitu juga kalau kita lihat ada lagi nama-nama lain yang cukup membuktikan bahawa perniagaan itu bersih, cuma tinggal lagi sekarang ini yang menjadi masalah ialah terdapat syarikat jualan langsung yang ditubuhkan secara kecil-kecilan, secara overnight yang hendak mengaut keuntungan, menipu pengguna-pengguna. Ini yang menjadi masalah. Sebab itu saya percaya ada yang keliru di antara masalah konsep piramid dengan konsep multi-level marketing ini.

Banyak perdagangan kita kalau boleh baca yang kita lihat multi-level marketing ini salah satu perkembangan fenomena baru yang berlaku di Eropah yang sihat. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, sebab di bawah sistem dapat barangan ialah di kedai-kedai yang kosnya begitu tinggi. Oleh kerana sewa kompleks begitu tinggi, bayaran kakitangan pun tinggi, akhir sekali barangan yang dapat kepada pihak pengguna ialah pada harga yang tinggi. Manakala mereka yang hendak mencari peluang perniagaan dalam sistem

perniagaan seumpama ini begitu sukar. Sebagai contoh, kalau satu pengusaha bumiputera hendak menjalankan satu perniagaan, hendak buka satu kedai agen kepada Sanyo, agen kepada alat-alat elektrik daripada Mitsubishi, berapa banyak modal mesti diadakan? \$100,000 bank guarantee, \$200,000 bank guarantee belum mencukupi. Belum tentu dia mendapat kemudahan kewangan daripada pihak bank. Manakala mereka yang menyertai sistem perniagaan ini kita dapati secara mudah mereka boleh melibatkan diri dalam perniagaan dengan membayar beberapa ringgit untuk menjadi ahli dan terus boleh melibatkan diri dalam perniagaan. Itu dari segi konsep yang dikatakan multi-level marketing, yang nyata, tidak menimbulkan masalah, kalau tidak masakan berpuh-puh mereka yang menyerai program ataupun perniagaan ini. Saya tidak percaya ada doktor yang bodoh, ada peguam yang bodoh, ada mereka yang mendapat ijazah-ijazah yang tinggi yang melibatkan diri dalam multi-level marketing ini.

Terdapat juga pensyarah universiti, sebagai contoh, Aziz dan Saleha yang menjadi pensyarah universiti sekarang ini menjadi 'diamond' dalam Amway. Sama juga dengan Tajwin and Noon, juga menjadi diamond dalam Amway. Begitu juga dalam Shakely dan lain-lain syarikat gergasi. Jadi, masakan orang-orang seperti ini tertipu. Mereka juga mempunyai pendidikan dan wibawa seperti kita. Yang kita tidak pernah melibatkan diri dalam perniagaan seumpama ini jangan kita salah buat tanggapan, kerana tanggapan yang kita buat kalau salah boleh menjejaskan perindustrian ini. Ini tidak adil. Tetapi kalau dikatakan sistem perniagaan skim piramid semata-mata yang meng-cspsloilasi menggunakan agen dan mereka ini mendapat wang pendahuluan dan cabut selepas itu, melakukan penyelewengan, itu yang harus dan wajar kita mengambil tindakan

Jangan kita hendak bersentimen semata-mata kerana syarikat itu daripada negara tertentu, daripada negara ini, maka kita rasa ini bahaya. Kita mesti semak secara detail dahulu. Sebab itu kita mesti berhati-hati. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, perkembangan Multi-Level Marketing ini tidak boleh dihalang lagi dalam sistem free economy sekarang ini di Amerika Syarikat, di Eropah dan seumpamanya. Bctul Singapura tidak benarkan multi-level marketing ini berjalan di Singapura, kenapa? Sebab, Singapura negara yang kecil, selain daripada menjadi pusat kewangan, perniagaan mereka bergantung kepada gedung-gedung besar, kompleks-kompleks yang didirikan berpuh atau beratus juta ringgit.

Apa kata satu hari nanti ttdak ada lagi pembeli-pembeli yang berkunjung ke kedai. Memang pengguna-pengguna hendak mencari kemudahan. Sckarang ini orang boleh menjual ke rumah, ke pintu-pintu, kcnapa kita hendak halangkan. Kalau kita duduk di Subang Jaya, kita duduk di Cheras, kita duduk di Ulu Kelang, untuk sampai ke kompleks lebih kurang satu jam kalau traffic jam. Minyak kereta lagi, parking kereta lagi, harga pun mahal, maka mereka hendak mencari cara yang mudah. Berkongsi pendapat melalui sistem Multi Level ini yang memang popular di Eropah sekarang ini dan kita tidak bolch halang perkembangan ini kalau kita mengamalkan sistem ekonomi bebas seperti yang kita amalkan sekarang ini, yang pentingnya hendak kawal supaya ianya tidak berlaku eksploitasi di kalangan pengguna pada masa yang sama mereka yang melibatkan diri dalam multi level marketing ini, sistem skim jualan langsung ini tidak menipu orang ramai, yang menipu siapa saya kata tadi, ialah syarikat-syarikat yang ditubuh secara mendadak.

Sebab itu saya bersetuju apabila melihal Rang Undang-undang ini kuasa yang telah diberi kepada Menteri antara

lain ialah mesti dilesenkan dahulu. Ini satu perkara yang cukup penting supaya semua syarikat yang hendak mengadakan sistem jualan langsung mesti dilesenkan. Pengawalan yang pertama ialah melalui dilesenkan, tanpa lesen memang mereka boleh tubuh sesuka hati. Bila sudah ada lesen tentulah ada syarat-syaratnya, bila ada syarat-syaratnya tentulah ada pengawalan, bila ada pengawalannya tentulah pengguna dan masyarakat akan terlindung dari eksploitasi ataupun penindasan dan sebagainya.

Jadi, sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya Hhat dari segi Rang Undang-undang ini cukup komprehensif, boleh dikatakan bcbgitu detail. Walaupun dipersoalkan bcbcrapa kuasa yang telah diberi ataupun ada di dalam beberapa fasal yang tertentu kuasa yang diberi kepada Menteri, tetapi tidak ada jalan lain daripada memberi kuasa dan kepercayaan kepada Kcmnterian untuk melaksanakan tanggungjawab mengawal sistem perniagaan secara langsung ini. Cuma saya menarik perhatian tadi supaya jangan kita leburu-buru membuat hukuman dan membuat tohmah, ada syarikat yang menjalankan perniagaan secara sistem piramid, ada syarikat yang menjalankan sistem secara multi-level marketing. Krana dua perkara ini adalah konsep yang berbcza. Saya hendak tarik perhatian sekali lagi, dua konsep ini adalah berbeza sama sekali.

Kalau piramid dia naik macam gunung, macam bumbung Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, orang atas duduk makan orang bawah. Tetapi kalau sistem mulli-level marketing, dia naik secara yang paralicl, serentak, semua orang bolch naik, siapa berusaha, kerja kuat dia bolch naik atas, tidak kira berapa orang. Malah kalau kita lihat lebih baik daripada sistem konvensional. Kalau dalam sistem konvensional dalam satu syarikat ada seorang Managing Director, ada seorang Chairman. Itu yang hendak bcrbut saiu jawatan, yang berperang

dalam apa jua bentuk sekalipun sebab jawatan itu tidak banyak. Tetapi dalam multi-level marketing dia tidak kira berapa banyak, seberapa boleh dikejar oleh mereka yang melibalkan diri dalam sistem tersebut asalkan mereka sampai kepada tertentu mengikut usaha masing-masing.

Kita lihat multi-level marketing yang dianjurkan oleh beberapa syarikat yang besar-besar yang saya sebutkan tadi bukan sahaja beroperasi di negara kita tetapi beroperasi di negara-negara maju sudah berbelas tahun lamanya. Baik di Amerika Syarikat sendiri, baik di Eropah, baik di Australia, banyak negara-negara ini sudahpun mengizinkan mereka menjalankan perniagaan ini. Cuma satu sahaja iaitu di Singapura, sebab di Singapura ada sebab-sebab tertentu. Saya percaya kalau dia benarkan di Singapura saya ulang balik, sistem ini berjalan di Singapura-tutup gedung-gedung di Singapura. Sebab mereka bergantung kepada pembeli-pembeli yang bertumpu ke gedung-gedung. Mereka takut kalau barang-barang ini sampai terus ke rumah pengguna-pengguna, apatah lagi pengguna pula yang membeli itu dapat faedah. Kalau Udak, masakan mereka menceburkan diri, sebab sistem perniagaan langsung yang genuine. Tuan Yang di-Pertua, barangan ataupun produk ataupun barang-barang yang mereka keluar umumnya mereka mngeluarkan sendiri barang-barang itu.

Mereka menjadi manufacturer, maka langsung daripada manufacturer terus kepada agen-agen penjual-penjualnya terus kepada pengguna. Manakala kalau dalam sistem konvensional barang-barang itu daripada kilang, maka terus pula kepada pembekal, pembekal ini mungkin relailer, lepas itu satu peringkat ke satu peringkat lagi, tujuh lapan level, baru sampai kepada pengguna. Maka sebab itu barang-barang yang kita beli yang sepatutnya harga \$1 mungkin jadi \$10 dan pengguna hanya dapat barang

itu \$10. Manakala mereka ini yang melibatkan diri dalam sistem jualan langsung dapat terus barang itu daripada kilang, terus kepada pengguna. Jadi, untungnya dari segi harganya, untung kepada pihak pengguna dan pihak yang menjual pula, yang melibatkan diri pula mendapat keuntungan seiaian daripada mereka membeli barangan tersebut.

Ini yang menjadi popular yang schinggakan ada pihak-pihak lain yang cuba hendak meniru konsep ini. Tetapi mereka gagal meniru konsep ini sebab mereka tidak mempunyai syarikat ataupun latarbelakang yang kukuh. Mereka hanya two-dollar (\$2) company, esok terus buat jualan langsung, cari satu produk, buka kedai di Kampung Baharu, buat advertisement di mana-mana suratkhbar besar, nah ini jualan langsung. Guna film star daripada Hongkong, guna film star daripada Taiwan. Buat satu rally, collect \$30 seorang, \$40 seorang; kalau liga puluh ribu ringgit masuk, berapa juta ringgit dapat.

Ini yang terjadi penipuan ini, tetapi bagi syarikat yang telah wujud begitu kukuh, begitu kuat, terbukti beroperasi dengan baik di negara lain turut terjejas dengan tindakan dan perbuatan mereka ini dan ini yang saya percaya Akta ini bertujuan untuk mengawal syarikat-syarikat seumpama ini dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan kita berharap supaya Kementerian berhati-hati, Kerajaan berhati-hati supaya mengambil tindakan kepada mereka yang mengambil kesempatan di alas fenomena perkembangan sistem jualan langsung yang mula mendapat sambutan di negara kita sekarang ini seperti di negara Eropah dan scumpamanya. Tetapi tinggal lagi jangan kita tersalah ambil tindakan, tersalah tanggap setengah-selengah syarikat yang doing well, yang orang putih kata doing well, they are okay, pada saya. Sebab masakan, kalau saya

sebutkan ramai mereka yang melibatkan diri, kalau kita hendak mengujudkan pekerjaan kita tidak boleh begitu ramai.

Saya anggap penubuhan multi level marketing oleh syarikat-syarikat yang besar ini juga satu pertolongan kepada kita kerana mereka lelah dengan secara tidak langsung telah 'create employment'. Sebab saya pernah berjumpa dengan beberapa rakan yang menganggur daripada universiti, yang tidak ada kerja, saya tanya you buat apa sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata tidak kerja. Tidak minia skim siswazah. Dia kata gaji \$450, kerja-kerja lain gaji pun tidak tinggi. Sekarang apa buat. Saya buat sistem, saya buat multi level marketing dengan Shaklec, berapa dapat? \$800 sebulan, \$1,000 sebulan. They are getting better pay, dengan izin, dan satu insenif yang seharusnya kita beri sokongan, sebab ini melatihkan mereka di dalam bidang pemasaran.

Sebab itu, saya menekankan ianya ada baik, kalau tidak masakan ianya mendapat sambutan, yang kita bimbangnyaladi ialah disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu yang kita sudah dengar banyak laporan dan berita selama ini. Sebab itu saya menyarankan kepada pihak Kementerian supaya dalam menentukan dalam pemberian lesen atau seumpamanya dari segi pelaksanaan undang-undang kita mesti berhati-hati. Mereka yang genuine mesti diberi sokongan, pertolongan supaya perniagaan seumpama ini diizinkan berkembang dalam sistem ekonomi bebas kita, pada masa yang sama golongan-golongan yang cuba hendak menipu, hendak mengambil kesempatan daripada skim atau sistem seumpama ini supaya dihalang, supaya diambil tindakan dengan setegas mungkin, supaya mereka yang genuine boleh berkembang dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.50 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 memang selepas ini Rang Undang-undang ini akan diluluskan. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam jualan sama ada secara multi level atau pyramid diperbadankan dan dilekaskan di bawah Akta Syarikat. Yang membimbangkan kita setelah diperbadankan nanti pun ada perkara-perkara yang tidak diinginkan boleh berlaku, pengguna-pengguna tertipu. Maka pihak Kementerian tidak teragak-agak untuk meminda Akta ini dengan lebih kemas dari masa ke semasa dan boleh diharamkan kalau sampai ke peringkat yang merbahaya.

Bila disebut perniagaan memang semuanya kita anggap baik hasil-hasil jualan yang mereka taja. Barang-barang jualan yang mereka taja itu memang ada yang baik dan ada yang tidak. Tetapi masalah yang timbul di sini, mereka yang terlibat dalam sistem piramid ataupun multi level ini mereka menjualkan barang-barang mereka dengan motivasi, iaitu dengan doctrine, memasukkan suatu fikiran ke dalam pengguna ataupun agen-agen yang akan menjual barang-barang itu sedangkan barang-barang itu tidak sebaik mana, tetapi doctrine itulah yang menguasai barang itu laku ataupun tidak. Dikursuskan di hotel-hotel, kadang-kadang hotel-hotel besar, syarikat-syarikat yang besar ini mampu buat kursus doctrine ini kepada agennya di Subang Villa, mampu membuat di Shangri-la Hotel, mampu membuat di Grand Continental Hotel dengan memasukkan berbagai-bagai unsur untuk melakukan barang mereka. Kaedah-kaedah doctrine pemikiran manusia digunakan, termasuk pegawai-

pegawai Kerajaan yang terlibat dan biasa ambil kursus dalam BTN menggunakan kepakaran ini dalam mengiklankan ataupun memotivasikan sesuatu barang di hotel-hotel. Bahkan kadangkalanya kaset ceramah pemimpin-pemimpin parti politik lerientu digunakan juga untuk bagaimana memasukkan fikiran untuk melakukan sesuatu barang. Yang membimbangkan kita.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat dari Nilam Puri? Apabila disebut 'didocrinekan', cuba beri definisi yang dikatakan mendocrinekan pengguna-pengguna. Apa yang dimaksudkan doctrine, kaedah? Itu terlalu umum (general). Sebab kalau Yang Berhormat sebut begitu, orang berniaga mesti hendak perkenalkan barang-barang dia. Seperti di Mukhtar PAS, saya pernah tengok kaset-kaset pemimpin PAS, serban, quran berselerak di tepi jalan, Itupun bukan doctrinekah? Itupun doctrine juga. Jangan hendak menyalahkan orang sahaja. Jadi, kalau kita lengok dari segi perbandingan supaya Yang Berhormat beri contoh yang konkrit dan jelas apa yang dikatakan salah dari segi doctrine itu. Kalau doctrine itu dia hendak mengemukakan barangan yang betul-betul baik, maka dia hendak yakinkan pengguna itu barangan yang baik, apa salahnya? Why should we worry about this?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih soalan Yang Berhormat dari Pasir Mas. Maksudnya, misalnya dahulu dalam penjualan Mattol, iklannya berbunyi begini, "Mattol tidak menjanjikan mengubat apa-apa penyakit, tetapi semua penyakit terubat

kerananya". Dan didocrinekan dalam pemikiran orang ramai sedemikian rupa, akhirnya Mattol dijual dengan harga \$60 sebotol. Setelah dijual dalam pasaran begitu lama, dibuat kajian oleh pihak Kerajaan atau pihak persatuan pengguna, didapati Mattol itu merbahaya. Jadi, orang membeli Mattol bukan kerana isi kandungannya, tetapi iklan yang digunakan, ia tidak menjamin membaiki apa-apa penyakit tetapi semua penyakit terubat kerananya. Begitu juga iklan-iklan yang menyebabkan pihak persatuan pengguna kadangkalanya membuat kajian, ada barang yang sepatutnya harga \$6.50 satu sabun tetapi syarikat-syarikat utama ini jual dengan harga \$14. Gincu bibir, harga pasaran biasa boleh dijual \$5 tetapi syarikat ini jual dengan harga \$12. Jus, minuman buah-buahan \$5 harga biasa boleh didapati di kilang-kilang di Malaysia yang kualiti dan zatnya serupa tetapi dijual oleh syarikat-syarikat gergasi ini dengan harga \$12 dan ditanamkan pula misalnya minuman jus ini kena minum.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Nilam Puri ini. Sekarang ini sistem perniagaan jualan langsung itukah dari segi konsepnya Yang Berhormat bersetuju atau tidak ataupun masalah pengiklanan ataupun masalah harga? Kalau masalah harga ialah masalah kawalan harga, tidak sahaja terbabit masalah jualan langsung. Kalau soal pengiklanan, bukan sahaja soal masalah jualan langsung, tetapi pengiklanan lain pun kita boleh bahas. Masalah pengiklanan ini banyak yang kita sebut sebelum ini dalam surat-khabar, dalam majalah, lucah ataupun tak lucah, saya pun bersetuju. Yang saya hendak tanya ini ialah dari segi konsep

itu sendiri, konsep sistem piramid dengan multi-level marketing, ini yang dibahas dalam Rang Undang-undang ini. Jadi, bukan masalah pengiklanan sahaja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dari segi konsepnya saya akan jawab kemudian, tetapi ini dahulu. Artinya bagaimana syarikat-syarikat ini hidup dan sehingga ia berkembang dan Kementerian ini untuk menyelamatkan pengguna, sebab itu kita bincang hal pengguna. Soal pengguna inilah yang paling penting, yang menjadi sasaran. Kita lihat dalam konsep perniagaan ini, secara pribadi saya tak berapa setuju, sebab bila dia berada di peringkat atas, lagi orang-orang yang terlibat ini mendapat keuntungan buta setelah dia melantik beberapa orang agennya. Agen-agen ini pula melantik orang-orang bawah lagi beberapa orang. Maka yang di atas itu, selepas beberapa tahun, dia goyang kaki dan mengaut keunlungan. Ini syarikat piratnid. Sudah tentulah perniagaan seperti ini, perniagaan atas angin (instant). Bila jadi sesuatu perkara, dia boleh cair dengan begitu mudah dan menyebabkan pengguna-pengguna ataupun agen-agen di peringkat kampung, di peringkat pegawai-pegawai Kerajaan akan tertipu.

Kemudian pula, barang-barang daripada luar negeri yang dijual, kalau kita lihat kualitasnya tidaklah sebanyak mana, bahkan barang-barang itu kadangkalanya tidak laku di negeri Amerika Syarikat dan diiklankan barang itu di Malaysia seolah-olah Malaysia ini penggunaanya tempat membuang barang-barang itu (dumping ground). Kalau kita pergi ke Amerika Syarikat, kita tanya di sana 'Shakety' tak berapa laku, tetapi di sini diiklankan misalnya 'ini adalah pil yang dimakan oleh angkasawan'. Jadi, kalau kita hendak sedikit macam angkasawan, kena makan pil "Chickly" atau "Shakely", saya pun tak tahu hendak sebut-Shakely-Pasir Mas tahu sebutlah. Jadi, pil seperti ini belum tentu ia lebih baik daripada makjun atau tongkat Ali

katau dibuat kajian. Tetapi cara didoctrinekan, dikursuskan di hotel-hotel itu, kita nampak agen-agen itu begitu terpuak kerana ianya dimakan oleh angkasawan, ianya dimakan oleh calon Presiden, ia dimakan oleh bintang Hicni itu dan biniang filem ini sedangkan dari segi hakikatnya.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Nilam Puri. Dia cukup marah masalah bila didoctrinekan, diberi contoh-contoh kalau makan pil ini - angkasawan, ini orang berniaga. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedarkah di Muktamar PAS ada dijual barang-barang seperti pil, 'makan pil ini seperti dimakan oleh Ahli Parlimen dari Nilam Puri-kuat'. Adajuga dijual di Muktamar PAS. 'Dimakan oleh Yang Berhormat dari Marang-tengok bukan main lagi kuat' itu di tepi-tepi jalan sewaktu Muktamar PAS. Jadi, sama juga doctirinenya. Saya rasa ini tak adil kalau Yang Berhormat hendak tekankan perkara dengan pandangan itu, sebab ini boleh beri salah tanggapan. Saya hendak 'caution' supaya jangan beri 'wrong perspective' kerana boleh melibatkan kepentingan orang ramai. Jangan kita mudah hendak lahan ini tak boleh, itu tak boleh, kita kena faham betul-betul. Yang Berhormat sendiri pun sebut tadi, 'saya lak tahu sebut nama'. Itu menunjukkan Yang Berhormat belum lagi study this in depth. So, if you don't study this in depth, jangan sebut sewenang-wenangnnya, bahaya nanti.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak bercakap soal di Muktiamar PAS di Muktamar UMNO. Ini kita cakap soal di Parlimen, kalau doctrine itu salah-salahlah tidak kira di mana pun.

Jadi kita tidak bercakap di Muktamar, nanti orang kampung persoalkan, tetapi kita bercakap konsep yang besar-besar, Yang Berhormat dari Pasir Mas melenting sangat barangkali dia terlibat dalam benda-benda ini kita mana tahu, kalau terlibat pun kita tidak marah, berniaga apa salahnya?

Tuan Yang di-Pertua, jadi masalah doctrine ini adalah satu perkara yang boleh dilakukan oleh syarikat-syarikat besar. Syarikat-syarikat besar ini dia mampu sewa Shangri-la, dia mampu sewa Grand Continental, dia mampu sewa Subang Villa dan orang-orang yang dilantik pula, macam tadi takkanlah pensyarah hendak kena tipu? Yang banyak menipu orang ini ialah orang bijak, orang bodoh tidak pandai menipu, jenayah perdagangan yang kena tangkap semua orang besar-besar, bukan orang yang keclt-kecil, orang kampung dia tahu menipu setakat kampung sahaja, setakat baja. (*Ketawa*) benda kecil begilu sahaja, dia jual di Siam sekampit \$5 begitu, tetapi yang menipu orang ini orang besar-besar, tidak kira pensyarah universiti, tidak kira Ahli Parlimen, tidak kira Menteri....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari Yang Berhormat ini. Kalau begitulah pendapat buat iklan salah, tidak payah iklanlah kita. Kalau orang besar-besar yang terpelajar ini menipu, jadi tidak payah belajarlah kita. Adakah pendapat begini yang diikuti oleh Yang Berhormat ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Iklan lain, doctrine lain. Dalam televisyen ada iklan Breeze, iklan FAB, iklan susu Carnation, itu iklan. Doctrine

ini dipanggil sekumpulan orang, dia pasak pemikiran, misalnya dia pasak pemikiran BN itu baik, ini BTN buatlah. Kami buat juga bagi pihak PAS, kami kata PAS itu baik, ini dipanggil doctrine. Tetapi di segi barang ini, dia panggil sekumpulan manusia yang menjadi ejen-ejenya, dia masukkan fikiran, mesti jual barang ini dan ceramahkan seperti ini. Soal kualiti barang tidak diterangkan, diterangkan pun dalam bentuk iklan yang boleh menarik orang menyokong atau membeli barang-barang itu, dan kalau barang-barang seperti ini teredar di atas doctrine yang palsu ini, maka pengguna akan terperangkap, bukan di sudut perniagaan, tetapi di sudut pengguna di sini akan terperangkap,...

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Adakah Yang Berhormat bermaksudkan contoh tadi Mattol, ada satu dua ataupun umumnya semua syarikat jualan langsung itu.

Saya hendak tanya Yang Berhormat adakah satu dua syarikat, sebab Yang Berhormat sebut tadi, dia kumpulkan orang ini dibuat satu perjumpaan di tempat yang besar. Saya pun ada tanya orang-orang yang pergi ke sini, saya kata siapa bayar ini? Mereka kata "Kami yang bayar, \$2-\$3 seorang, kami kumpul, kami buat perjumpaan di tempat-tempat ini". Ini mereka buat sendiri. Walaupun saya sebut dua tiga contoh pensyarah, ada juga yang bawah-bawah seperti driver bas, pemandu teksi yang berjaya kerana melibatkan dalam perniagaan seumpama ini. Betul, saya berseluju, jangan Yang Berhormat berfikir orang besar tidak buat salah-betul, orang macam kita lagi mudah buat salah, saya mengaku dan kita terima hakikat itu. Tetapi soalnya jangan kita anggap dari

segi generalisation tadi, yang saya hendak caution Yang Berhormat, jangan kita generalise but be specific. Katakanlah satu syarikat yang kita tidak setuju seperti Mattol, apa sebabnya, kerana sistem diakah atau konsep diakah? So kita 'concentrate' di silu. Tetapi kalau kita 'generalise' dari segi konsep jualan langsung, pukulrata, semua orang kena termasuk orang yang menjual barang di Muktamar PAS. Itu maksudnya, saya hendak tolong Yang Berhormat sahaja supaya balik kepada line ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Terima kasih di atas pertolongan, tetapi jangan tolong membawa rebah, sokong-sokong-tidak sokong-itu payah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah di atas ingatan Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, memang ada beberapa syarikat dan beberapa ini maknanya banyak, banyak yang terlibat dalam iklan-iklan barang yang belum disahkan, sama ada di sudut SIRIMnya, di sudut persaluan penggunaannya, barang-barang yang dijual di pasaran di negara kita sekarang ini, dan perniagaan dalam bentuk itu seperti saya katakan tadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna akan kawal....

Wan Hanaffiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ya!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Kota Setar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Setar.

Wan Hanaffiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Petua, saya hendak minta penjelasan. Seperti Yang Berhormat kata tadi, bila syarikat ini

panggil pekerjaanya, di "doctrine"kan, dan disuruh menjual barang yang tidak baik. Apa yang saya hendak tanya, kalau mereka ini disuruh menjual satu benda yang tidak baik, siapa yang hendak beli? Sekali itu sahajalah. Macam mana hendak mendoctrinekan satu kumpulan, kalau barang itu tidak baik. Sekarang kita ambil sebagai contoh iaitu satu syarikat Amway, pil atau sebagainya yang dimakan, jadi satu kumpulan itu dipanggil dan didoctrinekan untuk jual barang ini dan selepas itu apabila mereka ini sudah pergi menjual barang ini, apabila pelanggan (customers) ini membeli barang ini rasa baik, baru syarikat itu akan maju. Tetapi apa Yang Berhormat katakan tadi, mereka ini disuruh membuat suatu benda yang tidak bermutu. Kalau tidak bermutu siapa yang hendak membeli? Siapa yang hendak beli, melainkan sekali sahaja, macam kes Pak Man Telolah, mula-mula dapat, mulanya dia panggil satu kumpulan okay, masuk \$120 tiga bulan kemudian dapat berapa ratus. Yang mula sahaja dapat. tetapi yang masuk akhir tidak dapat, sebab itu Pak Man Telo sekarang ini bcrchatlah sekarang. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu;
Terima kasih, Kota Setar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi, barang-barang ini hendak diketahui tidak baiknya itu memakan masa yang lama, sebab di samping didoctrinekan barang juga memperolehi keuntungan, kalau kamu dapat 100 orang berapa pendapatan kamu \$200,000, ataupun kamu dapat 200 orang lagi-satu Mercedes, diiklankan benda itu yang lebih tinggi daripada ubal itu, sebelum terbuktinya ubat itu tidak baik, setelah dipakai oleh pengguna-pengguna, baru didapati ianya tidak baik, dia memakan masa. Di bawah sistem multi-level piramid, sementara hendak lurun ke bawah itu seperti Mattol hampir dua tiga tahun baru orang tahu ia tidak

baik. Itu setelah dibuat kajian oleh Persatuan Pengguna dan juga pihak Kementerian, tetapi sebelum itu barangkali Yang Berhormat Kota Setar pun makan Mattol, kalau tidak Tongkat Ali.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia sampai terbukti benda itu tidak baik dia telah memakan ataupun pengguna lelah banyak tertipu dan perkara ini pihak Kementerian kena ambil tahu. Sekarang ini sungguhpun sudah ambil lahu, tetapi ambil tahu lebih lagi supaya pengguna-pengguna kita tidak terperangkap dengan iklan-iklan dan tidak menjadi mangsa doctrine orang ini. Kadang-kadang saya sendiri didatangi dan kita dengar dia bercerita mengenai ubat itu, kita terkejut, dia kata "Ah! ini ubat kalau anak kita makan barangkali boleh jadi Neil Amstrong". Jadi didoctrinekan itu bukan menjual ubat itu, tetapi menjual perkataan, cara dia menjual perkataan itu dan kalau kita tanya "Kamu ambil di mana, kamu bijak begini", dia kata "Inilah cara BTN ajar". Rupanya BTN buat selama ini ada faedah untuk menjual ubat palsu! Kalau begitu, BTN pun menjual benda palsu sekarang, ini, kerana dapat digunakan di hotel-hotel sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian pula barang-barang yang ditaja ini adalah barang luar negeri, kebanyakannya barang luar negeri....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Nilam Puri, yang dikatakan BTN itu dia jual benda palsu, boleh diberi contoh?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak mahu memberi contoh di sini, soalnya orang-orang yang menggunakan kepakaran yang BTN memberi kursus kepada mereka, mereka gunakan untuk membuat seperti ini untuk menjual barang-barang...

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta Yang Berhormat jawab pertanyaan dari Ahli Parlimen Tumpat, kalau tidak maknanya Yang Berhormat Ahli Nilam Puri mengada-adakan cerita ini, jawab secara spesifik.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Mana boleh paksa,

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa yang dibawa oleh BTN itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat itu terpulang kepada Yang Berhormat Nilam Puri.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Walaupun dia lama, tetapi dia bertukar-tukar parti, jadi dia tidak berapa bijak (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya dengan elok, bijak Ahli Parlimen Nilam Puri ini, bila dia buai cerita-cerita yang dia tidak boleh jawab dia alih ke lain....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: The trouble with Nilam Puri is always like this...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ilu hak dia.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak payah jawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Diacuba tidak hendak jawab juga....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia hendak jawab atau tidak itu terpulang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta dengan dia...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Minta, bolch minta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya. saya minta supaya dia jawab. Ini dia ada-adakan cerita ini, dia memang ada-adakan ini, cntah macam mana dia khayal hari ini saya pun tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya hendak bawa saksi-saksi ini bukan mahkamah? Di luar Parlimen nanti saya boleh bawa orang-orang yang terlibat" dalam BTN mcnggunakan kepakaran itu untuk doctrine barang-barang, kita bolch bawa dan kita sahabat baik, bukan jauh mana duduk.

Tuan Yang di-Pertua, barang-barang ini adalah barang-barang luar negeri kebanyakannya yang ditekankan untuk beli dan timbul kebanggaan pula rakyat Malaysia kalau dia pakai barang luar negeri, dia berasa bangga. Kalau dia pakai sabun Zailon, dia berasa tidak sedap, tidak wangi, tetapi kalau dia pakai

sabun yang dikeluarkan oleh syarikat luar negeri, dia rasa bangga, tetapi kalau disclidik dari sudut kualiti, ia adalah sama, bahkan sabun Zaiton lebih baik, baunya harum memikat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini macam iklan nampaknya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kalau anggap ini iklan, saya menolong syarikal tmpatan. Saya tidak menolong Amway. Begitu juga minyak-minyak wangi dan sebagainya yang kita lihat diianamkan juga egoisme kepada pengguna-pengguna. Pengguna-pcngguna yang pakai barang daripada luar negeri ini dia rasa dia lebih daripada orang lain. Ini ditanatn di dalam doktrin itu atau dalam kursus-kursus itu. Kamu bukan orang scbarangan. Kalau kamu sbagai kerani pcjabat, kamu tidak pakai ini bedak "Ana". Kamu tidak pakai bedak Zaiton tetapi kamu pakai bedak dari luar negeri.

Jadi kalau dia pergi berjalan besok dia masuk pejabat, dia akan buka tangan dia sebab dia rasa bahu dia itu lebih harum kerana bau Amerika Syarikat. Pada hal kiia prgi sana kita bau Mat Satleh busuk! Setengah-setengahlah.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian syarikat-syarikal scperti ini juga ada menjual service terlebih dahulu. Misalnya dia kumpulkan wang dia janji unluk membawa melancong ke Tashkent. dan sebagainya. Tiket belum dikeluarkan lagi. Apa-apa guarantee belum dikeluarkan lagi. Tetapi dia telah janjikan tmpat-tempat yang hendak dilawali. Orang pun melabur dalam syarikat seperti ini ataupun meletakkan wang dposit. Tengok-tengok syarikat itu lambung! Syarikat itu lari. Ini banyak berlakulah tambah sckarang ini orang teringin hendak melawat Masjid Bukhari, hendak pergi Tashkent dan sebagainya; syarikat ini tumbuh begitu mendadak. Kadang-kadang syarikat

yang jual barang-barang multi-level ini juga terlibat membuat iklan-iklan atau konsep servis. Bayar servis dulu, servis entah ke mana tclapi akhirnya syarikat ini lari. Kemudian digalakkan pula...

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Nilam Puri sekali lagi. Tadi dia sebut piramid sekarang dia sebut multi-level. Yang Berhormat tahu atau tidak piramid dengan multi-level itu dua perkara yang berbeza. Tahu tidak? Baca atau tidak buku?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jangan buat saya macam budak sekolah. Mana boleh. Saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian pula dalam doktrin untuk cepat kaya ini juga digalakkan agen-agen supaya simpan stok. Jadi agen-agen itu dia beli banyak-banyak dia simpan stok. Bila dia simpan stok barang itu banyak-banyak orang yang atas itu sudah tentu dapat keuntungan tetapi barang-barang ini akhirnya apabila syarikat itu bankrap atau diambil tindakan oleh Kerajaan ataupun syarikat itu lari akhirnya orang yang simpan stok di peringkat agen-agen ini menanggung penderitaan yang cukup dahsyat. Sebab itu walaupun disyarikatkan, kita minta Kerajaan mengambil perhalian yang serius perkara ini kerana kita tahu masyarakat dunia ketiga terutama sekali masyarakat Melayu amat mudah dan kita yakin bumiputera lebih banyak terlibat barangkali dalam kerja-kerja seperti ini memakai barang-barang kadangkalanya tidak berguna di luar negeri tetapi menjadi berguna hasil dari doktrin

daripada agen-agen ini supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat mengawal dengan lebih ketat kalau ianya didapati merbahaya lagi selepas ini sampai ke peringkat mengharamkan terus perniagaan seperti ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

5.14 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit berhubung dengan Undang-undang Jualan Langsung ini. Ada orang kata tadi dia tahu konsep dan opposed dia punya indoctrination itu. Bukan doctrin yang saya tahu. Doctrin itu lain cerita. Yang saya tahu ialah indoctrination iaitu memaksa orang itu menerima fikiran dia sendiri sama ada betul ataupun salah.

Jadi, undang-undang ini memang tepat pada hari dan masanya dibentangkan di Parlimen ini bukanlah dengan tujuan untuk memberhentikan aiau membaneraskan konsep ataupun tujuan penjualan langsung (direct sale) ini. Tujuannya ialah untuk memberi supervision, dengan izin, kepada pengusaha-pengusaha yang membuat permagaan begini. Kerana kalau dipandangkan daripada undang-undang ini sendiri bukan sahaja undang-undang ini menjadi undang-undang tamtahan kepada undang-undang yang lain seperti Contracts Act, Hire-Purchase Act, Companies Act dan lain-lain lagi berhubung dengan penjualan tetapi ini adalah satu undang-undang yang berlainan hakikat dan tujuannya. Tujuannya ialah bukan untuk memberhentikan soal direct sales tetapi untuk memberi supervision kepada penjualan yang bercorak ini dihantar dari rumah ke rumah atau menggunakan pos.

Saya pun mula tahu dengan penjualan menerusi pos semasa di England. Benda-benda yang saya beli di England masih disimpan sampai sekarang dan masih berjalan dengan baik. Jadi, dengan sendirinya bukan semua benda yang dijual menerusi pos ataupun direct sales ini tidak berkualiti. Jadi, undang-undang kita sepatutnya juga menekankan iaitu bukan sahaja daripada segi aktiviti-aktiviti orang mengusahakan penjualan menerusi pos ataupun direct sales ini tetapi juga menekankan hal kualiti benda yang hendak dijual.

Jadi, memang benar, kita tidak menafikan sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi ada juga orang menjual benda yang kurang berkualiti yang mungkin mendatangkan mudarat kepada pengguna. Jadi, pihak Kementerian patut diberi kuasa di bawah Rang Undang-undang ini ataupun pegawai patut diberi kuasa di bawah undang-undang ini supaya benda yang dijual mempunyai kualiti yang baik. Dan tempat-tempat benda itu boleh dijumpa sebelum dijual kepada masyarakat umum. Jadi, di dalam undang-undang ini telah diberi kebenaran iaitu orang tidak boleh menjual atau terlibat diri dengan penjualan direct sales ataupun pos ini melainkan diberi lesen oleh pihak Kementerian. Dan pegawai-pegawai tertentu akan dilantik oleh pihak Kementerian untuk mengendalikan dan menyelenggarakan undang-undang ini. Dengan itu nanti, kita berharap pegawai yang dilantik bukan sahaja berwibawa tetapi menjalankan usaha mereka yang baru diberi lesen itu dengan gigih dan sebaik-baiknya supaya hakikat dan tujuan undang-undang ini tidak terbiar ataupun tidak menepati matlamatnya.

Tetapi adajuga pihak Yang Berhormat menyebut persoalan yang berbangkit iaitu cooling-off period. Saya tidak bersetuju yang cooling-off period ini dipendekkan. Mungkin kalau di Kuala Lumpur ini patutlah seminggu sudah

cukup. Tetapi kalau dibandingkan dengan Sarawak, kalau benda itu sudah sampai ke rumah, kalau rumah itu di Belaga hendak hantar balik benda itu dalam masa seminggu saya mintalah Yang Berhormat sendiri jalan kaki dari UIu Belaga sampai ke Kuching umpamanya. Tunggu pos pun kadang-kadang dua minggu baru sampai. Jadi cooling-off period ini kalau dapat dipanjangkan lagi lebih baik supaya memberi keselamatan yang lebih baik lagi kepada pembeli. Jadi, tujuan kita bukan untuk menyelamatkan peniaga sahaja tetapi memberi keselamatan kepada pembeli yang bakat membeli benda-benda itu, memberi peluang kepada mereka untuk memeriksa dan meneliti sendiri benda yang telah diterima, benda yang telah mereka order, benda yang telah mereka pesan datang ke rumah mereka patut dan boleh digunakan sebagaimana yang telah dirancangan.

Jadi, dengan itu cadangan untuk memendekkan masa cooling-off period ini dengan adanya keadaan yang sekarang ini dibiarkan dan tidak payahlah hendak dikatakan dipendekkan lagi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bercakap sebelum saya ini tadi.

Ada lagi satu perkara Yang Berhormat kata kenapa pula syarikat itu hukuman dia besar, individu itu hukuman dia kecil. Ini pun saya tidak seluju juga. Syarikat ini memanglah, kalau hendak ditubuh memang dua dulu baru dia lubuh syarikat. Kalau individu memang seorang sahaja. Kalau dibahagi dua, seorang itu patutlah. Kompeni sudah satu, director dua. Dua ratus lima puluh ribu belum besar lagi, Tiga ratus ribu itu besar lagi, cukup. Jadi janganlah hendak diselaraskan soalan orang yang melakukan kesalahan individu dan orang yang melakukan kesalahan sebagai kompeni. Lagi pun sebagai kompeni

tidak boleh masuk jel melainkan hendak hantar registration certificate masuk dalam jel. Jadi, dari mana rasional yang dia beri itu tadi pun saya tidak tahulah. Jadi rasional yang telah dimasuk ke dalam undang-undang ini memang tepat dan kena daripada segi hakikatnya. Pihak kompeni yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang yang tersebut atau di bawah paragraph yang tersebut memang patut menerima hukuman yang telah ditctapkan itu melainkan daripada satu peringkat nanti kalau hukuman ini mungkin duit kita menjadi kecil sangat harga dia, boleh naik sedikit. Begitu juga kesalahan kepada individu.

Tetapi bual masa sekarang hukuman yang ditetapkan di dalam undang-undang ini sudah palut dan merudai dan sesuai iaitu diperbezakan hukuman kepada individu dengan hukuman kepada syarikat yang melakukan kesalahan di bawah seksyen yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Saya pergi kepada soal yang lain iaitu soal pekerjaan. Saya memang banyak berjumpa dengan penjual direct selling ataupun menerusi pos ini, umpamanya mereka yang menjual Shaklee dan Amway. Kebanyakan mereka sekarang ini tidak mempunyai pekerjaan dengan Kerajaan atau kompeni dan mereka mengusahakan pekerjaan sendiri. Sekarang mereka telah menjadi orang yang senang yang mempunyai pekerjaan. Apa yang penting dalam soal ini ialah, sepatutnya bukan soal konsep perniagaan itu tetapi soalnya ialah, benda yang mereka jual. Sekiranya Ahli Yang Berhormat Nilam Puri hendak menjual "Tongkat Ali", bolehlah dijual secara piramid juga, bukan Shaklee atau Amway sahaja yang hendak dijual cara itu. Kalau hendak jual tongkat Ali pun boleh dibuat cara itu.

Di Sarawak ada satu lagi, bukan tongkat Ali sahaja tetapi Janggut Siti Patimah namanya. Di sini tongkat Ali ini, gunanya pun saya tidak tahu,

tanyalah sendiri. Di Sarawak ada satu rumput yang dinamakan Janggut Siti Fatimah yang mempunyai khasiat yang multi purpose. Saya telah meminta pihak Kementerian menyelidiki tentang khasiat ini sama ada boleh mengatasi kebaikan tongkat Ali supaya on one side, dengan izin, kita ada tongkat Ali and the other side kita ada Siti Fatimah. Ini pun kita boleh jual menerusi multi-level selling ataupun pyramid system ini. Apa-apa benda sekalipun seperti kerusi, meja dan lain-lain lagi yang boleh dijual, boleh didagang dengan cara ini. Tidak ada dikatakan "Shaklee" sahaja dalam Bil ini. Yang disebut di sini, penjualan barang-barang yang boleh dialih. Tanah atau share-debentor sahaja yang tidak boleh. Yang lain itu semua boleh. Jadi, soal yang mengatakan benda daripada luar negeri dan benda daripada dalam negeri tidak berbangkit langsung. Soalnya ialah, apa juga yang kita jual mestilah berkualiti, berkuantiti dan masyarakat umum menerima perkara itu.

Sekarang, dalam televisyen kita lihat ada iklan coklat boleh terbang. Sebenarnya coklat itu tidak boleh terbang tetapi kenapa mereka tidak bisung dan tidak sibuk. Sepatutnya mereka sibuk juga tentang pengiklanan ini. Seperti mana rakan saya Ahli Yang Berhormat Pasir Mas tadi sebut, pengiklanan ini soal lain. Soal konsep multi level dan direct selling ini cerita lain. Kualiti pun cerita lain. Kualiti ini sepatutnya kita mengadakan satu supervision, apa juga yang dijual itu hendaklah memenuhi apa yang diiklankan. Ini soal iklan jugalah.

Sebenarnya, soal dalam undang-undang ini menetapkan satu konsep penjualan multi level, direct selling ataupun penjualan melalui pos. Siapa yang mempunyai kredit kad selalu menerima brochures atau iklan yang menyatakan benda-benda yang dijual yang terdiri dari pakaian perempuan sampailah kepada pakaian kanak-kanak pun ada. Do it yourself, untuk buat rumah

pun ada. Soalnya, siapa yang hendak beli, sama ada kita boleh beli. Kalau kita boleh beli, kita order, berapa lama kita boleh simpan dan kemudian balikkan semula kepada pihak penjual sebelum kita menandatangani contractual term, dengan izin.

Umpamanya, benda itu dihantar ke rumah kita pada hari ini, berapa lama kita boleh simpan dan cuba benda itu sama ada sesuai atau tidak kepada kita dan fit the purpose for which it was ordered, dengan izin. Selepas itu kalau kita dapati benda itu tidak baik, kurang memuaskan dan cooling-off period memberi kita peluang untuk menghantar balik supaya pihak penjual tidak menekankan kepada kita yang benda ini sudah dalam kontrak penjualan tetap kepunyaan kita dan kita mesti bayar harganya kepada dia. Ini soal undang-undang di sini, itu sahaja. Soalan kualiti belanjualah, tidak semua manusia boleh tahu, mungkin dia telah menggunakan radio yang dia beli hampir sebulan. Lepas sebulan radio itu tidak boleh diguna lagi, Masa di England dahulu sayabelidua radio. Sampai di sini, masih baik dua radio itu saya bawa balik, sudah lebih 10 tahun. Pembelian yang pertama, bila radio itu dihantar kepada saya ada benda yang tidak baik, tetapi boleh bunyi. Tetapi oleh kerana ada benda yang tidak baik, saya hantar balik dan penjual itu menerima benda itu dan dia menghantar yang baru kepada saya.

Kalau ada perkara yang semacam ini berlaku, takkanlah kita mengatakan penjualan secara pos ini tidak baik, bahkan banyak kebajikannya pula terutama sekali kepada orang yang di luar bandar yang mana transport menjadi satu masalah. Mungkin perkara ini tidak berlaku di sini tetapi pergilah Ahli-Ahli Yang Berhormat ke Sarawak, minia maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ada membawa pegawai-pegawai daripada sini ke kawasan saya. Apabila mereka turun dari rumah panjang pergi ke pantai, mereka kata, "jaga-jaga sikit, kalau

nampak setunggul silap-silap kepala "bujang senang" kena pijak nanti". Pernah saya buat macam ini. Kalau di rumah panjang macam ini ada juga orang yang menjual Amway, Shaklee, maka tidak payah orang-orang ini pergi ke pekan mencari ubai. Tetapi kalau hendak buat Panadol secara direct sale atau post sale boleh juga, dengan syarat panadol itu dibuat oleh pihak yang tertentu iaitu yang berkualiti yang boleh mendatangkan kebaikan kepada pesakit, apa benda sekalipun kita boleh jual secara ini, Itu bukan soalnya. Soalnya konsep penjualan, tujuan undang-undang.

Saya dan rakan saya dari Pasir Mas memang bersetuju dengan undang-undang ini dibuat dan setuju dengan konsep penjualan ini. Apa yang kita kehendaki ialah benda yang hendak dijual itu boleh diperiksa oleh pihak pegawai-pegawai yang tertentu. Pegawai itu boleh datang ke tempat itu membuat pemeriksaan dan apabila berbangkit dalam Fikirannya benda itu tidak memuaskan daripada segi kualiti ataupun penggunaannya, dia boleh membawa balik benda itu dan dihantar kepada pihak-pihak yang tertentu untuk diperiksa dan diselidiki. Selepas itu dia boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang di mana dia boleh bertindak. Kalau dia sendiri pun tiada kuasa, boleh berhubung dengan pihak-pihak yang lain yang berkuasa di bawah undang-undang penjualan-penjualan lain sebagaimana disebut di bawah Bahagian I, Pasal 1(4), Ada undang-undang lain yang termasuk dalam undang-undang ini.

Jadi tidak menjadi satu masalah, hanya ada satu soalan sahaja, pegawai yang dilantik sebagai Controller di dalam perkara ini, mana-mana pegawai yang akan dilantik oleh pihak Kementerian hendaklah pegawai-pegawai yang benar-benar mempunyai kemahiran dan latihan, pegawai yang boleh bertindak dan apabila undang-

undang ini telah diselenggarakan nanti dengan sekali gus tiap-tiap daerah, bandar-bandar besar di negara ini mesii mempunyai pegawai-pegawai yang tertentu. Kita jangan lantik hanya di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Kuching sahaja. Apa hal di tempat lain? Tempat lain pun begitu juga kerana penjualan ini menyeluruh bukan di tempat-tempat yang besar sahaja. Itulah sebabnya penjualan mereka mencrusi ejen-cjen, mencrusi pos. Dengan itu pegawai yang ialah dilantik itu nanti bukan sahaja di tempat-tempat tertentu tetapi juga pegawai yang mempunyai kebolehan dan kemampuan bergerak daripada satu tempat ke satu tempat yang lain untuk melihat sendiri perniagaan dan perbualan mereka yang menjalankan perniagaan multi level ataupun konsep penjualan mencrusi pos ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, daripada peringkat ini kemungkinan kita terlalu awal lagi untuk mengatakan apakah kekurangan di bawah undang-undang ini hinggalah perkara ini selepas diselenggarakan nanti; oleh kerana manusia menjalankan apa-apa sekalipun perniagaan atau usahanya, memang mencari jalan untuk mengatasi satu-satu masalah. Sebagaimana perniagaan yang lain, begitu juga perniagaan ini, hanya perbezaannya ialah mereka boleh membual, tak payah berjumpa, mencrusi pos, tak payah jumpa dengan kedai, akan datang orang buat satu mesyuarat, satu meeting, satu parli, selepas itu ia buat pengiklanan langsung - macam kempen political party dari rumah ke rumah. Jadi, kemungkinan pihak pegawai yang dilantik nanti tidak boleh hendak mendengar apa cerita atas jenis indoctrination yang beliau buat atas bangsa penarikan akan dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu, melainkan kita hendak jadi police state, hantar tiap-tiap rumah yang ada berpotensi, kita hantar orang-dengar ceramah, ambil Lapc

recorder. Itu mungkin tidak mustahil, kita tidak boleh buat. Dalam pergerakan Polis yang begitu banyak sekalipun kita tidak boleh buat perkara yang macam ini.

Tetapi apa kita perlu melihat ialah daripada di dalam undang-undang ini mencelapkan di mana pejabat mereka ini memulakan pergerakan mereka, dan di sana ada benda-benda yang boleh kita periksa, kita kenalah memeriksa benda-benda yang akan dijual dan servis yang mereka akan beri dan kita boleh juga kemungkinan memeriksa orang-orang yang terlibat, sama ada barangan itu berkualiti ataupun manusia akan memberi servis yang akan diberi itu nanti mempunyai kebolehan-kebolehan yang tertentu.

Jadi, satu lagi soalan pembayaran tiap-tiap agen. Ini juga patut ditekankan. Pihak Kementerian patut menggubalkan syarat-syarat yang tertentu untuk meletakkan agen-agen pembayaran-pembayaran yang tertentu tidak melebihi alas satu-satu syarat, takutkan kompeni yang mengendalikan perniagaan yang sebegini menggunakan wang pembayaran awal itu ataupun deposit itu sebagai keuntungan, bukan bagi penjualan barang-barang yang bakal mereka jual. Jadi, lujuan kita ialah untuk penjualan barang, bukan untuk menerima benda-benda deposit ini. Kerana kita takut selepas mereka mencrima wang tempahan ataupun wang pendahuluan daripada pihak-pihak agen, dan agen telah membahagikan wang pendahuluan ini kepada orang atasan mereka yang melantik mereka sebelum melantik mereka menjadi agen dan seterusnya. Jadi, ini perlu diberi satu perhaiian agar jangan kesempatan diambil oleh pihak-pihak yang tertentu dan undang-undang ini boleh diatasi, dan tujuan undang-undang ini nanti akan tergendala begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi hakikai, dan daripada segi konsep, saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Saya berharap pihak Kementerian, sebelum melantik nanti mestilah melantik pegawai-pegawai yang tertentu merancang begitu rapi, mengambil yang begitu kemas dan melantiknya di tiap-tiap bandar yang besar di mana penglibatan-penglibatan syarikat yang ada mempunyai pekerjaan ataupun perdagangan-perdagangan sebegini secara menyeluruh supaya jangan undang-undang ini jadi undang-undang begilu sahaja supaya orang-orang yang sepatutnya kita protect should be protected, dengan izin, Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas.

5.15 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan cadangan pembentangan Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992. Cuma saya hendak bangkitkan beberapa perkara tentang peruntukan-peruntukan khusus yang terdapat di bawah Akta ini dan meminia penjelasan daripada Yang Berhormat Seliausaha Parlimen yang nampaknya bersedia untuk menjawab soalan-soalan dan perbahasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan.

Yang pertamanya ialah berhubung dengan peruntukan seksyen 1, sub-seksyen (4) yang memperuntukkan bahawa "Peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah menjejaskan Akta Sewa Beli 1967, Akta Jualan Barang 1957, Akta Kontrak 1957 dan Akta Syarikat 1965. Dan jika ada apa-apa percanggahan di antara peruntukan akta ini, dengan peruntukan-peruntukan mana-mana akta

itu, peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah mengatasi." Dengan kata lain, peruntukan Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 ini akan mengatasi peruntukan-peruntukan undang-undang yang sudah sedia ada. Barangkali niat Kementerian ialah untuk mewujudkan suatu peraturan undang-undang bagi mengawal beberapa jenis barang yang sekarang ini barangkali tidak termasuk di bawah Akta Sewa Beli 1967, kerana di bawah Akta Sewa Beli, takrif barang adalah ditentukan oleh Menteri dari masa ke semasa.

Di bawah seksyen 2, barang yang didefinisikan di bawah Akta ini bererti, tiap-tiap jenis harta alih, Harta alih yang dimaksudkan di sini pada fahaman saya termasuklah harta-harta atau perkara-perkara, barang-barang yang lelahpun pada masa ini termasuk di bawah pengawasan Akta Sewa Beli 1967. Walau bagaimanapun, Akta Sewa Beli tidak meliputi semua jenis barang, barangkali pihak Kementerian diniatkan Akta ini untuk menguasai mana-mana barang yang tidak secara langsung diisytiharkan sebagai takrif barang di bawah Akta Sewa Beli 1967.

Perkara yang menimbulkan masalah di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah apabila undang-undang ini berkuatkuasa, akan terjadi suatu overlapping ataupun peraturan yang terpakai untuk beberapa jenis barang. Misalannya barang-barang yang termasuk di bawah Akta Sewa Beli yang digezetkan sebagai takrif barang di bawah Akta Sewa Beli, kemudian cara penjualannya dibuat secara direct selling, barang itu telah dige/ei sebagai barang, takrif barang, 'goods' di bawah Akta Sewa Beli, tetapi penjualannya ialah secara direct selling. Permasalahan yang akan timbul ialah undang-undang mana yang terpakai, sama ada Akta Sewa Beli terpakai ataupun Akta ini yang akan terpakai di dalam transaksi berkenaan.

Nampaknya niat Akta ini ialah supaya Akta ini terpakai. Jika demikian, jika berlaku overlapping atau berlaku persamaan antara jenis barang yang termasuk dalam Akta Sewa Beli kemudian dibuat direct sale. Cara penjualannya ialah direct selling, maka ianya mesti tertakluk kepada pemakaian undang-undang ini. Itulah yang saya faham daripada apa yang dimaksudkan oleh peruntukan undang-undang ini.

Persoalan timbul ialah kerana daripada semua - apabila saya membaca Rang Undang-undang ini - Rang Undang-undang ini tidak meliputi semua hak-hak pembeli dan hak-hak penjual. Sedangkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 hak-hak pembeli dan hak-hak penjual telah dinyatakan dengan jelas. Apa yang terdapat di dalam ini undang-undang ini ialah sualu undang-undang yang menyeluruh, tidak spesifik, sedangkan undang-undang Akta Sewa Beli adalah spesifik. Jadi, kalau barang yang kita masuk dalam Akta Sewa Beli dijual melalui direct sale, dan peruntukan undang-undang ini terpakai, ini secara langsung akan menjejaskan hak-hak pembeli yang memang sudah sedia ada di bawah Akta Sewa Beli 1967.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimanakah cara untuk menyelesaikan masalah ini yang berlaku, kemungkinan akan timbul apabila undang-undang ini dikuatkuasakan.

Yang keduanya ialah Bahagian V iaitu yang berbincang mengenai tempoh bertenang dan penamatan. Nampaknya undang-undang ini memberi perlindungan kepada satu pihak iaitu pembeli yang mempunyai hak untuk menamatkan sesuatu kontrak apabila berlaku tempoh bertenang, memberi hak kepada pembeli tetapi tidak memberi hak kepada penjual, hak kepada penjual untuk menamatkan kontrak tidak terdapat di dalam Akta ini. Saya membacanya daripada awal hingga akhir dan tidak terdapat satu peruntukan yang memberi hak kepada penjual untuk

menamatkan kontrak di bawah direct sale atau jualan langsung tadi. Apa yang terdapat di bawah seksyen 26 ialah penamatan kontrak oleh pembeli. Jadi, kalau kita memberi hak kepada pembeli dalam suatu kontrak yang adil tentulah mesti ada hak kepada pihak penjual.

Satu perkara lagi yang saya nampak kekurangan kepada Akta ini ialah tidak terdapat suatu peruntukan mengenai pembangunan re-possession, pemilikan semula barang-barang yang telah dijual. Sebagaimana yang kita tahu di bawah Akta Sewa Beli, ada peruntukan khusus yang memberi hak kepada pihak penjual untuk re-possess ataupun melakukan pemilikan semula barang jika sekiranya two consecutive instalments, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah tidak dibayar oleh penyewa. Tetapi di dalam Akta ini tidak ada satu cara pun bagaimana hendak menguatkuasakan pemilikan semula. Jualnya ada. Syarat-syarat kontraknya sudah disebut tetapi apabila barang telah dijual secara direct sale, tidak ada kuasa ataupun cara yang dipcruntukkan dengan jelas, bagaimana pemilikan semula boleh dibuat, peraturan-peraturan pemilikan semula boleh dibuat oleh pihak penjual.

Kalaulah diniatkan bahawa pemilikan Akta Sewa Beli untuk dipakai kepada Akta ini, ini tidak munasabah kerana Akta Sewa Beli hanya terpakai kepada bebcrapa peraturan tertentu. Dan kalau kita kata hendak pakai di bawah Akta Kontrak, Akta Kontrak tidak memberi suatu penalti di atas kesalahan-kesalahan yang berlaku. Begitu juga dengan sales of goods, Akta Jualan Barang tidak ada peruntukan untuk penalti jika kesalahan dilakukan di bawah Akta berkenaan. Jadi, peruntukan mengenai repossession ini, pada pandangan saya, mesti ada. Saya nampak satu ruang yang boleh digunakan oleh Menteri ialah berhubung dengan kuasa Menteri untuk membuat peraturan di bawah Akta ini, iaitu yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat

peraturan-peraturan. Inilah barangkali ruang yang boleh digunakan. Jadi, saya hendak cadangkan di sini. Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan mengenai repossession berhubung dengan barang-barang yang tertakluk kepada Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 ini mestilah dibuat sedemikian rupa.

Sepertimana yang kita tahu di bawah Akta Sewa Beli 1967, peraturan pemilikan semula telah pun ada dan telah pun dipinda banyak kali dan kali terakhir, saya ingat ialah pada persidangan bulan Julai yang lepas untuk memperkemaskan hak-hak pembeli dan penjual di bawah pemilikan semula. Jadi, apabita Yang Berhormat Menteri membuat peraturan di bawah fasal 44(1) nani supaya kedudukan dan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Sewa Beli yang sedia ada mestilah diambil kira setelah melihat kelemahan-kelemahan kepada peraturan yang sedia ada di bawah Akta Sewa Beli. Dan jika boleh, peraturan yang dibuat itu memberi hak yang adil kepada kedua-dua pihak sama ada penjual dan pembeli.

Daripada pengalaman yang berlaku di dalam Akta Sewa Beli, satu perkara yang amat lernyaia ialah tentang penyalahgunaan oleh pihak penjual, iaitu pihak pemberi sewa (tuan punya) dalam menguatkuasakan hak mereka di bawah Akta Sewa-Beli sering menarik balik perkara-perkara ataupun subject matter, iailu kereta, kenderaan bermotor dan sebagainya berlaku penyalahgunaan kuasa dan berlaku keganasan sehingga berlaku kes jenayah dan scbagainya. Jadi, dalam merangka peraturan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di bawah seksyen 44, faktor-faktor ini perlulah diambil kira. Saya minta pandangan-pandangan saya tadi akan mendapat penjelasan dan pertimbangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Tuan.

5.45 ptg.

Datuk Monggoh Orow (Tuaran):

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong bahawa Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 ini harus digubal oleh Kerajaan tetapi dengan syarat-syarat yang mendatangkan kebaikan kepada semua rakyat Malaysia yang ingin mencebur diri dalam jualan langsung.

Pertama, keperluannya untuk menjadi sebagai seorang penjual langsung di sini iaitu fasal 4 yang berbunyi yang disebutkan dalam bahasa Inggeris:

"Subject to sections 14 and 42, no person shall carry on any direct sale business unless it is a company incorporated under the Companies Act 1965 and holds a valid licence granted under section 6."

Direct sales ini adalah satu perniagaan yang tidak memerlukan modal yang banyak. Dan bagi seseorang rakyat Malaysia yang ingin menjalankan perniagaan secara perseorangan bolehlah menjalankan perniagaan ini, bukan seperti perniagaan yang besar-besar yang memerlukan modal yang banyak. Dan jika sekiranya seseorang diperlukan menubuhkan sebuah syarikat, ini akan memakan perbelanjaan lebih kurang \$2,000. Bagaimana rakyat yang tidak bermodal, rakyat di kampung, di luar bandar ataupun di bandar yang tidak mempunyai modal yang banyak. Bukankah tujuan Kerajaan ialah memberi peluang kepada sesiapa yang tidak mempunyai kerja? Dia menjalankan perniagaan sendiri supaya dia dapat mencari nafkah hidup sendiri,

tidak semata-mata bergantung kepada orang yang mempunyai wang ataupun bergantung kepada Kerajaan semata-mata untuk mencari nafkah hidupnya.

Direct selling juga adalah satu perniagaan yang dijalankan oleh seorang individu. Dia tidak perlu mencari pekerja-pekerja kerana dia sendiri yang menjalankan perniagaan itu. Oleh itu, dia tidak perlu menggaji pekerja, dia tidak perlu menyewa gudang-gudang untuk menyimpan stok, dia boleh simpan di rumahnya, dan dia tidak perlu menyewa kereta-kereta sebagai pengangkutan untuk mengangkut barangan yang dijual kecuali dia sendiri mengangkat barang-barang itu. Kerana direct selling ini ialah yang dikalakan network marketing. Sebagai contoh di Sabah, ramai rakyat Malaysia yang menjalankan jualan langsung, kebanyakan mereka ini tidak mempunyai modal yang banyak, tidak berdaya untuk menubuhkan sebuah syarikat yang memakan belanja lebih kurang \$2,000 dan inilah satu sumber pencarian pendapatan mereka. Mereka mungkin mendapat \$200.00 sebulan ataupun \$150.00 sebulan. Ini bagi mereka yang tidak ada sumber pendapatan adalah merupakan satu pendapatan yang banyak sekali.

Dan jika sekiranya Akta ini memerlukan seseorang menubuhkan satu syarikat supaya mendapat peluang ini maka ini adalah satu halangan yang paling besar dan saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan tidak menggalakkan orang-orang yang tidak berada itu membclanjakan begibu banyak wang.

Satu lagi perkara iaitu "cooling-off period" di mana penjual itu dipcrlukan menunggu lebih kurang 10 hari dalam Akta ini sebelum barangan itu disampaikan kepada pelanggannya. Di Sabah, perhubungannya begitu sukar.

Jalan raya tidak baik dan tidak cukup. Orang-orang kampung yang datang dari luar bandar berjalan kaki ke bandar. Kalau mereka memerlukan barangan

yang dijual kepada mereka dan penjual ini berulang-alik ke tempat yang begitu jauh, maka memang kita tidak galakkan pembuangan masa. Masa ini adalah emas. Jadi, cooling off period selama 10 hari ini akan menghalangkan perkembangan perniagaan sedangkan dalam perniagaan ini, time is money, dengan i/.in. Kalau kita buang masa 10 hari, bagaimana kita boleh memperkembangkan perniagaan.

Jadi, saya mencadangkan di sini kalau cooling off period ini, kalau ada persetujuan di antara pembeli dengan penjual, kenapa kita adakan cooling off period selama 10 hari? Kenapa kita sekatkan perniagaannya? Biar kita berikan kebebasan, Misalnya, kalau saya mcmbeli sepasang kasut di sebuah kedai, saya tidak patut dihadkan masa bahawa "awak tidak boleh beli kasut ini sampai 10 hari". Kenapa diadakan cooling-off period?

Saya cadangkan supaya cooling-off period ini disingkir sama sekali kerana ini adalah satu penghalang kepada perkembangan perniagaan. Dalam bidang mana perniagaan pun, masa adalah emas. Kalau kita meminjam wang dari bank, bermula pada saat kita menandatangani perjanjian pinjaman, di situlah bermulanya faedah pinjaman, mengikut saat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya cooling-off period ini dikaji semula dan kalau boleh saya cadangkan ditarik balik dan disingkir daripada Akta ini.

Di negeri Sabah ramai peniaga-peniaga yang kami panggil "Pakistani" - saya minta maaf - kerana mereka ini menjual barangan terutamanya kain-kain batik untuk kegunaan orang-orang di kampung. Batik ini adalah buatan daripada Malaysia. Orang-orang yang daumg ini menggunakan tenaga mereka

seharian. Mereka berjalan kaki berbau-batu unuk mencari pelanggan di kampung di luar bandar. Jadi, kalau orang-orang ini dipaksa menubuh syarikat-syarikat yang memakan modal \$2,000 untuk sebuah syarikat dan mereka membayar lesen-lesen setiap lahun, implikasinya harga barangan yang mereka jual itu akan meningkat kerana siapa sahaja yang melabur akan berusaha untuk mengutip balik petaburannya dan pelaburan itu akan dikulip daripada jualan. Jikalau jualannya mahal, bagaimana orang-orang di luar bandar sanggup membeli barang-barang yang mahal sedangkan orang-orang ini memberi peluang kredit kepada pelanggan-pelanggan di luar bandar. Ini adalah satu cara mereka dari segi ekonomi untuk membantu orang-orang kita di luar bandar kerana mereka di luar bandar ini tidak ada pendapatan yang banyak.

Bagi pendapat saya, Akta ini telah digubal dengan tidak begitu banyak penelitian yang dibuat. Mungkin ini telah digubal bcrasarkan kepada kes-kes yang telah berlaku yang kita trbaca di dalam surat-kabar tiap-tiap bulan di mana ada orang yang mempunyai wang banyak telah kehilangan \$100,000, \$80,000, \$200,000 oleh sebab perniagaan piramid. Piramid ini adalah suatu sistem perniagaan yang tidak menguntungkan kepada sesiapa-kecuali orang yang duduk di atas. Manakala multi-level ataupun network marketing ini adalah suatu sistem perniagaan yang lain di mana akan memberi peluang kepada siapa sahaja yang suka menjalankan perniagaan secara persendirian.

Saya memang bersimpati kepada pihak-pihak yang lelah kehilangan wang beratus ribu ringgit oleh sebab ini bukanlah kesalahan orang-orang yang telah menjalankan perniagaan pada mulanya, tetapi ini adalah kesalahan orang-orang yang mengikuti tanpa kajian dan penelitian ke atas sistem perniagaan yang telah mereka mnceburi itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Pegawai Pengawal, saya mencadangkan di sini jika sekiranya undang-undang ini dikuatkuasakan apabila sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, pegawai-pegawai yang dilantik itu haruslah dilatih dengan sebaik-baiknya supaya mereka mengetahui apa jenis perniagaan yang mereka kawal sama ada ianya piramid ataupun multi-level. Jika pegawai itu tidak mengetahui konsep perniagaan piramid dan multi-level, maka ini akan menjejaskan peluang kepada rakyat Malaysia yang ingin menceburkan diri di dalam perniagaan ini semata-mata untuk meningkatkan lagi taraf hidup mereka. Pegawai-pegawai ini haruslah ditempatkan di tempat-tempat strategik, maksud saya di ibukota dan di bandar-bandar yang besar kerana bagi saya ada banyak jenis direct selling. Tetapi saya minla di sini supaya Akta ini tidak membenarkan direct selling yang tidak akan memberi keuntungan kepada sesiapa yang ingin mncebur diri di dalam jualan langsung.

Dalam pengetahuan saya, syarikat-syarikat yang terkenal, yang sudah wujud beberapa puluh tahun, yang menjual barangan yang bermutu biasanya memberi jaminan 100%. Duit akan dikembalikan jika barangan itu tidak baik. Tetapi ada syarikat-syarikat yang ditubuh dan menaja beberapa barangan sahaja yang tidak memberi jaminan. Jika Akta ini dikuatkuasakan nanti, saya cadangkan di sini supaya barangmana syarikat yang menaja berjenis-jenis barangan, dia seharusnya memberi jaminan ataupun guarantee 100% bahawa barangan itu adalah bermutu tinggi. Jika pelanggannya tidak berpuas hati, pelanggan boleh mengembalikannya dan wangnya akan dikembalikan oleh syarikat tersebut. Jika ini tidak diberi jaminan oleh syarikat yang menaja itu, maka tidak seharusnya ia didaftar dan dibenarkan untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

Mengenai barangan daripada luar negeri itu, memang ada barangan yang tidak lerdapat di negara kita kerana

negara kita masih membangun dan banyak lagi kekurangan dari segi perkhidmatan, mutu barangan dan sebagainya. Jika ada barangan yang baik dari luar negeri, baik untuk rakyat kila di Malaysia, mengapa kita tidak terima. Kenapa harus kita tolak?

Tidak seterusnya ini berlaku. Jadi, saya tidak bersetujulah bahawa kalau barangan itu datangnya daripada luar negara, kerana syarikat yang besar-besar ini mempunyai research and development di mana dia menumpukan ongkos yang lebih banyak untuk meningkatkan dan memperbaiki mutu barangannya sedangkan syarikat-syarikat kita di Malaysia ini, minia maaf, ada yang hanya mengeluarkan semata-mata dengan tidak ada research and development, sama ada barangan itu bagus atau tidak dikeluarkan sahaja asalkan dia dapat Cranchise. Mana syarikat yang besar-besar yang menggunakan saintis 200, 300 orang untuk menjalankan research. Kalau syarikat itu mempunyai begitu ramai saintis, kita terima barangannya. Jangan sebarang kita menerima barangan yang dikluarkan dari backyard, kata orang, kerana orang kita juga yang rugi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi dengan syarat bahawa sebelum ia dikuatkuasakan, penyelidikan yang mendalam dibuat di seluruh negara untuk kepentingan penggubalan undang-undang ini. Oleh sebab kita terbaca banyak dalam suratkhbar-suratkhbar bahawa ramai orang kehilangan duit \$100 ribu, \$80 ribu dan sebagainya kerana implikasinya bukan hanya ini sahaja tetapi sehingga hayat kita tidak ada di dunia ini. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Alor Setar.

6.03 pig.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, pertama skkali saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah sudi memberi peluang untuk saya berucap.

Tuan Yang di-Pertua, memang Rang Undang-undang Jualan Langsung ini amailah dialu-alukan sebab buat masa ini masyarakat kita khususnya golongan pengguna sedang menghadapi banyak masalah yang telahpun dibuat dan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang menjual barang-barang melalui jualan langsung dan memang dari segi aspek hak kepentingan pengguna-pengguna kita harus mempunyai suatu undang-undang yang kemaskini yang dapat melindungi hak kepentingan pengguna-pengguna dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, konsep jualan langsung ini pada pendapat saya adalah salah satu konsep yang telah wujud dan diperkenalkan di negara Barat pada permulaannya tetapi bual masa ini kita dapat melihat bahawa semua negara di rantau Asia ini memang penuh dengan syarikat yang ingin menjual barang-barang mereka melalui jualan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapat memperhatikan bahawa apabila konsep ini diperkenalkan ia hanya memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna yang mana mereka tidak payah pergi jauh, tidak payah pergi ke pusat pembelian ataupun kedai-kedai untuk membeli barang-barang yang diperlukan. Pengguna-pengguna di negara-negara Barat dapat membeli barang-barang yang mereka ingin membeli melalui mail order, dengan izin, ataupun melalui jualan langsung. Akan tetapi apabila konsep ini diperkenalkan di negara-negara rantau Asia, konsep ini

malangnya telah pun diubah yang mana syarikat-syarikat ataupun pengedar-pengedar barang-barang jualan langsung sekarang menjual barang-barang berpandukan kepada keuntungan hebat kepada pengedar ataupun ejen-ejen dalam proses penjualan ini. Dalam perkataan lain, corak jualan langsung yang dipraktikkan sekarang di negara kita adalah berpandukan kepada keuntungan yang diperolehi oleh seorang pesera yang menerima upah atau balasan yang tidak diasaskan pada jumlah atau kuantiti ataupun quality, dengan izin, barang-barang dijual tetapi diasaskan pada apa lakat pada bilangan peserta-peserta yang dapat didorong supaya menyeraikan skim itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah salah satu cara atau skim yang dinamakan skim piramid penjualan langsung. Sebelum Kerajaan kita membenarkan Undang-undang Jualan Langsung dalam Dewan yang mulia ini, memang kita dapat melihat keadaan bagaimana pengguna-pengguna telah tertipu oleh syarikat-syarikat ataupun pengedar-pengedar yang terlibat dalam skim jualan langsung secara skim piramid yang berorganisasikan skim piramid yang mana saya faham adalah melalui *modus operandi*, dengan izin, secara tiga segi yang mana status syarikat adalah menduduki di atas dan melalui peserta-peserta yang didapati di bawah yang dikenali 'downline' dengan izin, untuk menyertai skim ini dengan menjual barang-barangan yang dikeluarkan oleh syarikat semata-matanya mendapat kommisyen yang lumayan dan akhirnya syarikat mendapat keuntungan yang hebat dan besar dan akhirnya orang-orang ataupun pihak-pihak yang tertipu adalah pihak pengguna, ejen-ejen ataupun peserta-peserta dalam skim piramid ini.

Saya mengakui bahawa konsep jualan langsung ini bukan semestinya dipandang dari sudut negatif dan kita tidak boleh mengatakan bahawa skim jualan langsung ini tidak baik. Skim jualan langsung memang mempunyai

advantages, dengan izin, ataupun kebaikan kebaikan tetapi dengan corak atau jenis skim jualan langsung piramid yang sedia ada, kita harus mempertahankan kepentingan ataupun melindungi hak-hak pengguna kita dengan mengawal cara jualan barang-barang yang dijual oleh syarikat-syarikat ataupun pengedar-pengedar barangan jualan langsung. Memang tepatlah bagi satu undang-undang seperti Rang Undang-undang Jualan Langsung diadakan untuk mengawal cara-cara jual-beli melalui jualan langsung ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya meneliti peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini, kita dapat melihat betapa komprehensifnya Rang Undang-undang ini khususnya dari segi pengawalan jualan langsung ini. Kita sedar juga peruntukan-peruntukan adalah untuk kebaikan dan menjaga kepentingan pengguna-pengguna supaya tidak tertipu, tetapi walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada jika peruntukan "cooling off period", dengan izin, ataupun tempoh bertenang yang diadakan dalam Rang Undang-undang ini adakah praktikal dan sila beritahu adakah peruntukan kontrak bertakluk kepada "cooling off period" ini dan penamatan kontrak adalah praktikal yang mana pihak Kerajaan dapat mengawal dengan betul-betulnya kegiatan ataupun penjualan jual beli yang telah ditandatangani oleh penjual dan pembeli.

Yang kedua, mengikut peruntukan yang diadakan dalam Rang Undang-undang ini, adakah jualan ataupun pembelian langsung bermaksud segala transaksi yang akan diadakan adalah secara tunai? Jika tidak, memang masalah re-possession, dengan izin, yang ialah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kok Lanas akan timbul sebab

barangan-barangan yang dijual melalui jualan langsung bukan semuanya begitu murah. Kemungkinan benda ataupun barang-barang kosnya akan sampai tahap dua ataupun tiga ribu dan pengguna-pengguna ataupun pembeli terpaksa membeli barang ataupun benda itu melalui pembayaran ansuran bulanan. Jika pembelian ini adalah melalui pembayaran secara ansuran bulanan, adakah pihak penjual dapat repossess, dengan izin, barangan-barangan yang telah dibeli melalui kontrak yang ditandatangani oleh dua pihak ini jika pihak pembeli tidak dapat menjelaskan segala ansuran bulanan.

Yang ketiga, saya harap Yang Bcrhormat Setiausaha Parlimen juga dapat menjelaskan sama ada kontrak ini yang bertakluk kepada tempoh bertenang selama 10 hari adalah juga kontrak yang scakan-akan dengan kontrak -di bawah Akta Sewa Beli? Sebab jika pembeli-membeli sesuatu barang melalui bayaran ansuran bulanan, saya berpendapat bahawa ini ialah secara automatik menjadi kontrak di bawah Akta Sewa Beli dan jika begitu, adakah pihak penjual dapat repossess, dengan izin, benda yang telah dijual mengikui peruntukan Akta Sewa Beli? Jika tidak, macam mana pihak penjual dapat menarik balik benda yang telah dijual?

Tuan Yang di-Pertua, memang saya berseluju dengan Rang Undang-undang ini sebab kita tahu, kita menyedari bahawa penjual adalah juga pengguna di sesuatu peringkat dan kita pada masa ini adalah macam orang kata, in the age of consumerism, dengan izin, dan saya percaya peruntukan-peruntukan dalam Akta ini khususnya adalah untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna dan saya percaya syarikat-syarikat genuine ataupun syarikat-syarikat tulen yang betul-betul dalam perniagaan jualan langsung. Tidak payah takut kepada Rang Undang-undang ini sebab jika barangan-barangan yang dijual oleh mereka adalah tulen, maka

peruntukan-peruntukan dalam Akta ini tidak akan membawa sebarang masalah kepada mereka.

Cuma saya harap selepas Akta ini diluluskan ianya dapat dari semasa perhatian dan kajian dari Kerajaan sama ada segala peruntukan adalah sesuai dan tepat. Kalau tidak, saya harap perubahan dapat diadakan dari semasa ke semasa.

Maka dengan kata-kata sedemikian, saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Sibu.**

6.17ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992. Saya sangat gembira kerana Kerajaan kita has finally addressed, dengan izin, soal jualan langsung supaya kepentingan hak pengguna atau pembeli akan dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah mengalami pengalaman jualan langsung lebih kurang 25 tahun yang lepas di dalam masa cuti universiti di Australia. Sebelum saya masuk perusahaan itu untuk bergiat di dalam skim jualan langsung, saya harus masuk satu kelas latihan membaca satu buku lebih kurang 21 halaman by heart, dengan izin. Di dalam teks itu mengenai section door opener; buka pintu, product presentation, dengan izin, dan akhirnya tandatangan perjanjian jual beli. Sesudah saya graduated atau selepas lulus dari kelas tersebut, team leader membawa saya ke satu jalan. Saya turun dari kereta itu lebih kurang jam lima petang saya mulai ketuk pintu dari rumah ke rumah. Kalau saya nasib baik saya mungkin mendapat izin masuk rumah dua atau sampai lima rumah dalam lebih kurang 50 pintu saya ketuk. I knocked

the door for 50 doors. Kalau saya nasib baik baru boleh masuk dua sampai lima pintu. Kalau pengguna izinkan saya to present the full text, dengan izin, peratus success saya lebih kurang 90%, dia akan tandatangan perjanjian jual beli.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam teks itu, teks jualan, saya tidak kata satu kali jualan, itulah bahaya. Di dalam jualan langsung pengguna selalu membeli barang-barang yang tidak perlu dan dengan harga tinggi, harga mahal, Komoditi yang saya menjual 25 tahun yang lalu ialah Buku Ensiklopedia, harganya satu set ialah lebih kurang Australian dollars 2,000 dan saya mendapat komisyen lebih kurang Australian dollars 700. Negeri Australia sudah ada Akta Jualan Langsung tempoh itu yang mempunyai cooling off period dengan tujuh hari.

Saya sokong penuh Kerajaan kita membenarkan Rang Undang-undang Jualan Langsung, tapi saya sendiri pun fikir begitu, kalau satu negara mahu memajukan industri khususnya, sektor paling penting ialah kita perlu menjual komoditi-komoditi yang berproduksi dari industri kita di mana jurujual ada saiz peranan yang penting di dalam memajukan industri negara kita. Tetapi jualan langsung ada beberapa contoh, ada beberapa loopholes, kita sudah nampak. Saya haraplah Rang Undang-undang itu akan sekali gus hapuskan semua loopholes, dengan izin, supaya kepentingan pengguna akan dijaga dengan baik.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, selepas ini Kementerian menjawab.

6.22ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai beberapa peruntukan yang baik yang sekiranya boleh dilaksanakan dengan berkesan akan membawa manfaat kepada pengguna-pengguna di negara ini. Walau bagaimanapun, sayapun berasa hairan mengapa pihak Kerajaan baharu sahaja hendak membentangkan Rang Undang-undang Jualan Langsung. Walhal difahamkan bahawa lebih 300,000 orang telah terlibat di dalam jualan langsung di dalam pasaran pelbagai peringkat ini dan selepas begitu banyak orang yang terlibat di dalam aktiviti ini, maka pihak Kerajaan menerima banyak aduan mengenai penipuan dan baru sahaja sedar....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat Tasek Chendroh bangun ya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta penjelasan sedikit, Saya perhatikan tiap-tiap kali bila Kepong bangun bercakap, apa sahaja Rang Undang-undang yang kita bentangkan, Kepong akan berkata kenapa sekarang baru hendak buat undang-undang. Kepada tiap-tiap Bil, tiap-tiap Rang Undang-undang yang kita bentangkan, seolah-olah kita merdeka tahun 1957 dahulu, semua undang-undang kena buat tahun 1957, selepas itu tidak payah buat lagi. Kalau begitu kita tidak payah ada Parlimen, semua balik duduk di rumah, buat sekali cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mcmang Tasek yang cenderung, memang tabiat dia untuk menegur saya sama ada betul ataupun tidak dia tidak kisah, hendak tegur sahaja, tetapi saya hendak memberi nasihat kepada beliau supaya balik kita fikir dengan masak-